

Jilid III  
Bil. 6

Hari Rabu  
9hb Mei, 1973



**MALAYSIA**

# PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT.

DEWAN NEGARA

*SENATE*

PARLIMEN KETIGA

*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA

*Third Session*

## KANDUNGANNYA

### PENGUMUMAN VANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 445]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 446]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 446]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang [Ruangan 451]

Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peiadang [Ruangan 527]

### USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 519]

MALAYSIA

# PARLIMEN YANG K E T I G A - D E W A N N E G A R

*Penyata Rasmi*

## PENGGAL YANG KETIGA

Hari Rabu, 9hb Mei, 1973

— — — — —  
*Mesyuarat dimulakan pada pukul 230 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N. (Dilantik).  
„ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N.,  
P.J.K. (Dilantik).  
Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).  
TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T.  
(Johor).  
TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N.,  
J.P. (Dilantik).  
„ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K.  
(Negri Sembilan).  
„ DATUK HAJI ABDUL- RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M.  
(Dilantik).  
„ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).  
TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).  
„ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).  
„ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).  
„ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).  
DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).  
„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).  
„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).  
DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk  
Kurnia Indera (Dilantik).  
„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).  
„ AWANG DAUD bin MATUSIN (Dilantik).  
DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).  
TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).  
„ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K.  
(Dilantik).  
DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).  
DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang  
Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

- Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
- DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TUAN G. LOUIS (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAH ABU BAKAR (Dilantik).
- DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK S. O. K. UBaidULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- \* TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Mentferi Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- TAN SRIMOHAMED NOOR TAHIR, (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- TUAN TING MING HIA (Sarawak).

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA

### PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah saya maklumkan iaitu saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat. Sekarang saya jemput Setiausaha membacanya.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

"Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang (Perbadanan) Good Shepherd Nuns;
- (5) Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan); dan
- (8) Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan).

*Tandatangan;*

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT".

## URUSAN MESYUARAT

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberitahu iaitu saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat yang berjalan sekarang ini:

- (1) Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan);
- (4) Rang Undang-undang (Perbadanan) Good Shepherd Nuns;
- (5) Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan); dan
- (8) Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan).

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PERMIT KERJA

**1. Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar akan penamatan permit kerja bagi seorang asing; jika ya, mengapa tiada sebab diberikan ataupun orang yang berkenaan itu diberi peluang untuk menerangkan kesnya.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas akan maksud soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagi maklumat beliau kita ada 2 jenis undang-undang yang mengawal pengeluaran permit kerja atau pas kerja. Satu daripadanya ialah Employment (Restriction) Act, 1968 yang mengawal pengeluaran kebenaran bekerja atau "work permit" kepada orang-orang bukan warganegara yang menetap dalam negara kita. Ini adalah di

bawah bidang kuasa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Undang-undang yang satu lagi ialah Ordinan Imigeresen yang mengawal pengeluaran pas pekerjaan (employment pass) yang dikeluarkan kepada seseorang asing yang bekerja secara kontrek dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau pihak-pihak yang berkuasa tempatan atau dengan syarikat yang diluluskan baginya.

Walaupun demikian oleh kerana soalan ini dihadapkan kepada saya maka saya anggaplah apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkaitan dengan pas pekerjaan ataupun "employment pass" yang dikeluarkan di bawah Ordinan Imigeresen dan bagi menjawab soalan beliau itu maka saya suka menyatakan bahawa seseorang yang diberi pas pekerjaan itu dibenarkan tinggal di negeri ini hanya bagi tempoh yang tertentu. Apabila tempoh itu tamat maka pemegang pas itu dihendaki meninggalkan negeri ini. Saya sedar bahawa Kerajaan ada membatalkan pas pekerjaan orang dagang sebelum tamat tempoh yang ditentukan, tetapi saya tidak bersedia memberi sebab-sebab pas itu dibatalkan demi kepentingan negara.

## MEMBUANG SAMPAH SARAP

**2. Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau sedar akan perbuatan buruk yang dilakukan oleh beberapa buah kilang perindustrian dengan membuang sampah di tepi Jalan Damansara, dan jika ya, samada beliau akan menimbang mengemukakan undang-undang dan mengenakan hukuman yang berat ke atas mereka yang melakukan perbuatan ini dengan tujuan supaya perbuatan ini dapat dihapuskan.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa memang ada kilang-kilang perusahaan yang membuang sampah-sarapnya di kawasan-kawasan tepi Jalan Damansara. Walaupun tugas-tugas membersihkan Jalan Damansara ini adalah terletak di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur tetapi ini hanyalah setakat ke Batu 4 sahaja. Jadi mana-mana kawasan yang terletak dalam

lingkungan ini keadaannya adalah sentiasa memuaskan dan terkawal di mana tidak ada terdapat pembuangan sampah-sarap dari kilang-kilang perusahaan berlaku.

Sebenarnya tugas-tugas membersihkan dan memungut sampah-sarap adalah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan di mana pentadbirannya adalah terletak pada di bawah kelolaan Kerajaan Negeri. Bagaimanapun ini tidaklah termasuk kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, kerana ianya adalah tanggungjawab secara langsung Kementerian ini. Jadi walaupun Majlis-majlis tempatan merupakan portfolio Kementerian ini, kami tidaklah berhak untuk campur tangan dalam tugas pentadbiran hari-harinya dan juga terhadap perjalanannya. Kementerian melalui Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan adalah bertanggungjawab hanya terhadap polisinya sahaja dan juga penyelarasan undang-undang yang berkaitan dengan Majlis-majlis Tempatan.

Adalah difikirkan tidak sesuai untuk mengenakan peraturan-peraturan bagi mengurus dan membersihkan sampah-sarap, kerana perkara ini telah dicatit dengan terang dalam Town Boards Enactment (Cap. 137).

**Dr Mahathir bin Mohamed:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Kuala Lumpur ini menjadi Ibukota dan sesiapa juga yang menggunakan Jalan Damansara ini mengangap bahawa jalan itu adalah sebahagian daripada kawasan Ibukota Kuala Lumpur, boleh atau tidak pihak Ibukota membubuhkan tanda yang terang menunjukkan bahawa ini bukanlah termasuk dalam Kuala Lumpur supaya pelancung-pelancung yang datang ke sini tidak meletakkan kesalahan ini kepada pihak Ibukota Kuala Lumpur.

**Datuk Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, tanda ada disediakan di kawasan itu, tetapi saya mengakui bahawa tanda itu tidak berapa terang dan saya akan mengambil tindakan.

## JADUAL WAKTU SEKOLAH

**3. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa bilangan hari Sekolah dalam seminggu berbeza dari sekolah ke sekolah iaitu setengah-setengah

sekolah hari sekolah ialah lima hari seminggu, sedangkan di sekolah-sekolah yang lain pula hari sekolah ialah enam hari seminggu, dan adakah Kerajaan akan memulakan satu sistem yang dipersatukan supaya hari sekolah bagi semua sekolah di seluruh negeri dijadikan lima hari seminggu.

**Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah yang mengikuti jadual waktu enam hari seminggu terdiri daripada setengah-setengah sekolah rendah China. Sekolah-sekolah rendah Tamil dan Inggeris serta sekolah Kebangsaan adalah mengikuti jadual lima dari seminggu.

Sebelum tahun 1957 semua sekolah rendah China mengikuti jadual waktu enam hari seminggu, tetapi apabila sekolah-sekolah itu menjadi sekolah-sekolah jenis Kebangsaan berikutan dengan Syor Jawatankuasa Rahman Talib dalam tahun 1960, sebahagian daripadanya bertukar kepada jadual waktu lima hari seminggu. Walaupun demikian, masih banyak lagi sekolah-sekolah rendah jenis Kebangsaan China yang mengikuti peraturan lama, iaitu enam hari seminggu, sehingga ke hari ini. Peraturan mengadakan hari persekolahan enam hari seminggu itu tidak bermakna bahawa sekolah-sekolah itu melanggar peraturan-peraturan kursus pelajaran yang mana masa yang ditetapkan itu adalah masa yang minima yang mesti diikuti oleh semua sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jadual waktu enam hari seminggu di setengah-setengah sekolah rendah jenis Kebangsaan China itu adalah dipersetujukan oleh pihak-pihak pengurus sekolah dan juga ibu-ibubapa murid yang berkenaan dan ianya tidak ada menimbulkan apa-apa kerumitan.

Semua sekolah-sekolah menengah Kebangsaan ataupun jenis Kebangsaan adalah mengikuti jadual waktu lima hari seminggu.

Kementerian saya akan menghubungi sekolah-sekolah itu untuk mendapat pandangan-pandangan mereka berkenaan dengan mengadakan bilangan hari sekolah yang sama.

## PERKHIDMATAN PEGAWAI LEMBAGA PUSAT

**4. Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa "Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi pegawai-pegawai Lembaga Pusat" tidak menasabah dan bertentangan dengan Lapuran Aziz, dan samada Kerajaan bercadang hendak melonggarkan syarat-syarat perkhidmatan mereka kerana pegawai-pegawai ini bukan pegawai-pegawai Kerajaan tetapi adalah di bawah Perkhidmatan Guru yang dipersatukan.

**Datuk Hussein bin Datuk Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita tak dapat menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu kerana soalan itu terlalulah umum.

## ANGKATAN BERSENJATA/ PASUKAN POLIS

**5. Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan menerima Konsep bahawa tiap-tiap rakyat Malaysia adalah bertanggungjawab mempertahankan Negeranya; jika ya, apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mempengaruhi orangramai supaya mengambil bahagian dalam Angkatan Bersenjata dan Pasukan Polis.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Umbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menerima konsep bahawa tiap-tiap rakyat di negara kita ini secara langsung atau tidak langsung bertanggungjawab mempertahankan negara. Berdasarkan kepada konsep inilah, Kerajaan telah menubuhkan beberapa pasukan-pasukan Sukarela seperti Askar Wataniah, Pasukan Pertahanan Tempatan, Polis Simpanan Sukarela dan lain-lain yang memberikan peluang kepada orangramai menyertai dalam mempertahankan negara. Untuk murid-murid pula di sekolah-sekolah, Pasukan-pasukan Kedet Polis dan Tentera telahpun ditubuhkan. Kerajaan juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji kemungkinan melaksanakan Perkhidmatan Negara dan lapuran Jawatankuasa tersebut dijangka akan diserahkan untuk pertimbangan Kerajaan tidak berapa lama lagi.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya motion mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Pertubuhan Peladang, 1973, dibaca pada kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah mengenai persatuan-persatuan peladang dengan syarikat-syarikat kerjasama yang bercorak pertanian akan digabungkan kepada satu organisasi yang tunggal yang dinamakan "pertubuhan peladang".

Saya suka mengambil peluang ini bagi menerangkan kepada Dewan ini di atas:

- (i) tujuan-tujuan Kerajaan bagi menubuhkan pertubuhan-pertubuhan peladang itu;
- (ii) tugas-tugas dan kuasa-kuasa pertubuhan-pertubuhan itu; dan
- (iii) "implikasi" Rang Undang-undang ini ke atas Undang-undang Persatuan Peladang, 1967, serta lakaran semua undang-undang di Negara ini yang berhubung dengan syarikat-syarikat kerjasama yang bercorak pertanian.

#### *Tujuan bagi menubuhkan pertubuhan peladang*

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan pertubuhan-pertubuhan di peringkat bawah (grass root organizations) di kawasan luar-bandar pada masa ini amatlah kurang menyenangkan hati. Bahawa sekiranya ada persatuan-persatuan peladang serta syarikat-syarikat kerjasama yang di dalam kawasan pertanian yang sama, keadaan itu bolehlah menimbulkan perselisihan faham serta perbalahan di antara ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan itu. Ahli-ahli syarikat kerjasama, misalnya, merasa kurang puas hati di atas layanan yang diberikan kepada mereka jika dibandingkan dengan layanan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan kepada persatuan-persatuan peladang. Perbezaan layanan ini ternyata sekali di peringkat permulaan usia sesuatu persatuan

peladang itu di mana ianya adalah menjadi tumpuan pegawai-pegawai Kerajaan; persatuan itu adalah diberi bantuan yang tertentu bagi melancarkan projek-projeknya. Di setengah pihak, ahli-ahli syarikat kerjasama berperasaan bahawa masa depan mereka adalah terancam oleh kerana daya tarikan persatuan-persatuan peladang. Di setengah pihak-pihak pula, peladang-peladang adalah menjadi ahli dalam kedua-dua pertubuhan itu sekali, dan dengan jalan ini, menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kedua-dua pertubuhan itu. Dalam pada itu pula, ada setengah-setengah peladang telah tiada berupaya bagi membayar kembali jumlah kredit yang mereka perolehi. Keadaan yang membimbangkan Kerajaan adalah bahawa kedua-dua pertubuhan ini akan mengalami beberapa rintangan dan kesusahan sekiranya mereka itu bersaing dalam pengembangan aktiviti-aktiviti mereka dalam lapangan-lapangan yang sama. Persaingan yang hebat di antara petani-petani pasti akan memecah-belah mereka. Oleh hal yang demikian, Kerajaan berpendapat bahawa jalan yang sebaik-baiknya yang boleh menggembelungkan tenaga dan usaha petani-petani adalah dengan bersatupadu dengan meletakkan mereka itu di bawah satu organisasi sahaja.

Dengan jalan ini, adalah diharapkan bahawa lambat laun mereka itu akan dapat melahirkan satu keperibadian yang sama. Memandangkan kepada hal ini, Kerajaan adalah mencadangkan supaya:

- (a) diperkemas dan disusun terlebih dahulu jentera pentadbiran Kerajaan yang bertanggungjawab bagi persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama dengan jalan menyatukan fungsi-fungsi kedua-dua Jabatan Pertanian dan Kemajuan Kerjasama, dan memindahkan ke Lembaga Pertubuhan Peladang yang diperbadankan oleh Akta Lembaga Pertubuhan Peladang, 1973, yang mana akan dikemukakan di Dewan ini pula, dan
- (b) dengan menyatukan (intergrate) persatuan-persatuan peladang dengan syarikat-syarikat kerjasama yang bercorak pertanian ke dalam organisasi tunggal yang dinamakan "pertubuhan peladang" sebagaimana yang diperuntukkan oleh Rang Undang-undang ini.

Adalah diharapkan bahawa dengan penyatuan ini:

- (i) perselisihan di antara persatuan-persatuan peladang dengan syarikat-syarikat kerjasama tidak lagi akan timbul;
- (ii) bantuan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan akan dapat dinikmati bersama-sama oleh semua peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil;
- (iii) perselisihan faham di antara pegawai-pegawai Kerajaan akan dapat dihapuskan;
- (iv) bahawa polisi-polisi dan rancangan-rancangan Kerajaan yang kini bertentangan akan dapat dihapuskan.

Pertubuhan-pertubuhan ini apabila didaftarkan adalah menjadikan pertubuhan-pertubuhan perbadanan. Bentuk semacam ini akan membolehkan pertubuhan-pertubuhan itu bagi memainkan peranan mereka secara berkesan sebagai badan-badan perniagaan. Sebagaimana yang dapat dilihat daripada tujuan-tujuan serta kuasa-kuasa pertubuhan-pertubuhan ini di bawah Seksyen 6 dalam Rang Undang-undang ini. Pertubuhan-pertubuhan ini akan merupakan alat yang utama dalam usaha Kerajaan bagi menukar corak pertanian ke arah "commercial farming". Pada ringkasnya pertubuhan-pertubuhan peladang ini adalah diberi kuasa bagi mengumpulkan modal bagi mengembangkan "agric business" serta mengambil bahagian di dalam lapangan "agro-based industries".

Langkah bagi mengadakan badan yang tunggal bagi peladang-peladang dalam sesuatu kawasan kemajuan pertanian dengan taraf sebagai sebuah badan perbadanan perniagaan akan menelurkan beberapa ciri kebaikan. Misalnya:

- (a) kerja-kerja perancangan serta pelaksanaan projek-projek kemajuan di dalam sesuatu kawasan kemajuan pertanian itu akan dapat dijalankan secara lebih "integrated"; dan
- (b) bantuan hebat secara keutamaan ke atas pertubuhan itu selaras dengan dasar Kawasan Kemajuan Pertanian akan dapat melahirkan pengeluaran-pengeluaran hasil pertanian (producers organizations) yang lebih "viable";

- (c) oleh kerana pertubuhan-pertubuhan itu akan ditubuh dan didaftarkan dari segi prinsip-prinsip badan-badan perbadanan dan berikutan corak pengurusan pertubuhan-pertubuhan akan berdasarkan kepada prinsip-prinsip "commercial management", maka pengusaha-pengusahanya akan mendapat pengalaman dalam lapangan-lapangan "problem-solving" dan "decision-making".

#### *Implikasi Rang Undang-undang ini*

Memandangkan kepada hal-hal yang diterangkan ini, Rang Undang-undang ini mempunyai implikasi-implikasi seperti berikut:

- (i) bahawa mulai daripada tarikh kuatkuasa Undang-undang ini, persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian tidak lagi akan didaftarkan;
- (ii) bahawa persatuan-persatuan peladang dan juga syarikat-syarikat kerjasama yang telah sedia berdaftar di bawah undang-undang yang tertentu akan berpindah menjadi tanggungjawab Lembaga Pertubuhan Peladang;
- (iii) bahawa pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan di bawah undang-undang ini hendaklah berdasarkan kepada prinsip-prinsip pertubuhan peladang sebagaimana yang disyaratkan di bawah Rang Undang-undang ini.
- {iv} bahawa undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri, di bawah Seksyen 35 bagi membuatkan peraturan-peraturan yang-tertentu termasuk menentukan cara-cara bagi menyatukan persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama ke dalam "pertubuhan peladang".

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini sedia maklum bahawa undang-undang ini tidaklah bertujuan bagi menyatukan persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama ke dalam pertubuhan peladang dengan secara automatic. Penyatuan ini akan dijalankan secara perlahan-lahan dan beransur-beransur supaya perjalanan mereka itu tiada terjejas dan tergendala. Persoalan-persoalan seperti hak-hak, tanggungan dan sebagainya bagi tiap-tiap unit ahli di dalam pertubuhan peladang adalah perkara yang perlu diselesaikan terlebih dahulu. Oleh

kerana perkara-perkara ini adalah perkara-perkara detail, maka cara-cara dan-bentuk penyatuan itu tidaklah perlu dikanunkan ke dalam undang-undang ini. Seksyen 35 memberikan kuasa kepada Menteri bagi mengistiharkan peraturan-peraturan yang menyentuh perkara-perkara serupa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan Kerajaan kerana membentuk undang-undang baru ini untuk pertubuhan peladang-peladang.

Memanglah satu daripada perkara-perkara yang menghalang kemajuan pertubuhan-pertubuhan yang dibentuk oleh peladang-peladang ini ialah soal kekurangan kakitangan yang cekap dan juga persaingan di antara mereka, sehingga terdapat di satu-satu tempat lebih daripada satu pertubuhan dan oleh kerana mereka ini tidak bekerjasama, maka gagallah usaha mereka untuk memperbaiki taraf kehidupan peladang-peladang. Tetapi, kita selalu menyalahkan sistem sesuatu apabila apa yang dicadangkan oleh kita itu tidak berjalan seperti yang dijangkakan. Oleh kerana kita menyalahkan sistem, maka kita membentuk sistem yang lain dan sistem yang lain ini dibentuk berkali-kali, tetapi malangnya tidak juga berjaya dan saya percaya kalau dalam jangka masa 4-5 tahun undang-undang baru ini dikuatkuasakan kita tidak berjaya, maka kita akan sekali lagi menyalahkan undang-undang ini dan akan membentuk undang-undang yang lain pula. Tetapi pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terbesar yang menghalang kejayaan sesuatu usaha seperti ini ialah kekurangan kakitangan yang cekap, kekurangan minat di kalangan orang-orang ini sehingga kalau kita membentuk badan yang mana undang-undangnya adalah tersusun dengan begitu baik, maka badan ini juga tidak dapat bergerak.

Dengan mengadakan Rang Undang-undang baru ini, saya percaya pihak Kerajaan akan membantu pertubuhan-pertubuhan ini supaya pertubuhan-pertubuhan ini dapat berjalan dengan secara yang licin dan mendatangkan

faedah. Supaya pertubuhan ini dapat berjalan dengan licin, maka bilangan pegawai yang cukup dan terlatih adalah perkara yang mustahak sekali. Dalam soal ini mungkin akan mengambil masa yang banyak, kerana pegawai terlatih bukanlah satu benda yang boleh didapati dengan mudahnya, tentulah ianya akan mengambil masa tetapi apa yang dikehendaki ialah pemilihan yang baik supaya bukan sahaja diutamakan tentang soal kebolehan tetapi mestilah pegawai-pegawai ini betul-betul berminat untuk memberi pertolongan dan kerjasama kepada peladang-peladang ini, kerana kalau tidak ada pegawai yang terlatih, maka pertubuhan-pertubuhan ini tidak dapat berjalan dengan sempurna dan kalau pertubuhan ini tidak dapat berjalan dengan sempurna, maka adalah lebih baik lata tidak menggubalkan undang-undang baru sama sekali.

Satu daripada usaha-usaha yang boleh dijalankan oleh pertubuhan peladang yang baru ini ialah tentang mengurangkan perbelanjaan yang mesti dikeluarkan oleh peladang-peladang.

Sekali lagi saya ingin bercakap berkenaan dengan petani-petani yang menanam padi. Pada masa dahulu untuk mengeluarkan padi tidak menggunakan modal yang besar, iaitu apa yang dikehendaki adalah sekeping tanah dan mungkin seekor kerbau, tetapi pada masa sekarang ini petani mesti membeli baja, mesti membeli jentera, mesti mengadakan kenderaan untuk mengubah padinya daripada satu tempat ke satu tempat, mungkin mereka mesti menggunakan lebih banyak wang untuk membayar pekerja-pekerja yang sekarang ini berkehendakkan kepada bayaran yang lebih, mereka juga mesti menggunakan wang untuk mengeringkan padi, kerana pada masa sekarang ini apabila kita menanam padi setahun dua kali, kadang-kadang kita memotong pada musim hujan dan kita berkehendakkan supaya padi dikeringkan dengan secara cepat, kalau tidak maka padi ini akan tumbuh dan tidak akan berguna lagi, semua ini memakan belanja. Kalaulah pertubuhan yang dibentuk ini boleh mengurangkan belanja, maka saya fikir ini bolehlah memberi makna kepada petani-petani sendiri.

Satu daripada cara-cara yang perbelanjaan dapat dikurangkan ialah dengan secara bulk purchase dan distribution yang dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan ini. Kalau kita kaji tentang perusahaan penanaman padi ini, kita tentu tahu pada masa dahulu yang terlibat

dalam mengeluarkan padi ini ialah petani-petani sahaja dan selepas daripada mereka yang dapat mencari keuntungan daripada perusahaan ini ialah pengilang-pengilang, tetapi pada masa sekarang ini bukan sahaja peladang dan pengilang-pengilang yang mencari keuntungan daripada perusahaan padi ini, tetapi lain-lain orang yang tidak terlibat pada masa dahulu. Mereka yang menjual baja umpamanya, mereka yang menjual trektor dan hand-tiller mereka yang servis-jentera-jentera ini, mereka yang memberi pinjaman wang kepada petani-petani untuk membeli itu dan ini, termasuk juga badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan seperti Bank Pertanian dan MARA yang memberi pinjaman untuk membeli "Kubota" dan sebagainya dan juga L.P.N. umpamanya, mereka juga mencari keuntungan daripada padi yang sebanyak itu juga.

Ini bermakna bahawa tiap-tiap kali peladang mesti mengeluarkan belanja untuk orang-orang ini, maka pendapatan mereka menjadi kurang. Kalaupun perusahaan ini seperti membeli dan membahagi baja-baja ini, membeli dan menjual mesin-mesin yang berguna kepada peladang-peladang ini, mengadakan alat mengering padi yang sekarang ini didirikan oleh L.P.N., kalau pihak peladang' dapat mengambil bahagian di dalam perusahaan-perusahaan ini keuntungan daripada perusahaan ini akan dapat dikembalikan kepada peladang-peladang. Tetapi apa yang terdapat pada masa sekarang ini ialah perusahaan-perusahaan ini dijalankan' oleh pihak yang lain termasuk badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan mereka mencari keuntungan daripada perusahaan ini, dan mereka menjadi sebenar-sebenarnya satu lagi orang tengah di antara pengilang padi umpamanya dengan peladang satu daripada orang tengahnya yang mencari keuntungan ialah L.P.N. pada masa sekarang ini yang akan ada 16 buah tempat mengering padi. Kalau peladang ingin menggunakan tempat pengering padi ini mereka bukan diberi menggunakan ini dengan secara percuma pihak L.P.N. juga mencari keuntungan daripada usaha mengeringkan padi dan keuntungan ini mestilah datang daripada hasil titik peloh kerja peladang-peladang itu sendiri. Kalau boleh, L.P.N. mencari keuntungan daripada perusahaan ini, adalah lebih baik kalau peladang-peladang diberikan saham di dalam perusahaan ini supaya kalau ada keuntungan, maka peladang itu sendiri

dapat merasai keuntungan ini. Tetapi janganlah pula apabila peladang diberi saham, maka perusahaan ini dijalankan dengan secara yang tidak mendapat keuntungan dan peladang akan menanggung rugi dan pada masa itu kita berkata kepada peladang: Inilah hendak sangat masuk syer di dalam saham ini, kali ini lebih rugi lagi daripada untung. Tetapi yang saya tahu pada masa sekarang ini siapa juga yang membeli padi daripada peladang-peladang ini selalulah mencari jalan supaya mereka tidak rugi, dan mereka yang tidak rugi kerap kali untung dan keuntungan ini datang daripada peladang. Umpamanya harga padi yang ditetapkan harga \$16 itu kerap kali dibeli dengan harga \$14.50 kerana potong basah, potong harga guni, dan ada bermacam-macam potongan lagi sehingga apa yang terdapat oleh peladang-peladang ini tidaklah begitu banyak. Jadi semakin lama bukan semakin banyak perolehan peladang-peladang ini, tetapi semakin kurang oleh kerana kita menambahkan bermacam-macam lagi perbelanjaan kepada peladang-peladang ini. Perkaraperkara semacam ini patutlah menitikberatkan oleh pertubuhan ini dan saya berharap bahawa pertubuhan itu boleh menuntun kepada Kerajaan supaya sebarang perusahaan yang datangnya daripada hasil titik peloh peladang-peladang akan dapat dipulangkan balik kepada peladang-peladang.

Satu daripada perkara-perkara yang selalu merugikan peladang, ialah kurang kebolehan tentang cara-cara membuat perhitungan, iaitu peladang-peladang ini menjalankan perusahaan mereka sebagai satu peasant industry iaitu daripada nenek-moyang mereka biasa bertanam padi dan menjual hasil daripada tanaman mereka. Dan mereka menganggap bahawa mereka untung kalau mereka dapat padi daripada sekian-sekian luas tanah, tetapi mereka ini tidak langsung membuat perhitungan tentang perbelanjaan pertama mereka bahawa tidak dicatitkan perbelanjaan tentang harga baja, perbelanjaan tentang upah tenggala upah membuang rumput dan bermacam-macam upah lagi menggunakan jentera dan sebagainya, semua kira-kira ini tidak diperbuat sama sekali oleh peladang-peladang. Ini ialah oleh kerana sebenarnya mereka tidak dari golongan yang terpelajar.

Saya berharap bahawa dengan adanya Persatuan Peladang di bawah Undang-undang ini, maka Persatuan Peladang ini akan menunjukkan secara terang berapa banyakkah

keuntungan daripada perusahaan menanam padi ini kerana saya berpendapat bahawa sebenarnya keuntungan adalah sedikit sangat dan tidak patut, kalau dibandingkan dengan usaha yang dijalankan oleh mereka itu. Jadi, pada tiap-tiap tahun mesti ditunjukkan kepada peladang-peladang supaya mereka ketahui samada perolehan mereka bertambah ataupun merosot akibat daripada bermacam-macam masalah yang mesti mereka menghadapi. Umpamanya patut diadakan chart yang menunjukkan perolehan mereka, kalau mereka bertanam padi setahun sekali dengan menggunakan seekor kerbau. Banyak yang berpendapat bahawa cara menanam padi yang begini merugikan, tetapi kalau kita menanam padi setahun sekali, kita tidak payah menjalankan kerja dengan begitu pantas. Kita boleh mengambil masa yang banyak, jadi kegunaan kerbau ini tidaklah merugikan, tetapi pada masa sekarang ini kalau kita bertanya kepada peladang, adakah membuat bandingan tentang perolehan daripada perusahaan ini, kalau digunakan kerbau dengan perolehan kalau digunakan jentera. Mereka tidak tahu, tetapi oleh kerana semua rakan-rakan mereka menggunakan jentera dan Kerajaan pula mendesak supaya mereka menggunakan jentera, maka mereka menggunakan jentera, tetapi mereka sendiri kurang faham samada dengan penggunaan jentera ini sebenarnya mereka mendapat keuntungan. Saya telah membuat perhitungan sendiri dan saya berpendapat bahawa sebenarnya mereka rugi, kerana menggunakan jentera. Tetapi ini ialah satu pendapat oleh seorang yang bukan pakar ekonomi dan bukan juga seorang agriculturist mungkin juga saya salah, tetapi perkara yang semacam ini mesti dijelaskan kepada peladang-peladang.

Sekarang terdapat umpamanya di Kedah beberapa tempat yang mana peladang-peladang tidak ingin menanam padi dua kali setahun kerana mereka berkata bahawa tidak ada keuntungan. Ada pada satu tempat yang mana penanaman padi kali yang kedua telah pun dijalankan, tetapi orang mengusahakan tanah ini enggan menjalankan usaha mengerat padi. Katanya siapa yang suka mengerat padi, maka padi ini ialah untuk orang yang mengerat padi. Kerana katanya, kalau saya belanja wang yang begitu banyak untuk mengupah mengerat padi, saya tidak akan dapat balik membayar kepada pekerja-pekerja ini. Jadi tidak ada

keinginan mereka meneruskan usaha ini. Kalau ini pendapat mereka maka kita akan gagal dalam usaha kita untuk menambahkan keluaran padi dengan mengadakan penanaman padi dua kali setahun. Kalau kita dapat menerangkan kepada peladang-peladang dengan cara yang jelas bahawa dengan menanam padi dua kali setahun mereka dapat keuntungan yang lebih, saya percaya bahawa usaha ini akan mendapat kejayaan yang besar. Perkara-perkara yang semacam ini mestilah diberi keutamaan oleh badan-badan yang ditubuhkan oleh peladang-peladang ini. Peladang-peladang terdiri daripada kaum yang kebanyakannya tidak terpelajar. Saya percaya adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan bukan sahaja menubuhkan badan-badan ini, bukan sahaja membentuk Undang-undang tentang perkara ini, tetapi juga memberi penerangan tentang soal-soal ekonomi yang kecil ini kepada mereka yang menjalankan perusahaan yang akhirnya mendatangkan begitu banyak faedah kepada negara kita. Yang kita mesti ingat ialah perusahaan padi umpamanya di Kedah yang mengeluarkan sebanyak pada satu tahun \$160 juta padi, bermakna kita dapat mengurangkan perbelanjaan tentang membeli padi ataupun beras daripada luar negeri dengan kewangan yang sama.

Inilah perkara-perkara yang saya percaya akan mendapat perhatian Menteri yang berkenaan dan saya berharap dengan terbentuknya pertubuhan-pertubuhan di bawah Undang-undang ini, maka perkara-perkara ini dapat diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap mengenai dengan Rang Undang-undang ini. Sebelum itu sahabat saya yang arif Yang Berhormat Dr Mahathir telah bercakap terlebih dahulu. Pendahuluan percakapannya itu tadi menunjukkan ada keraguan beliau terhadap perubahan yang dilakukan oleh Kerajaan yang mungkin pada satu ketika yang akan datang, saya rasa, tidak berapa lama akan diadakan perubahan lagi. Barangkali saya hampir sama dengan beliau dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya meneliti Rang Undang-undang ini ia adalah satu susunan yang biasa, akan tetapi motif atau tujuan mengadakan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang yang akan duduk di bawah satu lembaga, satu lembaga yang akan

disalahkan pula Rang Undang-undangnya. Ini yang menyebabkan saya berfikir hampir sama dengan sahabat saya tentang apa yang telah dicakapkan oleh sahabat saya tadi.

Pertubuhan Peladang sebenarnya adalah suatu yang baharu di negara kita ini dalam pengertian yang berhubung dengan Kerajaan, tetapi syarikat kerjasama adalah satu perkara yang lama bagi kita dan kalau saya hendak sebutkan dan Pertubuhan Peladang atau Persatuan Peladang merupakan anak angkat dari Taiwan. Beberapa tahun yang lalu hasil daripada peninjauan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai dan Menteri ke Taiwan mendapati ada baik perjalanan Persatuan Peladang yang dilaksanakan di Taiwan, maka daripada contoh-contoh ini diambil dan dirumuskan untuk dilaksanakan di negara kita ini. Oleh sebab terlalu berminat untuk melaksanakannya, semenjak itulah pula nasib syarikat-syarikat kerjasama, khususnya mengenai pertanian mendapat layanan tidak sebagai anak kandung, malahan lebih buruk dari anak angkat, kerana anak angkat diberi perlindungan, diberi pertolongan dan diberi kemajuan terlampau sangat: Dan hal itulah pula yang dibangkitkan oleh Menteri yang berkenaan sewaktu mengemukakan Rang Undang-undang ini ada terdapat pertentangan dan tidak puas hati di antara syarikat-syarikat kerjasama dan Persatuan-persatuan Peladang, oleh sebab Kerajaan lebih banyak menumpukan perhatian kepada Persatuan-persatuan Peladang dengan segala kemudahan-kemudahan yang ada..

Di sini ada baik dan ada buruknya untuk dipertimbangkan. Syarikat-syarikat kerjasama adalah satu ikhtiar yang sangat tua di dalam masyarakat modern membangunkan rakyat dalam ekonomi secara berdikari. Co-operative mempunyai hak merdeka dan mentadbirkan diri mereka dengan penuh autonomi berlainan halnya dengan Persatuan Peladang yang baharu kita jalankan di sini, ia tidak merdeka dia ditadbirkan oleh pegawai-pegawai yang dipinjamkan oleh Kerajaan dan ini kita boleh katakan macam colony, ertinya ada British Advisernya, ada pegawai yang dipinjamkan untuk mentadbirkan, sedangkan co-operative satu badan yang merdeka, yang berpuluh-puluh tahun telah dilatih untuk menyusun diri sendiri dan mengatur diri sendiri dengan keyakinan dan kepercayaan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengerti bahawa di negeri kita ini co-operative tidak begitu maju dan memuaskan seperti yang diharapkan oleh Kerajaan. Berlainan di negeri-negeri lain di barat umpamanya, banyak negeri-negeri barat yang kecil maju dalam co-operative mereka, sehingga mereka mempunyai syarikat perkapalan, bukan syarikat teksti, tetapi peniaga-peniaga yang besar-besar secara co-operative, tetapi kita kurang, tentu ada sebab-sebab yang sepatutnya diperbaiki.

Langkah Kerajaan sekarang ini untuk memajukan Persatuan Peladang yang telah diberi pertolongan dan bimbingan sebaik-baiknya selama ini menghadapi tentangan dari co-operative, tetapi tidaklah merupakan tentangan yang kuat, maka Kerajaan mengambil jalan keluar dengan mengadakan Rang Undang-undang ini di masa semua pertubuhan-pertubuhan co-operative yang berbentuk pertanian atau mempunyai cita-cita pertanian, ternakan dan sebagainya harus menjadi anggota di dalam Pertubuhan Peladang ini di mana di dalam Fasal 33 menyebutkan dengan jelas bahawa co-operative itu boleh dibubarkan dengan paksaan dan segala pembayaran belanjawan pembubarannya boleh ditanggung oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 33 yang disebutkan di dalam ini walaupun saya tidak baca semua ayatnya, ada hubungannya dengan Fasal 35 yang Menteri boleh mengadakan peraturan demi peraturan dari semasa ke semasa yang jelas kita nampak bertujuan untuk melumpuhkan seluruh aktiviti co-operative menjadi Persatuan Peladang. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan dalam hal ini adalah langkah Kerajaan untuk memperbaiki. Saya kluatir akan menjadi seperti tikus membaiki labu, makin diperbaiki makin besar lubangnya. Sebab tadi saya telah katakan co-operative badan autonomi yang merdeka dan mengaturkan diri mereka sendiri, tetapi Persatuan-persatuan Peladang iai dikendalikan dan ditadbirkan oleh kakitangan Kerajaan yang dipinjamkan kepada pertubuhan ini.

Saya beri satu contoh yang Persatuan Peladang dengan coraknya ini merupakan satu kegiatan-kegiatan baharu di dalam bidang perniagaan, dalam apa yang dikatakan free enterprise. Saya beri satu contoh.

Persatuan Peladang di Kelantan menggalakkan ahli-ahlinya menanam kacang tanah (ground nut), tetapi sebenarnya mereka tidak mempunyai pasaran lagi. Sebahagian daripada kacang-kacang tanah dibeli oleh Persatuan Peladang Perak yang juga tidak mempunyai pasaran untuk dijual, tetapi dijual kepada perusahaan kacang tanah di Perak yang dikendalikan oleh orang lain. Bila dibuat satu tinjauan berapa harga kacang tanah yang dapat dibeli daripada Persatuan Peladang. Jawapan yang diterima kalau kacang tanah itu mahu diterima di Kuala Lumpur harganya \$70 sepikul yang telah kering, campur tambang transport yang dianggarkan \$2.50 sepikul berjumlah semuanya \$77.50. Ini cara bersurat dan ini adalah pengalaman saya sendiri. Bila saya datang pejabat itu sendiri berjumpa kakitangan di sana lain daripada kakitangan yang menanda-tangani surat itu. Berapa harga kacang tanah yang sebenar kalau dapat di kirim tidak termasuk transport dan termasuk transport, harganya antara \$60 ke \$65.

Kemudian melalui satu orang yang saya gunakan untuk meninjau bagaimana harga kacang tanah yang boleh di dapati di Kelantan. Daripada seorang Pegawai Daerah (District Officer) yang juga ikut dalam menyelia hal-hal ini, boleh didapati sebanyak \$60 sepikul. Kalau di pusat Persatuan Peladang di Kelantan sendiri saya mendapat jawapan rasmi \$70.00 sepikul, kemudian daripada kakitangan yang di bawah nombor dua, nombor tiga, yang boleh didengar, antara \$60.00 hingga \$65.00 sepikul. Kemudian kepada orang lain di daerah lain yang dalam satu negeri boleh dapat dengan harga \$60.00 sepikul, yang manakah dapat kita pegang. Sebenarnya Persatuan Peladang baharu menggalakkan ahlinya menanam kacang, mereka tidak punya pasaran. Berlaku keadaan-keadaan yang tidak tentu arah dalam hal ini, tetapi Persatuan Peladang bagaimanapun dengan bentuk yang ada, yang akan dijalankan sekarang ini merupakan satu enterprise yang menuju kepada pemiagaan, memasuki lapangan pemiagaan.

Dalam memasuki lapangan pemiagaan ini, pada himat saya pegawai-pegawai Kerajaan yang dipinjamkan kepada badan-badan ini tidaklah sangat menolong bagi memajukan persatuan-persatuan ini, paling banyak pegawai-pegawai yang berkenaan itu sendiri akan mendapat pengalaman dan pengetahuan yang banyak dari pengetahuan tentang

pemiagaan yang menyebabkan mereka akan berfikir kepada satu ketika, lebih baik ditinggalkan Jabatan ini dan buat pemiagaan sendiri kerana ilmu dan teori-teori, prektikal bemiaga sudah diketahui, tetapi sepanjang yang mengenai dengan orang ramai, ahli-ahli persatuan, saya fikir, tidak banyak yang boleh mendapat menafaat. Rasa saya, tidak payah saya hendak kemukakan contoh-contoh yang tidak menyenangkan dan hal ini, memang biasa adalah satu hal yang lumrah, pegawai-pegawai Kerajaan yang dipinjamkan ke dalam badan-badan yang berkanun yang sebenarnya bukan orang-orang yang berniaga. Apabila mereka bukan orang-orang bemiaga, mereka adalah pegawai-pegawai yang biasa. Mereka bekerja dengan cara bekerja, bukan bekerja sebagai peniaga. Cuma peluang-peluang yang mereka dapat daripada situ membuka mata mereka, lebih baik letak jawatan Kerajaan dan menjalankan perniagaan dari ada meneruskan kerja di dalam bahagian ini.

Saya fikir Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada mempunyai pengalaman, berapa banyak pegawai-pegawainya yang telah lama berkecimpung dalam MARA, kemudian meninggalkan Jabatan untuk bemiaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dalam perkara Pertanian atau di dalam Persatuan Peladang ini penanam-penanam padi haruslah tidak disatukan di dalam istilah ini, sebab penanam-penanam padi di dalam satu keadaan yang agak berbeza dari segi ekonomi dengan peladang-peladang di dalam berbagai tanaman. Dalam soal padi, adalah satu soal yang besar di mana kita mengharapkan 90% daripada hajat negara harus ditanam di negeri kita dan luas kawasan yang ditanam padi di negeri kita ini dengan perbelanjaan yang telah dicurahkan oleh Kerajaan bagi mengadakan bagi kemudahan-kemudahan pertanian, semuanya adalah berbeza, yang menyebabkan saya berfikir adalah tidak patut dicantum dan disatukan dalam soal ini. Pada saya seperti yang pernah saya bercakap dalam Rumah yang mulia ini penanam-penanam padi dengan kos yang mereka lakukan seperti yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Dr Mahathir sebentar ini tidak ada jalan lain pada mereka, melainkan mereka menguruskan sendiri, semua kilang-kilang padi yang harus menjadi syarikat milik bersama kepada mereka, baharulah penanam-penanam padi mendapat faedah

daripada usaha mereka menanam padi, yang Kerajaan sentiasa mahu mengawal harga padi itu, sebab tidak mahu naik terlampau tinggi harga beras yang akan berkesan kepada semua rakyat, tetapi penanam padi mesti membeli tembakau dan mesti membeli pakaian. Penanam padi mesti membeli itu dan ini untuk keperluan mereka, yang harganya sedang melambung dan melambung terus-menerus. Kerajaan mengawal harga padi jangan naik untuk menjaga harga beras. Jalannya penyelesaian masalah ini ialah mereka menguasai kilang-kilang padi dan pemasaran. Dengan jalan itu, mereka mendapat keuntungan dari tanaman mereka yang dijual kepada kilang. Mereka mendapat kenekmatan untung-untung secara tidak langsung dalam perniagaan yang mereka ikut menyertai. Ertinya nationalise semua kilang-kilang pengeluaran.

Pada himat saya tidak harus dicampur adukkan di antara penanam padi dengan Persatuan Peladang-peladang, peladang-peladang jenis lain. Peladang-peladang yang lain termasuk ternakan dan inilah yang patut digalakkan akan tetapi saya rasa Kerajaan melakukan ini hasil daripada satu pendapat hendak memajukan. Saya masih sangsi apakah kita boleh dapat kemajuan. Sebab yang mengendalikan ini bukan orang berniaga. Persatuan Peladang telah dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang dipinjamkan, bukan orang berniaga. Berniaga mempunyai taktik yang bermacam-macam. Official letter boleh dikeluarkan bermacam-macam, tetapi arrangement boleh dibuat oleh General Manager bermacam-macam pula; itu perniagaan. Saya harap percubaan ini apabila terdapat atau ternyata beberapa kelemahannya patutlah Kerajaan membuat kajian cepat sebelum terlampau jauh kita melarat, yang membawa bukan kemajuan, tetapi mundur ke belakang. Kajian yang cepat mestilah dibuat untuk menentukan, apakah ini adalah satu jalan keluar yang sebaik-baiknya bagi mengatasi masalah peladang-peladang di negeri kita dalam usaha kita untuk membangunkan negara kita dan rakyat kita di bidang ekonomi khususnya.

Entah bagaimana saya merasa perkara ini adalah satu perkara yang sangat berat. Saya merasa satu perkara yang patut sangat diberi perhatian kerana dia adalah langsung berhubung dengan kepentingan rakyat ramai. Dia bukan merupakan suatu kepentingan segelintir manusia yang membuat private

company limited atau segulungan manusia yang membuat public company limited, tetapi dia merupakan kepentingan beratus-ratus ribu mungkin hampir berjuta rakyat Malaysia kita ini, yang akan kita sogokkan Rang Undang-undang yang kita adakan ini supaya mereka menerima dan mereka tidak boleh membuat persatuan lain dalam satu daerah melainkan satu sahaja persatuan yang ada; mereka mesti tunduk kepada itu dan ini, tetapi mereka di bawah tadbir pegawai-pegawai Kerajaan yang bukan orang-orang berniaga sedangkan tujuan mereka untuk mencari pendapatan berlebihan. Tujuan mereka adalah untuk menambahkan rezeki, menambahkan pendapatan. Sedangkan pengendaliannya bukan di tangan orang yang benar-benar mengerti dalam halehwal itu. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini bagi percubaan, kemudian kalau ternampak sesuatu hal yang patut diperbaiki, jangan tunggu lambat sangat, cepat-cepat bawa kembali ke Parlimen ini.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan saya nampak di dalam ucapan memperkenalkan Undang-undang ini di dalam Dewan ini oleh Timbalan Menteri merupakan sebenarnya jalan keluar daripada kerumitan dan kesulitan yang telah dilalui oleh dua pertubuhan yang sama motif dan tujuannya, iaitu Persatuan Peladang bagi satu pihak dan syarikat kerjasama yang berlandaskan pertanian pada pihak lain.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan kepada Menteri yang berkenaan atas kesedaran ini dan perkara ini telah timbul beberapa tahun dahulu. Satu, Syarikat Kerjasama berbapakan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sedangkan Persatuan Peladang berbapakan kepada Menteri Pertanian dan Perikanan. Kedua-dua pertubuhan ini mempunyai bapanya masing-masing.

Saya tidak bersetuju dengan pendapat saudara saya Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus yang mengatakan bahawa ini anak angkat dari Taiwan, saya tidak setuju, tetapi sebenarnya ini mempunyai anak kandung dari Menteri-menteri yang berkenaan. Masing-masing yang sebenarnya adalah bertujuan untuk hendak menyelamatkan persatuan-persatuan masing-masing bagi

meninggikan taraf dan kehidupan ahli-ahli samada dikoperasi atau pun di dalam Persatuan Peladang. Saya nampak bahawa kegiatan Persatuan Peladang dan juga koperasi di dalam bidang ini berlumbalumba bagi meninggikan taraf hidup masing-masing dan menumpukan kepada satu matlamat yang digariskan oleh Kerajaan supaya mereka meninggikan keadaan hidupnya dari satu masa ke satu masa.

Cuma di dalam masa kedua-dua pertubuhan ini berjalan mengikut garisannya masing-masing sering berlaga di antara satu dengan lain. Bukan di antara Menteri, dengan Menteri, tetapi di antara ahli dengan ahli, orang-orang yang paling bawah sekali. Ahli persatuan korporasi dengan ahli persatuan peladang yang kerana hendak mencari angguta, hendak mencari kekuatan di dalam pertubuhan masing-masing. Dan mungkin agaknya kerana kegiatan Kementerian ini masing memajukan kehidupan persatuan dan korporasi ini dan kegiatan itu timbul dari bawah dan berlumba mencari ahli dan mencari popularity di dalam kalangan masyarakat telah timbul sehingga ada perselisihan di antara satu dengan lain.

Saya nampak jalan keluar yang telah dibuat oleh Kerajaan bagi mengatasi kedua-dua pertubuhan yang sama asasnya dan sama tujuannya ini dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini, saya rasa, ini adalah satu ubat yang satu-satunya sahaja yang akan dapat memperbaiki kedudukan yang kian meruncing dan kalau Rang Undang-undang ini diamalkan mengikut peraturan yang kita baca, maka itulah satu-satunya sahaja dapat menyelesaikan masalah yang selama ini meruncing dan telahpun disediakan oleh Menteri yang berkenaan sewaktu mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara Pertubuhan Peladang atau dengan lain perkataan rakyat tani yang menjadi warganegara di Malaysia ini merupakan suatu jumlah yang terbesar. Saya fikir bahawa usaha bagi membela nasib kaum tani itu sepatutnya sudah lama dijalankan dengan lebih berkesan lagi, oleh kerana mahu atau tidak mahu, kita terpaksa mengakui bahawa kaum tani yang berjemur, berpanas, berhujan di tengah ladang di tengah sawah itulah yang telah memberi makan kepada taukeh-taukeh" orang-orang dermawan, orang-orang hartawan yang mempunyai motokar-motokar

besar di bandar-bandar. Kalau mereka mogok atau dengan perkataan lain kalau mereka benar-benar mempunyai Persatuan Peladang yang efektif, yang berkesan dan melakukan sesuatu tindakan hartal misalnya, mungkin agaknya kita tidak akan dapat makan kerana jumlah mereka itu besar, kerana mereka itu kuat. Cuma kekuatan mereka belum mereka sedari. Kita tidak perlu menyatakan di sini bahawa ada syarikat-syarikat ataupun perbadanan-perbadanan yang hendak menopoli di atas kaum tani, hendak menghisap darah dan keringat mereka itu. Kita tidak perlu menyebutkan di sini soal-soal seperti itu, oleh kerana saya rasa satu syarikat yang besar macam syarikat membuat jentera pembajak di sawah, kalau persatuan tani dan rakyat tani mengadakan satu demonstrasi menentang dan memboikotnya, maka tidak ada suatu jentera yang dapat laku di Malaysia ini dan digunakan oleh peladang-peladang. Tetapi, oleh kerana kempen yang pergi ke kampung-kampung, ke kaum-kaum tani selalu menyatakan dengan menggunakan jentera ini kerja kita ringan, padi akan dapat banyak, kerja mudah. Dengan kempen yang seperti ini walaupun terpaksa digadaikan tanahnya ataupun dicagarkan tanahnya kepada. MARA misalnya terpaksa dia membelinya oleh kerana bijak orang-orang syarikat ini masuk menyeludup ke dalam masyarakat orang-orang tani sehingga dia sanggup menggadaikan tanahnya untuk mendapat \$3,000 bagi sebuah jentera sedangkan sesudah itu kedapatan bahawa hasilnya kurang dan dia tidak dapat membayar mengikut peraturan yang telah dijanjikan dan ada di antara alat-alat pembajak ini telah ditarik balik oleh syarikat-syarikat tersebut. Maka nampak kepada kita bahawa pertubuhan atau persatuan peladang itu belum lagi merupakan suatu tindakan rakyat yang boleh menentukan sesuatu bentuk masyarakat di dalam negara kita ini dengan khususnya.

Seperti yang saya kata tadi di dalam negara kita adalah negara yang kaum taninya berjumlah lebih besar daripada kaum yang bukan tani. Kalau mereka sedar atas pentingnya, kalau Pertubuhan-pertubuhan Peladang itu sedar akan mustahaknya mereka itu sebagai pendukung cita-cita negara kita dan mereka sedar atas kepentingan diri

mereka sendiri sebagai orang yang memberi makan dan mengeluarkan peluh dan keringatnya kepada orang-orang yang bukan petani, saya rasa mereka inilah yang akan sebenarnya dapat menentukan nasib negara kita ini pada masa depan.

Saya harap Persatuan Peladang ataupun Pertubuhan Peladang yang akan ditubuhkan di bawah satu Lembaga ini nanti dan saya tidak tahu di bawah Kementerian manakah yang hendak diletakkan pula Persatuan Peladang ini kerana walaupun Encik Amaluddin Darus menyebutkan tadi sebagai anak angkat, saya tidak bersetuju kata saya sebagai anak angkat, tetapi seakan-akan Persatuan Peladang dan syarikat kerjasama yang berlandaskan pertanian ini terumbang ambing dari satu sudut ke satu sudut, macam bola disepak dari satu Kementerian ke satu Kementerian dan kadang-kadang Kementerian itu pula dicampak haknya daripada mengelolakan untuk diberi kepada orang lain. Kemudian ambil dari sana letakkan ke mari sehingga Persatuan Peladang dan syarikat kerjasama itu tidak sebenarnya memainkan fungsinya yang sebenar di dalam memperbaiki nasib kaum tani.

Saya katakan tadi saya memberi ucapan tahniah setinggi-tinggi kepada Kerajaan yang telah menyedari hakikat ini dan ubat yang dikemukakan sekarang bagi menubuhkan hanya satu Pertubuhan Peladang di bawah kelolaan satu Lembaga Pertubuhan Peladang akan dapat menyelesaikan masalah yang rumit ini.

Satu perkara yang saya suka menarik perhatian kepada Kementerian yang akan bertanggungjawab di bawah ini walaupun sekarang ini cita-cita dan maksud hendak mencantumkan atau hendak membubarkan keduanya dijadikan satu dengan apa dinamakan Persatuan Peladang. Saya rasa, lebih baik Persatuan Peladang ini atau badan ini nanti dapat membuat kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan-kawasan Persatuan Peladang yang hanya satu-satunya sahaja Persatuan Peladang yang patut ditubuhkan di tempat itu. Kita tidak membenarkan aktiviti yang begitu banyak ditumpukan kepada persatuan-persatuan di sesuatu kawasan. Katakanlah dalam satu kawasan A, di dalam kawasan A ini kalau kaum taninya ada 3,000 orang di situ ada Persatuan Peladang, ada Persatuan Syarikat Kerjasama, ada pula syarikat-syarikat

persendirian, syarikat-syarikat dua tiga orang adik beradik, dan syarikat-syarikat ini semua sekali termasuklah Persatuan Peladang dan syarikat kerjasama di kawasan itu menjadikan kebingungan kepada kaum tani yang sebenarnya di dalam masaalah hidup mereka itu. Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya Pertubuhan Peladang ini menentukan daerah-daerah kawasan kepada kearah kawasannya itu hanya satu saja Persatuan Peladang dan kalau sekarang ini ada Persatuan Peladang di situ, ada syarikat kerjasama atau korporasi di tempat itu dan dibubarkan semua sekali maka diadakan satu sahaja Persatuan Peladang, saya rasa akan dapat menyelesaikan masaalah itu. Saya rasa akan dapat menyelesaikan masaalah ini, oleh kerana nampaknya di dalam tujuan-tujuan Pertubuhan ini mengikut Fasal 6, wakil Pertubuhan Peladang boleh dibentuk dengan tujuan untuk memajukan kepentingan ekonomi dan sosial atau kebajikan ahli-ahli atau yunit ahli melalui penyertaan terus dan hendaklah mempunyai kuasa bagi membuat segala perkara yang perlu bagi maksud mencapai tujuan ini dan seterusnya.

Nampak oleh saya bahawa Pertubuhan Peladang ini dibentuk dan boleh dibentuk dengan tujuan untuk memajukan kepentingan ekonomi dan sosial. Sekiranya harus dikaji bagaimana kedudukan ekonomi di tempat itu dari sudut pertanian mereka dan bagaimana kedudukan sosial dan kebajikan mereka itu pada masa yang sudah. Sekiranya didapati bahawa ekonomi mereka itu seperti apa yang disebut oleh Senator Dr Mahathir bahawa hubungan sosial mereka itu berpecah belah serta kebajikan hidup mereka itu tidak dapat dikawal dan banyak persatuan-persatuan pada masa yang telah lalu, maka Pertubuhan Peladang di tempat itu hendaklah memainkan peranan yang membetulkan kedudukan sosial dan ekonomi yang tidak betul ini supaya kawasan-kawasan ini merupakan kawasan contoh bagi kawasan yang lain yang hendak ditubuhkan Persatuan Peladang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan tujuan-tujuan Pertubuhan Peladang ini iaitu bagi mengadakan perkhidmatan perkembangan dan kemudahan latihan kepada peladang. Saya tidak mengerti, tidak faham, apakah tujuan sebenarnya mengenai perkhidmatan perkembangan dan kemudahan latihan ini. Tetapi kalau sekiranya tujuannya yang sebenar untuk mengadakan perkhidmatan

perkembangan sebagai satu usaha bagi mengembangkan perkhidmatan yang agak luas, memberikan kemudahan kepada peladang dengan tujuan hendak melengkapkan diri mereka dengan ilmu teknologi dan sebagainya, maka saya rasa berbangkitlah masalah yang disebut oleh Dr Mahathir iaitu masalah pegawai-pegawai yang cukup, kakitangan yang cukup, pemimpin pertubuhan peladang yang cukup untuk hendak memberikan perkhidmatan perkembangan itu. Kalau hanya sekadar untuk menggalakkan orang ini menanam padi dua kali setahun, dengan pengetahuan yang ada pada mereka, saya rasa, ini tidak bertujuan untuk mengembangkan ekonomi mereka. Yang saya maksudkan, saya lebih bertujuan supaya perkhidmatan pengembangan dan kemudahan latihan itu diberi secara terus kepada peladang dan petani khususnya kepada anak-anak muda yang tiada mempunyai pekerjaan.

Saya rasa tidak perlu kita menggalakkan pemuda-pemuda itu berkejar-kejar sangat ke dalam bandar mencari kerja dengan gaji hanya \$2.70 sehari. Kalau sekiranya Pertubuhan Peladang ini dapat memberikan perkhidmatan perkembangan kepada pemuda-pemuda itu dan memberikan data-data kepada mereka itu, kalau mereka tetap di kampung dengan memelihara ayam-itik 100 ekar dan ada kawasan padi 10 ekar umpamanya, dan membuat analisa tentang itu tentulah saya rasa mereka lebih senang tinggal di kampung daripada mengejar pekerjaan sampai ke Bandaraya" Kuala Lumpur ini yang akhir tertawan oleh pengaruh-pengaruh yang tidak sihat seperti makan ganja, menghisap ganja dan sebagainya. Saya memanglah bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir supaya perkhidmatan perkembangan ini merupakan suatu penerangan yang benar-benar dapat diterima oleh pemikiran pemuda-pemuda atau belia-belia.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian juga iaitu pemuda dan belia kita sekarang adalah tenaga yang sudah cukup untuk melayankan dirinya menjadi sebagai petani yang pelajar walaupun tidak mempunyai ijazah yang panjang. Dengan kelulusan S.R.P., L.C.E. atau S.P.M." mereka sudah cukup mempunyai asas untuk mendapatkan bimbingan perkhidmatan dibidang pertanian dan tekniknya daripada Pertubuhan Peladang, bagi menambahkan ilmu pengetahuan di dalam bidang pertanian itu. Saya rasa adalah baik sekiranya sekolah Pertanian

di Legong, Perak dapat diperbesarkan dan diberikan kelengkapan yang banyak, begitu juga sekolah-sekolah pertanian di tempat-tempat lain yang banyak berselirak di seluruh tanahair kita ini, seumpama di Gombak pun ada stesyen pertanian dan daerah-daerah yang kecil. Dan kalau tempat-tempat pertanian, tempat latihan seperti itu diberikan kelengkapan yang cukup, diberikan keutamaan kepada kaum tani yang disekitar sekolah pertanian itu, maka itu lebih mendatangkan kesan daripada kita bawa orang luar datang ke situ yang memerlukan perbelanjaan asrama dan sebagainya. Saya rasa, kalau sekiranya di dalam tujuan Fasal 6 (a) itu bagi mengadakan perkhidmatan perkembangan dan kemudahan latihan kepada peladang-peladang dengan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran teknologi itu, bagi saya adalah cita-cita yang baik dan itulah yang diharapkan oleh petani-petani. Petani di sini maksud saya, seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi, bukanlah hanya sebagai petani biasa, tetapi termasuk usaha memelihara ayam, itik, angsa, kerbau lembu, dan memelihara babi bagi orang bukan Islam. Tetapi berapa orang daripada petani yang sebenarnya dapat menumpukan masanya sesudah bertani, kemudian memelihara ayam itik dan sebagainya. Kalau adapun tidaklah dapat menampung kekurangan yang didapati daripada pertanian itu sendiri. Kalau kita pergi melihat petani-petani ini mengalami penghasilan padi yang merosot dari setahun kesetahun, walaupun mereka telah menanam dua kali setahun, seperti yang disebutkan oleh Dr Mahathir tadi, saya pun bersetuju, tetapi sebenarnya kalau kita tengok masa mereka bekerja untuk tanaman yang pertama, kalau tak salah saya ialah 100 hari, dan masa bekerja selama itu tidaklah terus menerus dan boleh jadi sebulan dia ke sawah, lepas itu rehat, tunggu padi itu tumbuh, kemudian dia tengok tanaman itu sedikit sebanyak, dan dalam masa 100 hari itu, kerja yang ditumpukan betul-betul barangkali haruslah dalam masa dua bulan, dan sebulan lagi tidak bekerja apa-apa. Tak bekerja-apa-apa itulah yang baik digalakkan kepada mereka itu menambah penghasilan yang merosot itu. Inilah barangkali tujuan Kementerian, memberikan perkhidmatan perkembangan teknologi. Itu tujuannya menurut fahaman saya, sekiranya benar, maka Pertubuhan Peladang ini akan dapat sokongan yang kuat daripada kaum tani.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menanam padi, pekebun, penternak binatang, pengurus, ekonomi rumahtangga, perniagaan dan lain-lain tugas atau objektif dan tujuan daripada Pertubuhan Peladang ini, kita janganlah lupa bahawa ada faktor yang lain yang akan menentukan penghasilan kaum tani ini boleh menampung hidup mereka.

Yang pertama, kemudahan-kemudahan pertanian selain daripada ilmu teknologi yang diberikan kepadanya. Kemudahan-kemudahan yang lain harus ada bagi mereka itu. Misalnya yang belum disentuh oleh sahabat-sahabat saya tentang Kementerian Pertanian yang saya maksudkan, misalnya dia hendak tanam padi, kemudahan selain daripada baja, trektor, benih, maka saluran-saluran parit yang selalu menenggelami atau mengeringkan ladang mereka itu haruslah ada juga. Kalau cukup dengan teknologinya, ada dengan ilmu pengetahuannya, tetapi kalau ladang mereka itu kena hujan, berapa lebat pun tak datang air parit, tak cukup, semak samun tidak teratur, maka tujuan Persatuan Peladang ini untuk meninggikan taraf hidup tak sampai juga.

Dan kata saya kalau sekiranya ini menjadi tujuan kepada Persatuan Peladang soal membuat parit dan taliair ini bukanlah menjadi tugas kepada Persatuan Peladang. Ini menjadi tugas kepada Kementerian yang lain pula. Bila masalah ini pergi ke Kementerian yang lain kita hendak tanam padi, ada ilmu, ada teknik, ada segala macam, tetapi kemudahan yang lain tak ada, parit dan taliair tak cukup, air tak cukup. Yang ini di bawah Jabatan yang lain. Apa yang akan berlaku kepada Persatuan Peladang? Yang akan berlaku ia berlaga pula di antara Persatuan Peladang dengan Kementerian yang menjaga Jabatan Parit dan Taliair. Dia akan mengatakan bahawa Menteri itu sabotaj dengan segala macam, maka timbul pula satu masalah. Kalau ini dapat diatasi ertinya parit dan taliair dan segala kemudahan-kemudahan dapat diatasi, maka tentulah faedahnya akan besar.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh melihat sekarang ini ke Kedah. Kita boleh melihat ke Seberang Prai, kita boleh melihat di mana-mana tanaman padi dua kali setahun dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, setelah padi ini dituai tak ada tempat yang hendak mengeringkan. Kata Yang Berhormat Dr Mahathir tadi tempat hendak mengeringkan tak ada. Mahu atau tidak, dia jemur tengah jalan. Di atas jalan raya yang kita buat itu, dia jemur di situ. Siapa lalu, dibaling dengan batu, sebab merosakkan padi. Jalan itu ialah jalan orang ramai. Kalau sekiranya kemudahan-kemudahan seperti itu dapat dibuat maknanya diberikan tempat-tempat supaya kaum-kaum tani itu dapat mengeringkan padinya tidak di atas-atas jalan raya dan kadang-kadang bila sudah dikumpulkan di tengah-tengah jalan raya, tentu kita hendak jalan pun susah dan kalau dia tak dapat angkut pulang sekali gus, malam-malam dicuri orang pula. Ini menimbulkan satu problem sosial di antara mereka sama mereka.

Kalau masalah kemudahan yang seperti itu dapat diatasi oleh Persatuan Peladang atau oleh badan yang lain menolong Persatuan Peladang, saya rasa tentulah akan mendapat banyak menafaatnya juga kepada Persatuan-persatuan Peladang.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan Persatuan-persatuan Peladang banyak masalahnya yang akan timbul satu daripadanya patut diambil perhatian iaitu tumbuhnya kilang-kilang padi secara haram oleh orang-orang petani sendiri atau oleh kaum-kaum kapitalis yang memberikan sokongan kepada kaum tani itu mendirikan kilang padi yang haram.

Yang kedua, bagaimana masalah kita hendak menahan satu syarikat kerjasama yang sekarang ini berjalan berpuluh tahun dan kerja dia mengilang padi, Syarikat Kilang Padi di situ dan bagaimana pula kita hendak menghadapi orang perseorangan yang membuat satu syarikat kilang di tempat itu dan dia bukan kaum tani. Saya rasa masalah-masalah ini akan dapat diperhatikan oleh Menteri yang berkenaan di dalam usaha hendak menjalankan, menjayakan cita-cita Persatuan Peladang ini. Seperti yang saya katakan tadi, saya bersetuju dengan Rang Undang-undang ini dan faktor-faktor yang terpenting mestilah dikaji sama. Satu daripada yang saya sebutkan tadi kemudahan-kemudahan kepada kaum-kaum peladang. Bila kemudahan ini sudah ada, timbul pula masalah pengangkutan hendak mengangkut barang itu.

Sekarang ini di Kedah misalnya hendak mengangkut padi itu tak ada lori, atau di tempat-tempat orang yang bertanam padi di Tanjong Karang. Padi berlonggok-longgok di tengah-tengah jalan hendak mengangkutnya tak ada lori, maka di sini sudah menjadi satu tujuan untuk memberi perkhidmatan kemudahan pengangkutan kepada Persatuan-persatuan Peladang. Kalau sekiranya ini sudah dapat kita jalankan dan kata saya tadi bukan hanya untuk tanaman padi sahaja, mungkin agaknya di Johor orang tanam nenas. Bila nenas sudah bertambah banyak, timbul pula satu masalah lain pula. Adakah ini termasuk dalam Persatuan Peladang dan kemudian akan berkaitan pula dengan FIMA, saya tidak tahu. Tetapi ini rasanya kait-berkait. Kalau di Johor kita suruh orang tanam nenas, dan kemudian sekiranya tak menghasilkan akan kerugian pula kepada kaum tani, dan kaum peladang juga. Kalau sudah di tepi jalan berlonggok-longgok nenas tak dibeli kerana saisinya tak sama hendak di kilang, tentu tak boleh diambil semua sekali, maka dicampak sahaja nenas mereka tepi jalan. Dan saya rasa, ini satu masalah yang lain pula dan kalau sekiranya ini berlaku orang akan marah bukan kepada Persatuan Peladang, orang akan marah kepada FIMA. FIMA, Pengerusinya ialah Yang Berhormat Dr Mahathir. Ini akan pergi ke situ bukan sahaja padi itu sahaja menjadi masalah dia, tetapi kalau di Johor orang tanam nenas begitu banyak, suruh FIMA tinkan, itu satu masalah juga dan FIMA mesti mencari keuntungan, kalau tak untung dia tak beli. Jadi apa ertinya Yang Berhormat Dr Mahathir kata L.P.N, cari keuntungan, MARA cari keuntungan, PERNAS cari keuntungan, adakah FIMA tidak cari keuntungan? Dan kalau tidak cari keuntungan dalam masalah ini, apa yang patut dibuat oleh FIMA dalam menyelesaikan masalah peladang yang memerlukan barang-barang keluaran mereka itu ditinkan, diekspotkan keluar negeri misalnya. Ini satu masalah yang timbul kepada Persatuan Peladang pada masa akan datang. Saya takut nanti FIMA pun akan dibuat satu Rang Undang-undang baru yang akan diletakkan dalam satu Lembaga yang lain pula. Ini akan berkecamuk. Jadi masalah tani, masalah peladang adakah masalah besar di negara kita ini. Masalah yang meliputi semua kehidupan dan aspek kehidupan kita samada dia memotong getah, samada dia memotong getah atau tanam kelapa, atau tanam kelapa sawit atau

apa juga usaha-usaha pertanian dan peladang akan menimbulkan problem yang mesti diatasi. Saya rasa, Persatuan Peladang yang ada Rang Undang-undang yang di sini belum cukup bagi mengatasi semua masalah yang akan timbul apa lagi kepada tujuan yang pertama bahawa berjalan dengan begitu hebat sekali oleh Menteri. Ini tujuannya di sini mengadakan perkhidmatan pengembangan dan kemudahan latihan kepada peladang-peladang begitu hebat sehingga orang sudah suka sekarang ini bertanam bertani daripada mencari kerja di bandar-bandar, maka masalah ini akan kita hadapi kemudian.

Seperti yang saya dengar di masa-masa yang akhir ini, usaha-usaha petani ini terbuang begitu sahaja. Dan saya harap badan-badan yang tertentu seumpama FIMA, L.P.N, dan terutama sekali Pertubuhan Peladang akan dapat peranannya bagi tidak membazirkan tenaga rakyat yang berhujaan sehari mengeluarkan keringat yang begitu banyak di tengah-tengah ladang sedangkan hasil mereka itu tidak diberikan nilai yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya tak payahlah saya bercakap panjang dalam masalah ini, kerana masalah ini memang panjang, memang rumit dan memang sulit hendak di atasi, tetapi saya nampak bahawa Rang Undang-undang ini bagi membetulkan pertubuhan peladang dan koperasi yang sekarang ini sedang memainkan peranannya dan seperti yang disebutkan oleh Menteri sedang tidak begitu baik hubungan mereka telah dapat diperbetulkan adalah satu jalan yang baik dan Rang Undang-undang ini akan dapat membetulkan kedudukan mereka itu. Mudah-mudahan dengan Rang Undang-undang ini akan dapat difahami bahawa Kerajaan kita sekarang tidak membiarkan rakyat petani itu tidak dibela dan tidak dibendung ke arah yang lebih maju.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, falsafah mengadakan Undang-undang Pertubuhan Peladang ini saya harap bukannya kerana mengikut fesyen (fashionable), tetapi ialah bertujuan untuk menolong peladang-peladang menjalankan perusahaan mereka dengan lebih berkesan. Saya mengalu-alukan ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri semasa mengemukakan Rang Undang-undang tadi dan saya juga sedar kelemahan-kelemahan yang telah disebutkannya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga seorang peladang, mungkin peladang kerdil, tetapi saya mempunyai iktisas yang Jain dan sebagai menggunakan iktisas yang satu lagi, saya hendak bertanya sedikit-sebanyak berkenaan dengan Rang Undang-undang ini yang agak saya mungkin rumit sedikit, kalau rumit bagi saya mungkin lebih rumit bagi peladang. Bila saya lihat Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, tak dapat tidak saya terpaksa merujuk kepada beberapa undang-undang lain. Undang-undang Syarikat Kerjasama, 1948, Undang-undang Persatuan Peladang, 1967 dan undang-undang yang akan dibentangkan mungkin selepas ini, iaitu Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang, 1973. Ini bukannya Rang Undang-undang yang senang. Saya agak banyak sangat yang terpaksa kita rojok dan saya tak tahulah apa sebab-sebabnya kenapa tak boleh dibuat satu undang-undang yang kemas boleh meliputi semuanya, mungkin mengambil masa, saya tak tahu sebabnya.

Satu contoh yang saya suka beri, Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau kita ambil Fasal 32, ini sendiri sahaja mengelirukan saya. Saya tak tahu yang mana betul, ayatnya dalam Bahasa Inggeris atau dalam Bahasa Malaysia. Dalam Bahasa Inggeris dia menyatakan:

"32. There shall not be registered after the commencement of this Act—

(a) any Farmers' Association under the Farmers' Association Act, 1967;"

Kalau kita baca pula dalam Bahasa Kebangsaan, muka 17, berbunyi:

"32. Maka hendaklah didaftarkan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini—

(a) mana-mana Persatuan Peladang di bawah Akta Persatuan Peladane, 1967;"

Ini nampaknya berlainan maknanya, jadi mana yang satu betul saya tak tahulah. Itulah sebab saya katakan tadi Rang Undang-undang ini susah sedikit—pada saya pun susah ini pula kepada peladang-peladang yang lain. Nampaknya di sini kalau di dalam bahasa Inggeris bermakna:

"Setelah sahaja berjalan kuatkuasa undang-undang ini, maka tiap-tiap Persatuan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Persatuan Peladang, 1967 tidaklah boleh didaftarkan."

Maknanya, seperti apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, undang-undang yang baru ini akan mengambil alih, adakah itu maksudnya? Ataupun kalau kita baca di bawah Fasal 32 dalam Bahasa Malaysia barangkali itu lain pula maknanya. Saya harap ini mendapat penjelasan sedikit supaya kita tidak keliru nanti.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya lihat di bawah Rang Undang-undang ini ada banyak perkara yang memang bertujuan hendak membantu peladang-peladang. Saya suka menarik perhatian kepada Fasal 6, berkenaan dengan Tujuan-tujuan. Tujuan-tujuan ini memangnya baik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang saya minta ialah bagi pegawai-pegawai yang mengendalikan kerja-kerja di bawah undang-undang ini nanti betul-betul mencari kelemahan-kelemahan atau sebab-sebab yang mana peladang-peladang itu gagal atau tidak maju. Di atas kertas atau di bawah undang-undang nampaknya elok, ini perkara yang kita buat tetapi secara praktiknya kadang-kadang jauh sekali.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, ada 4 perkara yang amat penting bagi peladang.

Pertamanya, kredit. Sungguhpun ada banyak jalan-jalan lain atau badan-badan lain yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memberi kredit kepada peladang-peladang—Bank Pertanian telah ditubuhkan, bank-bank commercial telah diarahkan oleh Bank Negara untuk memberi kemudahan kredit kepada peladang-peladang—tetapi ada masanya kredit itu tak sampai kepada peladang. Di sinilah saya harap siapa yang mengendalikan pertubuhan ini patut perhati-kan di manakah kelemahan-kelemahan yang sebenar dan di situlah mereka patut membantu peladang-peladang tadi.

Kelemahan atau kesukaran yang kedua bagi peladang-peladang ialah dari segi teknik-teknik baharu bagi peladang-peladang untuk memperbaiki perusahaan mereka. Kita telah mengatakan kita hendak memodenkan sektor pertanian kita. Rasa saya setakat cakup sahaja tidak mencukupi. Kalau kita hendak memodenkan sektor pertanian kita, kita terpaksa mengadakan juga pegawai-pegawai yang berkebolehan—digress-root level yang boleh membimbing peladang-peladang. Kebanyakan peladang-peladang di negara kita ini bukannya peladang-peladang

yang terpelajar, bukan semuanya pergi ke Sekolah Pertanian. Peladang-peladang yang menjayakan padi umpamanya begitu ramai, jadi mereka ini sudah biasa menanam padi sekali setahun tetapi sekarang ini dengan research yang telah kita buat, kita mengatakan mereka boleh menanam padi dua kali setahun, tetapi bagi peladang-peladang yang kurang terpelajar ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan senang menerimanya. Mereka telah turun-menurun tanam padi sekali setahun, jadi kalau kita hendak menukarkan cara mereka bertanam padi daripada sekali kepada dua kali setahun terpaksa kita membimbing mereka.

Kerap kali saya dengar peladang-peladang berkata kepada saya, ini memang baik hendak menanam padi dua kali setahun, tetapi apabila ditanamkan dua kali setahun ada yang tidak jadi bagi kali keduanya, baja tidak cukup, masa air masuk tidak betul, macam-macam tidak betul, benih yang dipakai pun tidak betul juga. Bila mereka bertanya kepada pegawai pertanian, pertanyaan mereka itu tidaklah dijawab dengan sepenoh-penohnya. Ini bukannya kerana pegawai-pegawai itu tidak hendak menjawab, tetapi biasanya oleh kerana kurang pegawai-pegawai hendak menjawab. Kita ambillah seluruh Malaysia ini kalau kita tidak ambil pada Malaysia ambil Malaysia Barat sahaja, mungkin di kawasan Kemubu dan kawasan Muda oleh kerana banyak pegawai ditempatkan semacam itu, tanaman padi dua kali setahun sudah berjaya. Tetapi banyak lagi di kawasan-kawasan lain di Melaka, di Pahang, di Trengganu, mereka ini kurang berjaya kerana kurang bimbingan daripada pegawai-pegawai yang mahir, pegawai-pegawai yang sanggup duduk bersama, sanggup berfikir serupa juga dengan peladang-peladang. Inilah selalunya komplek yang saya dengar daripada peladang-peladang. Bila tak jadi kali pertama, mereka cuba juga bagi tahun kedua, tetapi bila sampai tahun yang kedua tidak juga dapat hasilnya yang disangka, mereka pun berhentilah. Mereka balik dengan tanaman yang asal setahun sekali. Perkara ini berlaku di negeri Pahang, itu saya tahu.

Perkara yang ketiga, yang selalu peladang-peladang mendapati kesukaran ialah dari segi pasaran.

Perkara yang keempat, ialah organisasi Pertubuhan Peladang itu sendiri. Kalau kita tengok riwayat Persatuan Peladang, riwayat syarikat kerjasama, kita tengok kenapa mereka gagal, kebanyakannya kegagalan itu ialah kerana organisasinya sendiri. Kadang-kadang Yang di-Pertuanya atau ketua yang dipilih itu mula-mulanya jujur, lepas itu tak jujur, duit pun hilang, yang patut dibuat tidak buat, macam-macam terjadi. Di situlah satu bimbingan, patut diberi kepada Persatuan-persatuan Peladang ataupun Pertubuhan-pertubuhan Peladang. Kita hendak membaharukan cara mereka bergerak dan sebagai saya katakan tadi banyak mereka ini bukan orang yang terpelajar sangat. Bimbingan dari segi itu sangat-sangatlah perlu.

Jikalau empat perkara yang saya sebutkan tadi, dapat dikajikan dengan sehalus-halusnya di peringkat tiap-tiap Pertubuhan Peladang dan betul-betul kita tahu misalnya bahawa masalah Pertubuhan Peladang A kurang credit, kurang extension service, kurang technical know-how jadi di situlah kita bantu mereka dengan berkesan. Selagi bantuan yang saya sebutkan tadi itu tidak sampai, maka apa juga langkah-langkah yang kita penohkan di dalam Rang Undang-undang ini, saya rasa tidak dapat kita capai.

Setakat itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya mungkin bercakap sedikit nanti bila Yang Berhormat Menteri mengemukakan Rang Undang-undang yang satu lagi iaitu Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang yang mana ada kaitannya dengan Rang Undang-undang ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan Persatuan Peladang.

Pada pendapat saya, Rang Undang-undang ini adalah amat baik dan boleh menghapuskan padi-padi kunca yang kita tahu sedang berjalan di tempat-tempat pak-pak tani ataupun peladang-peladang kita. Walaupun padi kunca itu agak nampaknya sudah hilang, tetapi bolehlah dikatakan masih ada lagi, tentulah tidak boleh hendak hapuskan dengan mudah.

Persatuan Peladang yang telah ditubuhkan beberapa tahun yang lepas yang mana saya adalah salah seorang daripada "Ahli Dewan Negara—dalam Dewan ini dan juga biasa menjadi ahli Persatuan Peladang dan menjadi peladang, nasib peladang ini saya memang tahu lebih tepat sebagaimana saya kata tadi saya sebagai seorang peladang. Saya amatlah berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini akan menambahkan kebaikan kepada peladang-peladang yang telah masuk ataupun yang telah menjadi ahli persatuan peladang. Sebabnya saya katakan begitu, walau bagaimana baik sekali Rang Undang-undang, tetapi selagi segala-galanya tidak dapat dijalankan dengan licin, maka saya yakin Rang Undang-undang ini tidak menjadi kesan yang amat baik.

Peladang-peladang, adalah satu golongan yang kita tahu golongan penduduk luar bandar dan bumiputra yang cukup susah, dan mereka ini adalah satu golongan warganegara kita yang sungguh rajin dan bekerja siang dan malam sebagaimana kata Yang Berhormat Tuan Haji Othman tadi kita makan baik orang kaya di bandar dan sebagainya ialah hasil daripada peladang tetapi kita sungguh kesal dan sungguh sedih nasib peladang tadi. Nasib peladang tadi walau pun mereka bekerja teruk, - tetapi pendapatan mereka amat sedikit. Dengan sebab itu, saya berharap dengan tertubuhnya Persatuan Peladang yang dicantumkan sekali mengikut kata Rang Undang-undang ini iaitu syarikat kerjasama yang berbahu dengan pertanian sekali dengan Persatuan Peladang bolehlah memajukan peladang-peladang ini. Tetapi kalau setakat nama sahaja, saya rasa tidaklah berkesan sangat. Dengan sebab itu, Persatuan Peladang ini berkaitan banyak jabatan-jabatan Kerajaan. Dengan sebab itu, saya mengesyurkan kerana persatuan peladang kalau tidak silap saya ada beberapa peringkat—unit kawasan di negeri sekurang-kurangnya peringkat kawasan seboleh-bolehnya peringkat kampung sekali pun hendaklah dihadiri bersama, kalau tidak sebagai pegawai yang bertanggungjawab adalah sebagai orang yang memberi nasihat dan sebagai iaitu pegawai L.P.N., FAMA, Pejabat Pertanian dan kalau bersesuaian Pejabat Ternakan. Mengapa, saya katakan begitu? Peladang ialah meladang dengan berbagai tanaman, padi, sayuran-sayuran dan sebagainya. Peladang ini macam saya katakan tadi rajin begitu juga macam dikatakan oleh

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, tetapi sayang sungguhpun mereka rajin, tetapi bila pemasaran mereka itu tidak dapat dipasarkan, maka kerajinan mereka tinggal sia-sia sahaja, usaha mereka jalan siang dan malam itu tidak dapat hasil apa-apa. Dengan sebab itu, sebagaimana saya katakan patut sangat Lembaga Padi dan Beras masuk bersama di situ untuk menasihatkan bersama dalam Persatuan Peladang begitu juga FAMA, begitu juga Pejabat Haiwan, kalau mustahak Pejabat Pertanian. Kita dapati, Persatuan Peladang rajin bercucuk tanam, tetapi kalau-lah tidak ada jabatan-jabatan yang berkenaan tadi ada bersama dalam itu tentulah mereka tanam tanaman yang tidak berkenaan dengan masa dan tidak bersesuaian dengan harganya. Saya berharap tiap-tiap pegawai tadi hendaklah menasihatkan Persatuan Peladang apakah musim ini yang patut di tanam. Sesudahnya di tanam dengan ikhtiar pegawai tadi. FAMA dan sebagainya di manakah tempat yang patut di jual. Tetapi apa yang berlaku hari ini FAMA tolong Persatuan Peladang menjualkan padi. Jadi tidak mencarikan dimanakah pasarannya yang agak bersesuaian patut di jual hasil Persatuan Peladang tadi dan masa manakah yang patut di tanam agak tanaman yang sesuai dan agak saya bersesuaian jugalah cari apakah tanaman yang bersesuaian bagi satu-satu tempat yang berkenaan dengan Persatuan Peladang.

Juga, sebagai pinjaman tadi ataupun credit dan sebagainya kalau kadar anggaran kita beri bantuan baja dan lain-lain bantuan yang berupa mata benda agak saya tidaklah begitu berkesan sangat dan tidak boleh menghapuskan kesusahan rakyat. Kerana rakyat sebelum ia mendapat hasil daripada padi ia terpaksa meminjam dan sebagainya daripada kedai-kedai kampung ataupun daripada kedai-kedai yang lebih tepat mengambil untung yang amat banyak sangat macam saya katakan tadi padi kunca. Beberapa tahun yang lepas saya suka menyatakan bahawa kebanyakan rakyat di negeri Perlis amatlah sedih, di masa itu padi ataupun beras dalam \$1.60 segantang, kalau di kira dalam \$44 begitulah di dalam seguni. tetapi malangnya dengan padi kunca tadi terpaksa mereka membeli dengan harga \$70 sepikul—itu masa beberapa tahun yang lepas. Tetapi agak saya had ini walaupun tidak habis lagi, padi kunca masih ada di Pedis yang agak saya tidak kurang \$100 seguni. Jadi, penduduk tadi terpaksa kena ambil beras kunca

tadi ataupun padi kunca dengan harga sekali - pun mahal untuk mengisikan keperluan perut peladang-peladang ataupun persatuan peladang tadi baik masuk persatuan peladang ataupun tidak masuk persatuan peladang untuk mengisikan perut amat perlu. Jadi saya berharap sangatlah kepada badan Kerajaan sebagai syarikat kalau hendak menolong persatuan peladang, tolonglah berkenaan dengan masa yang sesuai dan janganlah semata-mata bagi dengan mata benda sebagai kita tahu tadi. Saya berharap sangat kerana pada tiap-tiap persatuan apa pun payah akan mendapat kemajuan dan berjalan dengan kadar yang baik sekali kalau mata benda tidak di nampak dengan mata terang untuk persatuan tadi. Dengan sebab itu, pada pendapat saya patutlah tiap-tiap persatuan peladang diadakan tiap-tiap tempat dengan hadnya yang agak saya satu tidak kurang daripada 100 orang ahli bagi satu persatuan peladang dan tiap-tiap persatuan peladang patut diadakan sekurang-kurangnya kedai untuk keperluan kepada ahli-ahli persatuan peladang itu sendiri. Jadi kita berharap dengan adanya kedai bolehlah persatuan peladang itu berbangga, ini kedai persatuan peladang dan sebagainya, dan kita berharaplah kepada jabatan-jabatan yang berkenaan daripada Jabatan Kerajaan baik Jabatan Kemajuan Kerjasama ataupun Jabatan MARA dan sebagainya berikhtiar menolong membantukan kedai ini sebelum dapat tuai padi supaya kedai ini dapat berjalan dengan baik, kalau tidak, walau ada persatuan apa sekali pun namun keuntungan tadi tetap dapat pada orang lain daripada persatuan peladang.

Saya berpendapat Persatuan Peladang amatlah baik dimasuki oleh semua ahli-ahli peladang. Dengan berbagai-bagai cara yang akan ditolong oleh Kerajaan, dengan insuran dan sebagainya yang biasa saya dengar sendiri daripada salah seorang Pengarah Persatuan Peladang tempatan. Tetapi agak saya sebagaimana kata Senator Kamarul Ariffin tadi atau Yang Berhormat Senator Haji Othman Abdullah, tidak begitu lengkap di ketahui oleh semua petani ataupun semua peladang. Dengan sebab itu saya berharap dengan adanya undang-undang ini, kalau tinggal undang-undang sahaja kita meluluskan undang-undang, rakyat tidak tahu tepat. Dengan sebab itu, saya berharaplah dengan kerjasama daripada tiap-tiap jabatan lain, terutama sekali macam Jabatan Penerangan

dan pegawai-pegawai itu sendiri hendaklah ada sikap macam mana kata Senator Kamarul Ariffin tadi, bukan kadar bijak pandai sahaja yang akan bertugas sama dengan persatuan peladang. tetapi hendaklah ada semangat ingin betul-betul menolong bangsa ataupun menolong kaum bumiputra yang kita tahu lemah hari ini. Kalau ada di antara pegawai-pegawai yang bekerjasama dengan persatuan peladang menjadi Pengarah dan sebagainya bersikap sebagai pegawai, pukul 4.00 petang habis pejabat, pukul 8.00 pagi hendak mula bekerja. Hasil tani, Tuan Yang di-Pertua, tidak kira masa dan tidak kira musim. Sebagaimana kata Yang Berhormat Tuan Haji Othman tadi, kalau macam biasa berlaku FAMA, L.P.N, dan sebagainya, hendak ambil hak persatuan peladang, padi sudah patut di ambil, tetapi apabila di panggil lori yang hendak mengangkut kononnya bukan masa bekerja dan sebagainya. Saya-berharaplah kepada pegawai-pegawai yang akan bersama dengan persatuan peladang dan saya berserulah kepada semua pegawai-pegawai ini bekerja dengan semangat untuk memajukan persatuan peladang yang kita tahu kaum persatuan peladang ialah satu kaum bumiputra yang luar bandar yang hari ini lemah. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya berharap persatuan peladang akan bertambah maju khususnya rakyat bumiputra.

**Tuan Wong Seng Chow:** *(Dengan izin)*

Tuan Yang di-Pertua, I would first like to draw the attention of the Government to several criticisms from the public on this Bill. One of which is that we now have in existence Farmers' Association as well as Farmers' Co-operative and now yet again the Government is going to have Farmers' Organization. The people are at a loss as to actually what each of these Association, Co-operative and Organization is going to represent. These criticisms to be fair are mainly from the Malaysian farmers of Chinese origin, which perhaps would indicate that in the drawing up of the Bill insufficient and inadequate groundwork has been done by the Government in the explanation of the purpose of the establishment of this Bill.

I personally can see that if this Bill can achieve the objectives as set out in Clause 6, then one can consider that this Bill would be of benefit to the people in this country. Many

speakers have already touched *on* the various problems as well as difficulties in the implementation of the Bill.

I do not wish to repeat what has been stated previously, but I would like to ask the Honourable Minister for a clarification as many people have expressed their fears whether or not under Clause 10, where it stipulates that the registered Farmers' Organization may provide in its rules or may otherwise contract with its members for disposal of its members' produce only to or through the Farmers' Organization., it would create a monopoly leaving out the people who do not wish or have no desire to join the Farmers' Organization.

The second point which some of the people would wish to have clarified is that with the implementation of this Bill many of the officials listed out in Clause 14 would, in fact, be paid officials of the Farmers Organization and would no doubt be maintained from the contributions of its members. Now, with this increase in cost, whether or not in the end, this will be passed on to the consumers who would be affected by the increase in price.

Most important and the last of my points today on this Bill is the question of land. Many of the farmers, be they Malays or Chinese, at the moment are working on insufficient plots of land and uneconomic plots of land. In fact many people have expressed their desire as to whether the Government would consider the question of opening up more land purely for the purposes of the promotion of agricultural and socio-economic development which could be participated by the various racial groups in this country. Such a scheme would in fact make the scheme viable and also would improve the relationship between the various races if they were grouped together for the purposes of benefiting from such a land scheme.

Tuan Yang di-Pertua, that is all I wish to say on this Bill and I would say that I support the same.

**Tuan Haji Hassan bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang ini, yang dapat dibawa di Dewan yang mulia. Saya cuma hendak memberikan pandangan sedikit sahaja dalam hal Pertubuhan Peladang ini supaya Pertubuhan Peladang ini dapat

berjalan dengan baik. licin dan lancar, semoga memberi faedah kepada seluruh rakyat yang ada *di* dalam negara kita ini, yang mana duduk dalam bahagian pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang boleh saya fahamkan sehingganya ada Persatuan Peladang yang telah berjalan empat lima tahun yang lepas dan saya dapat juga meninjau daripada Johor sampai ke Perlis. Nampaknya perjalanan Persatuan Peladang ini baik, walaupun terdapat beberapa perkara menghalang ataupun kesukaran seperti semangat pertanian, tetapi ujud mengikut nasihat-nasihat daripada penganjurnya, mahupun pegawai-pegawai yang telah bertugas dalam negeri ini.

Di samping itu, apa yang diharapkan dahulu bahawa Persatuan Peladang ini duduk di bawah Pertanian. Sekarang terus dibuat satu Lembaga di bawah Kementerian mana, saya tidak berapa faham. Apa yang saya harapkan pegawai-pegawai yang melaksanakan kewajipan-kewajipan dalam Persatuan Peladang ini dapat pegawai-pegawai yang benar-benar terlatih dan sanggup bekerja sebagai petard. Kalau tidak pegawai-pegawai yang sedemikian itu, kurang sedikit baiknya pun tidak apalah, tetapi ada minat dalam hal tani. Sebab saya berkata begitu, adalah duduk di dalam lingkungan tani dan keluarga tani, sampailah saya sekarang ini. Saya tidak payah menunjukkan kalau saya hendak menunjukkan dalam Dewan ini ada orangnya, ini yang benar-benar yang menyatakan yang diri saya seorang petani.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya terdapat bukan saya hendak melupakan jasa pegawai-pegawai yang telah lepas sebelumnya Rang Undang-undang ini ditimbulkan ataupun dibaiki di dalam hal peladang ini, ada setengah-setengahnya pegawai bekerja cukup masa balik. Saya, adalah seorang petani, peladang. Ini yang amat mendukacitakan bagi saya. Ada pula pegawai-pegawai yang sanggup bertungkuslumus dengan tidak kira masa, semangat betul-betul hendak membela nasib petani-petani yang duduk di desa-desa sana. Tuan Yang di-Pertua tentulah tahu, tetapi tidak tahu berapa dalam, kerana Tuan Yang di-Pertua duduk di bandar, berniaga besar dan Iain-lain, tetapi saya adalah seorang petani yang betul-betul insaf dan tahu kedudukan petani. Itu satu daripada permintaan saya tadi dan kepada Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian betul-betul.

Yang kedua, dalam badan-badan yang hendak menolong Pertubuhan Peladang ini hendaklah ada yang betul-betul dapat co-operation, kerjasama kepada Persatuan Peladang, iaitu Pejabat Pertanian, Pejabat Taliair (D.I.D.), Pejabat Daerah dan Pegawai Pemasaran, barangkali sudah ada FAMA. Tiga empat buah pejabat ini yang mustahak kepada petani. Kalau petani boleh membajak sawah, tetapi irrigationnya, saluran airnya kotor dan tidak dapat dibaiki lima, enam batu ke atas dan panjang begitu jauh, tentulah air itu tidak dapat disalurkan kepada sawah-sawahnya yang hendak diusahakan. Dan begitu juga barangkali kepada D.I.D. parit-parit yang besar boleh dibaiki, parit-parit yang kecil ini adalah tertakluk di bawah kuasa Pejabat Daerah Kerajaan Negeri dan ini pun hendaklah mendapat perhatian dan kerjasama saluran-saluran yang kecil ini, taliair yang kecil ini dapat diperbaiki serentak bila Persatuan Peladang ini menjalankan kewajibannya. Janganlah hendaknya macam dahulu, petani sudah menghalau kerbau dengan bajaknya di bendang, Pejabat Daerah belum juga lagi memperbaiki taliair kerana katanya perkara ini ditender. Kalau hendak ditender, tenderlah siang-siang, kerana peraturan menanam padi ini Pejabat Daerah yang tahu, dia tertakluk kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tentulah dia mesti tahu, bilakah musimnya kerja sawah, ataupun menanam padi, atau pun sebagainya. Kalau bulan Jun sudah disuruh rakyat menanam padi, taliairnya dibuat pada bulan Ogos. adakah menasabah kerja yang demikian itu hendak dilaksanakan? Tentulah marah petani, bila marah petani termasuklah Persatuan Peladang kena marah. Kalau saya dilantik sebagai Jawatankuasa Pengarah di kawasan itu saya pun akan kena marah. Ini dikehendaki dan begitu juga dalam hal pertanian, Pejabat Pertanian segala benih-benih hendaklah disediakan lebih awal. Kita tahu pegawai kita berjalan saban hari mencari pendapatan rahsia, apakah benih-benih yang dikehendaki oleh rakyat setempat. dengan itu hendaklah direservakan lebih awal. Bila dikehendaki ada benih itu, ataupun siang-siang dibahagikan kepada unit ataupun kawasan Persatuan Peladang yang ada supaya diperseimbangkan kewajipan-kewajipan yang hendak dijalankan.

Dan begitu juga bukanlah benih padi sahaja dan benih-benih yang lain yang boleh mendatangkan hasil ekonomi kepada persatuan peladang.

Dalam perkara pemasaran begitu juga, kalau sedikitpun hendak diambil dan dipasarkan. Kita tahu benda ini belum lagi baik dan mewah pengeluaran yang dikeluarkan oleh pak tani seperti perniagaan mesti menerima kerugian dahulu. Saya sedikit-sedikit ada juga masuk berniaga. Kadang-kadang apa yang saya perhatikan perniagaan orang besar-besar, untuk advertising sahaja berpuluh-puluh ribu wangnya dibuang sahaja, harapkan semua orang tahu datang membeli benda yang diusahakan.

Jadi dalam Persatuan Peladang ini begitu juga, kerana apa yang saya sebutkan tadi, ada kaitannya dalam Lembaga ini hal sedikit menjual ataupun membeli, bererti ada perniagaan dalam Akta ini. Jadi itulah dapat difikirkan dengan secara lanjut, saya cuma dapat memberi rangka kasar sahaja dan di samping itu Kerajaan Negeri ataupun di manalah satu Kerajaan yang menganalisa dalam hal tani ini dapat menjalankan undang-undang yang sebenar-benarnya supaya tiap-tiap orang yang mempunyai hak itu dapat menjalankan kewajibannya yang betul. Tidakkah menjadi seperti mana yang disebutkan oleh Senator Shaari tadi ada padi kunca, walhal Kerajaan telah menolong dengan beberapa bantuan tetapi padi kunca berlaku juga. Dan itulah perkara-perkara yang patut diatasi dan dihalusi supaya perkara itu tidak timbul dan wujud sampai kepada matlamat arah yang benar-benar hendak menolong kepada pak tani. Kalau kita buat licin sahaja ini tidak boleh dalam segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah ingin hendak bercakap lebih panjang daripada ini. Saya harap Pengerusi Persatuan Peladang ini hendaklah betul-betul hatinya hati peladang, hati yang boleh bercampur dengan rakyat jelata di peringkat bawah iaitu kalau tidak sanggup duduk di atas batas makan sama-sama dengannya dan sama-sama boleh duduk. Tetapi kaiau bercakap itu; awak buat begini, itu bagus, itu datang hasil; saya rasa pegawai itu kena lumpur, dia lempar, kata orang Pulau Pinang. Ini saya cakaplah dengan terang-terang. Dan seterusnya saya berkata demikian, saya kenal pegawai yang ada di sini. Saya tahu dalam hal Persatuan Peladang, Tuan Yang di-Pertua, saya

Pengerusi kawasan dalam Melaka dan saya Pengerusi Persatuan Peladang Negeri dan saya ahli Jawatankuasa Persatuan Peladang Kebangsaan hari ini. Saya sudah cuba mengelakkan diri hendak keluar daripada persatuan peladang ini sampai tamat perkhidmatan saya dua tahun, kerana kadang-kadang tidak secukup jiwa saya. Bukan saya hendak jiwa besar, saya mahu jiwa sama-sama betul-betul bekerja dan tegas. Cakap sahaja, ini tidak mahu. Kerana saya tidak boleh lari sebab saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh lari daripada desa. Setelah tamat khidmat di Parlimen saya balik ke desa, habis mesyuarat jawatankuasa peladang saya balik ke desa. Ke mana saya hendak pergi? Kalau orang ada duit, ada kebolehan, dia boleh duduk dalam bandar mencari wang yang lebih banyak dengan senang. Tangan saya kasar, kalau hendak tengok pun boleh. Kalau hendak dipandang tangan saya ini bukanlah sebagai seorang Senator. Jadi, apa boleh buat, saya pun tidak tahu apakah sebabnya saya datang ke mari. Apakah sebabnya orang suka hantar saya ke mari, saya pun tidak tahu, saya terima Alhamdulillah. Jadi itulah pesan saya, dalam hal Persatuan Peladang. Saya tidak nampak apakah sebabnya yang hendak disatukan syarikat kerjasama. Apa yang saya dapat perhatikan, dalam persatuan peladang ini yang saya baca mengikut Perlembagaan yang telah ada, orang yang creditnya dalam bahagian pinjam-meninjam dalam persatuan peladang ini sedia ada, pegawai pemasaran sedia ada dan sebagainya semuanya lengkap. Saya tidak tahu di mana hendak diletakkan syarikat kerjasama dalam persatuan peladang ini, di mana hendak diselitkan.

Saya rasa syarikat kerjasama ini tempat meminjam sahaja. Dalam hal kerjasama dan semuanya itu sudah dimaktubkan dalam persatuan peladang. Ahli-ahlinya itu mestilah mencari ahlinya supaya ahli dalam yunit-yunit itu banyak. Bila banyak, banyaklah benda yang boleh dibuat dan banyak wang yang boleh dikumpulkan dan banyak wang itu yang boleh disebarkan, sementelahnya pula Kerajaan telah memberi \$4.2 juta dan benda ini boleh diperbaiki dan diaturkan dan carilah pegawai ekonominya yang betul-betul duduk dalam persatuan peladang ini. Kalau dalam hal teori sahaja, kalau sedikit-sedikit, serahkanlah kepada saya, tidak payah campur. Kalau betul-betul hendak mencapai matlamat hasrat persatuan peladang ini ataupun

Lembaga Peladang ini hendaklah dicari betul-betul pegawai-pegawai yang sebagaimana yang ditegur oleh saudara-saudara Senator tadi. Ada baiknya teguran itu dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang keduanya, yang penghabisan, apa yang saya hendak pada persatuan peladang ini, persatuan peladang ini tidaklah boleh menumpukan kepada menanam padi sahaja. Kalau menanam padi tentulah barangkali ada setengah-setengah orang yang hendak bersara nanti balik ke desa dia tidak mahu hendak tanam padi. Pendapatan tidak berapa ringgit dapat pada sebulan, Tuan Yang di-Pertua. Saya memberi contoh. Satu ekar dapat 400 gantang hitong panjang. Kalau 400 gantang berapa pikul? Barangkali 20 pikul. Satu pikul berapa ringgit, \$17 harga yang ditetapkan. Jumlahkan sahajalah barangkali \$400-550. Jumlahkan semula sebagai kata Senator Yang Berhormat Dr Mahathir perbelanjaannya. Mula-mula sekali dia mestilah membeli benih, kalau mengikut perniagaan dia mesti kira semua. Benihnya berapa gantang dan berapa harganya, buat petak berapa ringgit pada hari itu dan membajak sawah itu kalau menggunakan mesin berapa ringgit, bajanya berapa, upah orang tanam berapa dan sampai lengkaplah, sampai padi itu ke tepi jalan.

Jadi kalau dihitong semua ini barangkali dapat \$120 daripada seekor selama 6 bulan walaupun 3 bulan dia bekerja, 3 bulan menunggu itu masuk dalam perkiraan. Kalau \$120 selama 6 bulan, berapa ringgit pendapatan sebulan daripada seekor itu, Tuan Yang di-Pertua. Adakah mendatangkan untung dan hasil yang cukup dalam perkara ini? Tetapi sudah menjadi tradisi rakyat Malaysia makan beras, bukan makan gandum, mahu atau tidak mesti buat juga. Kalau petani tidak bekerja, kita pun susah juga, sedangkan ada pengeluaran padi di Kedah harga beras pun melambung tinggi dan harga padi setakat ini juga. Dilaung-laungkan pun, kata ~~orang kampung~~ saya tak mengipas telinga pada seseorang itu atau tempat yang dituju itu. Apakah sebab penyakitnya, tidaklah diketahui. Saya kata begitu, maklumlah cakap saya kasar, kerana saya datang dari desa, bersekolah pun tak tinggi. Pertubuhan Peladang hendaklah mencari pakar-pakar yang boleh menanam tanaman selain daripada padi, yang boleh mendatangkan hasil yang memuaskan selepas mereka

menanam padi. Kalau tanah daratan tengoklah apa jenis tanahnya, dan siasatlah tanah itu samada boleh ditanami atau tidak. Barangkali itu boleh menambahkan lagi hasil untuk kebaikan kepada petani dan Pertubuhan Peladang ini.

Akhir sekali, kalau beginilah besar hasrat Pertubuhan Peladang ini, peruntukan yang diberi oleh Kerajaan sebanyak S4.2 juta ini tidak cukup, kerana bukti yang dapat ditunjukkan oleh pengerusinya yang telah lepas iaitu Datuk Abdul Samad Idris memang elok dan baik. Kalau peruntukan sebanyak itu tentulah tak cukup. Saya harap Menteri yang berkenaan yang membawa Rang Undang-undang dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat berunding atau pun membagi rezab kerana Persatuan Peladang pun bukanlah hendak terus-terus dapat wang itu kalau sekiranya tidak dapat hendak menunjukkan bukti. Persatuan Peladang yang ada di Malaysia ini jangan disamakan dengan Persatuan Peladang di Taiwan. Saya fikir, saya tak payah huraikan, membuang masa kerana benda ini sama-sama sudah maklum... Jadi tak boleh kita membuat konsep sebagaimana Persatuan Peladang Taiwan hendak di bawa ke Malaysia kerana banyak penyakit. Saya merayu sebanyak sedikit membantu harapan daripada kawan-kawan saya Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dahulu, menegur berbagai hal dalam Pertubuhan Peladang ini, semoga Pertubuhan Peladang ini dapat berjalan dengan sempurna dan sampai cita-cita Kerajaan hendak menolong bumiputra yang duduk di dalam pertanian iaitu peladang-peladang yang ada di dalam negara kita ini.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja. Saya ucapkan terima kasih dan di samping itu, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tujuan yang utama diadakan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang ini, adakah untuk memberikan kesenangan kepada rakyat atau untuk menyusahkan rakyat? Saya rasa. Rang Undang-undang ini menyusahkan rakyat, sebab beberapa tahun yang lalu Kerajaan telah menubuhkan Persatuan Nelayan, tetapi sampai hari ini nelayan-nelayan kita tidak ada merasai apa-apa nikmat dan perubahan dalam taraf hidup mereka.

Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan hendaklah berhati-hati jika diluluskan Rang Undang-undang ini, walaupun suka atau tidak, akan diluluskan juga pada hari ini. Apa yang saya harapkan sangat, saya minta kepada pihak yang berkenaan, jika hendak dilantik pegawai-pegawai itu hendaklah cari orang yang baik peribadinya yang bersemangat jiwa Melayu, yang hendak menolong dan hendak menghapuskan kemiskinan penduduk di luar bandar. Kalaulah pihak yang berkenaan melantik orang yang datang memakai tali-leher sahaja, kalau hendak bertanya dia marah, dia tak memandang simiskin, tetapi tidak semua pegawai begitu. Perkara ini banyak kali berlaku di pejabat-pejabat, sebab saya pun juga telah terkena. Saya bercakap ini sebab saya sudah terkena.

Saya berharaplah kepada pihak yang berkenaan moga-moga dengan tertubuhnya Pertubuhan Peladang ini dapatlah diberi nikmat yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat semua untuk membasmi kemiskinan rakyat di luar bandar. Bagaimana kita tahu hari ini sebelum ada Persatuan Peladang, beras tak naik, tetapi hari ini sudah naik \$2.70, mungkin setelah lulus Pertubuhan Peladang ini beras naik dua kali ganda \$5.40. Jadi, saya berharap pihak yang berkenaan mengambil perhatian untuk memberikan kesenangan yang mana dijanjikan oleh Kerajaan. Demikianlah saya ucapkan, dan saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan di dalam Dewan ini.

Saya berdiri untuk bercakap sepatah dua berkaitan dengan perkara ini. Rang Undang-undang ini dibuat seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin mungkin akan sampai tiga Rang Undang-undang. Satu telah kita luluskan pada tahun 1967, yang kedua sedang kita bahaskan dan ketiga selepas undang-undang ini kita luluskan nanti. Tujuan pihak Kerajaan mengadakan Rang Undang-undang ini semata-mata untuk menolong kaum petani atau pun peladang-peladang, khasnya mereka yang duduk di luar bandar dan dengan adanya undang-undang yang baru ini dapat mencegah persaingan yang timbul di antara

syarikat kerjasama dengan Persatuan Peladang, kerana syarikat Kerjasama yang dianjurkan dahulu pun orang yang mengambil bahagian ialah orang itu juga, dan yang menjadi ahli persatuan peladang itu juga orangnya. Jadi boleh mendatangkan barangkali kekecuaan di antara dua jenis persatuan iaitu syarikat kerjasama dan persatuan peladang sehingga boleh membosankan rakyat di luar bandar.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya yakin dan percaya Rang Undang-undang ini ialah satu daripada pembedahan yang dibuat untuk mengubatkan penyakit yang telah timbul itu. Sepertimana yang dinyatakan oleh rakan saya Tuan Haji Hassan tadi bahawa Persatuan Peladang kita yang kita tubuhkan ini adalah mengikut contoh ataupun tauladan Persatuan Peladang yang ada di Taiwan, tetapi ikutan dan contoh yang kita ikut ini boleh juga kita laksanakan tetapi mestilah berlainan cara melaksanakannya di mana cara melaksanakannya di Taiwan mungkin tidak sesuai untuk dilaksanakan di negara kita ini.

Pegawai-pegawai yang akan memimpin Persatuan Peladang ini, banyaklah rakan-rakan saya tadi bercakap hendaklah benar-benar Pegawai yang ada mempunyai semangat yang ingin, benar-benar menenguk dan menyaksikan peladang-peladang ataupun petani-petani mengubah nasibnya" daripada yang ada hari ini kepada keadaan yang lebih baik lagi. Dan lagi dengan adanya Persatuan Peladang ini nanti, saya berharap janganlah diharapkan ramai bilangan Ahlinya sahaja, tetapi tidak ada aktiviti-aktiviti yang boleh dinikmati oleh ahli itu sendiri Ter" utama berkenaan dengan menanam padi dua kali setahun seperti mana yang dinyatakan oleh banyak rakan-rakan saya tadi, ada disetengah-setengah kawasan telah mencuba tahun yang pertama, maka tidak lagi mahu mencuba bagi tahun kedua. Ini rasa saya ialah kerana kurang perkakas, kurang pegawai, kurang bimbingan kepada petani-petani kita yang tidak ada mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup. Misalnya, manakala sampai masanya sawah itu untuk ditengala (trektor), maka trektornya tak sampai, minta kepada Pejabat Pertanian, kata Pejabat Pertanian, trektor masih lagi belum selesai untuk mentrektor di kawasan sana. Ini rasa saya adalah satu sebab dan musababnya, maka rancangan menanam padi dua kali setahun itu tidak begitu berjaya. Jadi,

kalaupun kiranya Persatuan Peladang yang akan ditubuhkan ini menitikberatkan kepada bertanam padi sahaja, saya rasa perkakas-perkakas yang moden mengikut cara pertanian yang moden ini hendaklah disediakan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong bagaimana apa yang dinyatakan oleh rakan saya tadi maka peruntukan \$4 juta lebih itu tidak mencukupi untuk menjayakan rancangan Persatuan Peladang ini. Kalau benar-benar hasrat Kerajaan hendak melihat dan menyaksikan supaya ekonomi petani-petani itu bertambah baik, maka pihak Kerajaan hendaklah benar-benar mencurahkan perbelanjaan yang secukupnya untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja pandangan saya serba' ringkas di dalam membahaskan Bil ini. Saya adalah menyokong Bil ini dengan sepenuhnya.

**Tuan Haji Ali bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mengambil bahagian bersama-sama dalam membincangkan soal yang berkaitan dengan Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi.

Saya tidak hendak bercakap banyak kerana rakan-rakan saya telah pun mengambil bahagian bercakap banyak dan daripada segala aspek telah pun dibincangkan, tetapi "ada beberapa perkara yang saya fikirkan penting yang terpaksa juga saya nyatakan di sini. Pemandangan saya adalah serba-salah bila saya dapati Bil yang seumpama ini dibentangkan di dalam Majlis ini yang mana Bil ini dengan tujuan Kerajaan amatlah baik hendak menyetujui perjalanan Syarikat Kerjasama dengan Persatuan Peladang di dalam sebuah gabungan Pertubuhan Peladang. Saya bercakap di sini atas kedatangan Syarikat Kerjasama dengan kedatangan Persatuan Peladang ini, saya nampak agak berlainan asasnya.

Syarikat Bekerjasama-sama ini boleh dikatakan 100% dibiayai oleh rakyat. Untuk menjadi ahlinya, untuk membeli sahamnya dan sebagainya. Dan perhubungan Syarikat Kerjasama dalam bahagian kredit pada hari ini telahpun di majukan, umpamanya, pada hari ini Syarikat Kerjasama di kampung-kampung, Syarikat Kerjasama kaum tani yang mana dia ada mempunyai sebuah Bank Rakyat yang akan memberi kredit kepada Syarikat-syarikat Kerjasama yang ada di seluruh tanahair kita pada hari ini

Persatuan Peladang ini sebuah pertubuhan yang dianjurkan oleh Kerajaan pada beberapa tahun yang lalu. Pada hal Persatuan Peladang ini sebenar-benarnya apa yang dikatakan oleh rakan saya tadi adalah sebuah pertubuhan yang baharu datang di negeri kita ini, iaitu undang-undangnya diluluskan pada tahun 1967. Tetapi Syarikat Kerjasama ini satu pertubuhan yang sudahpun lama barangkali lebih 50 tahun yang ada dalam negara kita ini. Sudah dikenali oleh rakyat seluruhnya dengan perjalanan Syarikat Kerjasama ini dan modal-modal rakyat yang ada dalam Syarikat Kerjasama ini lebih daripada \$400 juta yang sudah pun ada di kalangan Syarikat Kerjasama pada hari ini. Tetapi Persatuan Peladang ini datangnya dengan satu tujuan kononnya untuk memperbaiki memberi pertolongan kepada pak-pak tani itu supaya sampai.

Pada waktu itu dituduh mengatakan bahawa Syarikat Kerjasama ini ada mengeluarkan pinjamannya, memberi kreditnya kepada orang-orang yang mempunyai harta, dan tidak memberi pinjaman kepada orang-orang yang tidak mempunyai harta. Tujuan Persatuan Peladang ini datang kerana hendak memberi pinjaman bantuan kepada orang-orang yang tidak mempunyai harta, dengan tidak mempunyai cagaran itu tujuan asalnya datang Persatuan Peladang ini.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, bila Persatuan Peladang ini berjalan di dalam negeri ini, apakah yang dijalankan oleh Persatuan Peladang dan macam manakah caranya Persatuan Peladang ini memberikan pinjaman kepada ahli-ahlinya? Persatuan Peladang ini bergantung kepada Bank Pertanian, kreditnya dikeluarkan oleh Bank Pertanian dengan sekian-sekian peratus pinjaman yang ditetapkan.

Apabila Bank Pertanian mengeluarkan pinjaman dengan faedah yang rendah bila datang kepada Persatuan Peladang, Persatuan Peladang menjalankan pinjaman kepada Ahli—yang saya bercakap ini di dalam negeri saya—yang mana Persatuan Peladang memberi kredit kepada ahli-ahlinya dengan bayaran 12% pada satu musim. Satu musim yang bererti 6 bulan sekarang ini. double cropping ataupun kita kata tanaman dua kali setahun di Negeri Kedah. Bila dia beri 12% satu musim, setahun dua musim, ertinya persatuan peladang mengeluarkan pinjaman kepada ahlinya sebanyak 24%. Itu

caranya yang dijalankan di sana apa yang saya tahu, tetapi wallah-huallam barangkali baru-bara ini sudah dipinda, itu saya tak berani kata. Tujuan asalnya diadakan persatuan peladang, walaupun saya adalah seorang yang di dalam syarikat kerjasama ini biasa perkara ini dibincangkan dengan Menteri yang berkenaan pada masa itu, saya kata tak perlu kita adakan persatuan peladang di negeri kita ini, hanya kita mengelokkan perjalanan syarikat kerjasama ini sahaja dengan membanyakkan ahlinya bagaimana yang dicadangkan oleh Kerajaan pada tiap-tiap 10 buah syarikat itu diadakan seorang pegawai. Saya berani mengatakan syarikat kerjasama ini menjadi maju di dalam negeri ini dengan tidak payah menubuhkan persatuan peladang tetapi kehendak Menteri kononnya perjalanan syarikat kerjasama ini tidak baik, kerana ahlinya itu biasa mengambil pinjaman pergi joli di Pulau Pinang. Kerana satu orang ahli mengambil pinjaman dan tidak menjalankan kerja apa yang dijanjikan itu, pergi berjoli ke Pulau Pinang dengan sebab itu hendak ditubuhkan satu pertubuhan baharu, iaitu Persatuan Peladang.

Saya ceritakan sedikit sejarah macam mana persatuan peladang ini hendak ditubuhkan. Sekarang bila persatuan peladang ini hendak ditubuhkan, saya sebagai orang yang menyokong Kerajaan, saya sentiasa menyokong Persatuan Peladang ini datang pun saya sokong, pertubuhan peladang datang inipun saya sokong dan lembaga peladang datang pun saya sokong, tetapi sikap saya begini, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun saya menyokong soal pertelingkahan ataupun kita kata krisis sama sendiri di antara syarikat kerjasama dengan persatuan peladang ini, saya nampak tak ada, kerana saya tahu sebenar-benarnya di Negeri Kedah saya adalah mempunyai sebuah pertubuhan penanam padi di Negeri Kedah. Ahli-ahli saya itu dia berpecah kepada dua pihak—sebahagiannya menyokong gerakan kerjasama dan sebahagiannya menyokong gerakan Persatuan Peladang. Saya tak ada apa-apa halangan, apa sahaja cita-cita Kerajaan untuk memberi kebaikan kepada rakyat kita terus menyokong, tetapi satu daripada perkara yang saya dapat tahu dalam satu penyiasatan ataupun dalam satu kajian, umpamanya di Negeri Kedah sahaja kalau benar-benar Persatuan Peladang ini hendak dimajukan dengan 265,000 ekar tanah Negeri Kedah yang ditanam dua kali setahun dengan Perlis, jadi dikehendaki 1,000

orang Pegawai Persatuan Peladang yang boleh memajukan kawasan itu, tetapi masalah pegawai 1,000 ini mengikut penyelidikan itu, pegawai ini pada masa sekarang ialah Pegawai Muda Pertanian (J.A.A.) menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan Persatuan Peladang ini.

Yang saya hairan sekali bila dalam penyiataan cara hendak memajukan persatuan peladang ini betul-betul, kita berkehendakkan 1.000 orang pegawai. 1,000 orang pegawai ini orang-orang yang terlatih yang mesti dilatih daripada Kolej Pertanian di Serdang. Pada masa itu Kerajaan Negeri Kedah hendak melaksanakan kehendak-kehendak ini supaya dalam kawasan pertanian Negeri Kedah itu dapat dimajukan, Kerajaan Negeri Kedah mengeluarkan scholarship sebanyak 40 orang daripada budak-budak yang patut boleh belajar untuk dihantar ke Serdang ini. Tetapi bila diuruskan untuk menghantar belajar di sini pihak yang berkenaan menjawab tidak mempunyai tempat, hanya dibenarkan ambil pada satu tahun 30 orang sahaja budak yang boleh dilatih yang bakal menjadi pegawai di dalam Persatuan Peladang di Negeri Kedah. Kalau 30 orang pada satu tahun, kita mahu 1,000 orang berapa puluh tahunkah persatuan peladang di Negeri Kedah ini baharu dapat dimajukan. Ini masalaahnya. Barangkali kita semua tidak ada lagi di dalam dunia ini, pada masa itulah baharu persatuan peladang ini akan maju kalau berdasarkan pada satu tahun ambil 30 orang, 10 tahun baru 300 orang dan 20 tahun baru 600 orang, jadi bila hendak cukup 1,000 orang samada penyelidikan itu betul atau tidak, itu wallah-huallah dan saya harap mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Menteri.

Itulah perkara-perkara yang saya berasa patut saya cakapkan dan satu lagi saya berasa bila datang undang-undang ini sedikit-sebanyak berkesan kepada syarikat kerjasama, undang-undang ini seolah-olahnya menyekat perkembangan syarikat kerjasama. Hari ini satu perkara yang saya agak susah sedikit saya hendak bayangkan dalam Majlis ini, kalau perkembangan syarikat kerjasama ini tersekat bagaimana hari ini syarikat kerjasama ini dengan ikhtiarnya telahpun dapat menubuhkan sebuah Bank Syarikat Kerjasama yang berpuluh juta wang rakyat disimpan di dalam bank itu untuk memberi kredit dan sebagainya. Sekiranya kita kata

dengan sebab undang-undang ini kita luluskan dan hendak laksanakan sedikit-sebanyak tersekat ataupun tergendala, jadi tentulah menjadi satu kesusahan kepada Bank Syarikat Kerjasama ini menjalankan kerja-kerjanya untuk memberi pinjaman dan sebagainya.

Masalah sekarang satu daripada benda yang saya dapat faham apa sebab undang-undang ini datang, barangkali tak disebut di sini, kerana Bank Syarikat Kerjasama ataupun syarikat kerjasama keluarkan pinjaman ini dengan faedah yang rendah, tetapi persatuan peladang ini mengeluarkan pinjaman dengan faedah yang tinggi, itu tidak dapat disamakan dan tak dapat diselesaikan.

Pada pendapat saya, perkara yang paling mudah biar kita samakan dengan serendah-rendah setakat mana Bank Syarikat Kerjasama mengeluarkan pinjaman hari ini dengan faedah sekian banyak, persatuan peladang pun begitu juga kerana kita tahu wang yang akan diberi bantuan oleh persatuan peladang itu adalah datangnya daripada wang Kerajaan. Dengan sebab satu-masalah tak dapat kita selesaikan fasal faedahnya tak sama, maka kita tubuhkan satu pertubuhan yang baru iaitu Pertubuhan Peladang yang bakal akan datang satu Lembaga Peladang yang saya nampak kedua-duanya ini akan memakan belanja yang lebih besar kepada Kerajaan hendak melengkapkan dengan segala pegawai-pegawainya. Walau bagaimanapun, saya berasa tentulah tak dapat kita hendak bangkang macam mana kata Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir tadi benda ini tetap sahaja diluluskan, tetapi saya minta berhati-hatilah bila sudah diluluskan itu, perlaksanaan itu patutlah kita cuba-cuba buat kajian dengan teliti. Bila semua ini tak berlaga, baru kita jalankan perlaksanaannya. Sekianlah pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang telah dibawa, oleh Menteri yang berkenaan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telahpun menyatukan di antara Persatuan Peladang dan syarikat kerjasama, kerana pada masa tahun 1972 dahulu saya telah bercakap dalam Dewan ini atas penyatuan dua badan ini disebabkan kekeliruan dan perselisihan faham selalu

berlaku di negeri saya, yang saya tahu di Negeri Perlis kerana ahli-ahli di dalam persatuan peladang dan ahli-ahli itu juga di dalam syarikat kerjasama, boleh dikatakan 90% kedudukannya begitu. Dengan keadaan begitu perjalanan yang berasingan, maka manakala di dalam pinjaman berlakulah pinjaman itu satu orang dapat meminjam kedua-dua tempat, jadi pada masa pembayarannya menjadi satu kesusahan dan begitu jugalah perjalanan yang lain di dalam rancangan yang dijalankan di antara kedua-dua badan ini dan pada masa itu saya menyentuh juga kepada Menteri-menteri yang berkenaan yang bersangkutan di dalam Persatuan Peladang, juga yang bersangkutan di dalam syarikat kerjasama ini telah berlumba-lumba dalam soal ini.

Dengan adanya pada hari ini bawa penyatuan ini, maka saya mengucapkan terima kasih dan sukalah saya menarik perhatian berkenaan dengan keadaan pertubuhan Persatuan Peladang ini.

Pada masa dahulu di Negeri Perlis Persatuan Peladang itu telahpun ada diminta didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftar di Pulau Pinang dan pada masa itu di bawah kelolaan dan jagaan Pejabat Pertanian Negeri, tetapi Persatuan Peladang itu pada masa itu tidak dapat bergerak kerana tidak boleh berniaga. Sungguhpun begitu, keadaan bagi pihak ahli-ahli yang tidak begitu faham kedudukannya bagi pihak orangramai atas nama Persatuan Peladang itu. Dengan sebab itu, boleh terjadi Persatuan Peladang yang ditubuhkan pada hari ini yang mana pendaftarannya di bawah Kementerian ini yang banyak memberi bantuan-bantuan dan pertolongan-pertolongan terutama sekali kepada peladang, tetapi sungguhpun begitu keadaan ahli-ahlinya sungguh mendukacitakan, kerana ada dalam satu-satu kampung yang kita terdapat yang mana terdapat ahlinya daripada peladang-peladang, kalau adalah umpama 100 orang, maka hanya ahli itu yang menjadi ahli persatuan suku sahaja iaitu 25 orang, yang lainnya tidak menjadi ahli persatuan. Maka kelemahan-kelemahan ini kita tidak tahu dari manauduknya.

Saya percaya pada masa yang akan datang akan dapat dikaji oleh pihak yang berkenaan ini dan apakah sebab-sebab kelemahan walaupun ada sedikit sebanyak yang akan saya sebutkan sebentar lagi, kelemahan-kelemahan yang ada kepada Persatuan Peladang yang berjalan pada masa ini.

Dan begitu juga syarikat kerjasama yang mula-mula masuk ke Negeri Perlis, banyak yang menjadi ahli dan tumbuhnya syarikat-syarikat ini, tetapi apa yang menggalakkan dan apakah yang menjadi sokongan kepada orangramai untuk menjadi ahli kepada syarikat ini pada masa itu dibawa masuk tiap-tiap seorang ahli kena bayar sebanyak \$10.00, \$1.00 pendaftaran \$10.00 saham menjadi ahli, dan selang dua tiga hari dapat diberi pinjaman sebanyak \$300 hingga \$500 seorang. Jadi keadaan begitu berlumba-lumbalah hendak masuk menjadi ahli. Tetapi dengan kekurangan awas-mengawas berkenaan dengan pinjaman ini, maka itulah yang terjadi sehingga perkara ini berlapuknya hutang ahli-ahli kepada syarikat sampai beratus ribu yang terlekat sehingga hari ini di Negeri Pedis yang tidak dapat dibayar oleh ahli-ahli.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal kelemahan-kelemahan yang berlaku ini patutlah diawasi dan diambil perhatian oleh pihak badan atau Persatuan Peladang yang hendak ditubuhkan semuga perkara ini tidak berlaku lagi di atas satu dua badan yang telah berlaku kelemahan ini dan kalau Persatuan Peladang yang baharu yang kita hendak sahkan Undang-undang ini supaya dapat mengawasi terutama sekali di atas pinjaman-pinjaman bukanlah pinjaman-pinjaman itu kita juga tidak setuju diperketatkan begitu sangat sehingga payah kepada ahli-ahli persatuan, tetapi kita berharap supaya dijaga dalam soal ini daripada awal-awal lagi. Bukan sahaja di dalam soal pinjaman, tetapi juga di dalam soal-soal yang lain yang boleh mengekalkan kedudukannya dan keadaan Persatuan Peladang ini dari satu masa ke satu masa dan janganlah Persatuan Peladang ini pula di satu masa kelak akan terkurban dengan sebab-sebab yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kelemahan-kelemahan dalam Persatuan Peladang ini, kita tahu terutama sekali pegawai-pegawai yang mentadbirkan Persatuan Peladang, memang ini tidak dapat dinafikan bahawa ini tersangat kurang di dalam Negeri Pedis, tetapi dengan penyatuan ini barangkali dapatlah pegawai-pegawai dalam syarikat kerjasama juga yang tahu keadaan-keadaan perjalanan Persatuan Peladang akan diambil untuk berkhidmat dalam persatuan ini nanti, maka dengan ini tentulah memudahkan kepada Kementerian ini untuk menambahkan ahli persatuan.

Selain daripada itu, kita berharap banyak akan diambil daripada pemuda-pemuda kita yang baharu lulus S.P.M., yang berkelulusan **Grade 3 yang dapat diambil untuk diberi latihan** di dalam bahagian peladang ini diambil banyak daripada pemuda-pemuda kita ini, mudah-mudahan dengan cara ini dapat menampung kekurangan kakitangan dalam mentadbirkan persatuan peladang ini.

Kelemahan Persatuan Peladang ini ialah berkenaan dengan harga-harga barang yang digunakan oleh peladang-peladang, kerana harga sebagaimana baja, racun serangga terlalu mahal dan mahal lebih daripada harga-harga yang dijual di kedai-kedai yang berhampiran dengan Persatuan Peladang. Ini menjadikan juga satu kelemahan kepada persatuan, dan ini juga menunjukkan bahawa banyak daripada peladang ini tidak mahu masuk menjadi ahli, kerana tidak ada kemudahan-kemudahan yang dapat seperti mana keperluan untuk peladang iaitu trektor-trektor juga harganya mahal, sekurangnya trektor-trektor yang diambil upah oleh peladang dan tidak menjadi ahli persatuan yang dapat disewa di tempat itu. Dengan keadaan yang begini, maka kita nampak banyak daripada ahli peladang ini tidak menjadi ahli Persatuan Peladang.

Berkenaan dengan pasaran. Pasaran juga tidak begitu diawasi mahupun dalam penjualan padi. Penjualan padi itu kita tahu pada masa mula-mula kita mengambil buah padi awal-awal mengambil buah tadi harganya sungguhpun ditetapkan oleh Kerajaan sebanyak \$16 tetapi keadaan pembeli-pembeli pada masa itu kerana ada beberapa sebab yang dikatakan berkenaan dengan basah dan lain-lain, maka telah dibeli dengan harga yang kurang iaitu sebanyak \$11.00 ataupun \$12.00 sepikul. Sungguhpun ada Lembaga Padi dan Beras Negara yang membeli padi itu, tetapi begitu juga keadaannya dengan sebab mengatakan basah. Dengan keadaan begitu, petani-petani itu tidak dapat membawa ke mana-mana padi mereka dan tidak dapat juga menyimpan dengan lebih daripada satu atau dua hari disebabkan padi-padi akan tumbuh maka terpaksalah padi itu dijual dengan serta-merta. Dengan keadaan kurang diawasi oleh pihak persatuan, maka ini juga satu kelemahan yang ada dalam Persatuan Peladang. Dan begitu juga pasaran-pasaran yang lain seumpama ternakan seperti mana ternakan ayam yang selalunya di Negeri Perlis, ini juga tidak

mendapat pasaran yang tertentu dari pihak Persatuan. Persatuan tidak mengambil peduli langsung dalam soal pasaran-pasaran yang **telah pun di buat oleh petani-petani. Kita** berharaplah perkara ini akan dapat di atasi mudah-mudahan dengan cara yang sebegini dapatlah segala kelemahan yang ada pada persatuan pada masa yang telah lalu dapatlah membanyakkkan ahli-ahli persatuan ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu di tempat saya hanya kalau ada pun suku sahaja yang masuk menjadi kepada persatuan-persatuan peladang.

Dalam pinjaman juga patutlah dalam perkara ini juga di permudahkan dan tentang faedah-faedahnya patut di kurangkan maka dengan cara beginilah barangkali kelemahan-kelemahan ini dapat di atasi.

Dan selain daripada itu, pada pandangan saya, saya mencadangkan supaya sebagaimana kekurangan tadi iaitu sebagai kilang-kilang, maka sudah sepatutnyalah persatuan mengadakan kilang-kilang besar di Negeri Perlis dan Kedah. Setakat hari ini biasa saya sebutkan di dalam Dewan ini kilang-kilang besar yang ada di Negeri Perlis dan Kedah sebanyak 40 buah tetapi tidak ada sebuah pun yang di punyai oleh bumiputra. Apa halnya dengan pembelaan yang akan di buat oleh persatuan ini dalam soal pemasaran padi dan beras. Hanya di punyai oleh bumiputra ialah kilang-kilang kecil yang bertaburan ada di Negeri Perlis dan Kedah, tetapi segala-galanya di sekat samada di dalam penyimpanan padi mahupun di dalam penjualan beras, maka bagaimanakah keadaannya bumiputra boleh hidup dan memajukan ekonomi bumiputra di dalam soal padi dan beras ini. Maka dengan tertubuhnya Persatuan Peladang ini, kita berharap persatuan ini akan memperjuangkan dan dapat pula mengadakan kilang untuk bumiputra. Dengan keadaan yang begitu, saya percaya di masa awal-awal atau masa mula dibuat padi dan dalam masa kadang-kadang terkena musim hujan, maka keadaan berbagai kejadian yang telah terkena kepada peladang-peladang tadi berkenaan dengan buah-buah padi ini, maka selain daripada dapat meninggikan harga padi ini satu cara lagi boleh juga persatuan ini menyimpan padi-padi itu, kalau kiranya ada kilang-kilang sendiri ataupun L.P.N. yang telah mengatakan akan membuat enam buah kilang di Negeri Perlis dan Kedah pada

tahun ini. tetapi ini kita tidak tahulah katakan atau macam mana maka kedudukannya kepada Kementerian Kewangan, kita berharap juga Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin akan memberi peruntukan ini dengan segera supaya dapat dilaksanakan kilang ini untuk keperluan petani-petani tadi.

Satu cara lagi dengan kita mengambil buah-buah padi daripada petani tadi dan kita menimbang padi itu kita bayar 70 atau 80% daripada harganya. Kita tahu keadaan kedudukan padi-padi ini selepas 3 atau 4 bulan telahpun naik harganya. Itu sudah menjadi adat pada tiap-tiap tahun kalau kita ikut dengan harga padi, maka kita telah dapat selang tiga empat bulan harga padi itu melambung naik macam kedudukan pada hari ini. Yang kita tahu harga sudah naik \$21 tetapi apa yang untung kepada petani-petani padinya telah habis, yang untungnya si kilang-kilang. Apa yang boleh pada bumiputra, tidak ada sebuah pun kilang yang besar yang boleh menyimpan padi-padinya untuk bumiputra. Kalau dengan kita membayar 70 atau 80% dahulu, dengan kita tidak menentukan harga pada masa itu, dengan cara begini boleh menjadi satu pertolongan, sebab bumiputra berkehendakkan wang. Boleh diberi wang dengan cara begini kita beri wang 50 atau 70% daripada harga sepikul itu, maka kita menentukan harga di satu masa apabila harga padi itu sudah naik dalam dua tiga bulan itu. Lebih-lebih lagi dengan keadaan didudukan Negeri Perlis dan Kedah kalau persatuan ini, petani-petani yang boleh dikatakan 95% daripadanya terdiri daripada bumiputra, dan kalau bumiputra ini menjadi ahli kepada Persatuan Peladang, maka padinya itu di simpan, sudah menilai habus 40 buah kilang—di mana hendak dapat permit. Maka daripada situ harga padi dapat naik tinggi lebih daripada harga yang kita jangka. Apa pun kita boleh gunakan. Tetapi hari ini bukan petani atau seladang-peladang yang menggunakan bahn dan satu pihak yang lain yang menggunakan harga padi.

Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan sehari-hari di dalam pertanian ini sudah pun semakin sehari semakin kurang, semakin tahun semakin kurang, pemuda-pemuda atau pemudi-pemudi ini bekerja di dalam bahagian

bendang. Kebanyakannya memanglah ibubapa itu tidak begitu menggalakkan anak-anak mereka bekerja seperti itu terutama sekali dengan keadaan dunia pada hari ini begitu juga di Malaysia kita ini menghambat-hambat pelajaran, maka kesedaran yang ada pada ibubapa terutama petani-petani ini juga menghambat anak-anak itu ke dalam pelajaran, maka tidaklah mereka menyuruh anak-anak ini bekerja. Manakala sampai umurnya dewasa, maka ini susah sedikit anak-anak itu hendak mengikut jejak bapanya dan seterusnya kalau sekiranya habis daripada sekolah samada lulus ataupun tidak, maka berlumba-lumalah datang ke bandar mencari pekerjaan di bandar. Walaupun kerja yang ada di rumahnya yang patut menolong kepada ibubapanya tidak begitu mengambil berat sangat dan tidak mahu bekerja lagi.

Kalau kita tengok pada hari ini bagi pihak pekerja-pekerja bendang kebanyakannya terdiri daripada orang tua-tua tidak ada dari peringkat-peringkat muda ini. Kita bimbang di satu masa nanti keadaan ini walaupun terdapat banyak kita menggunakan jentera-jentera tetapi semacam penanaman padi kita nampak tentulah susah sedikit dalam soal ini berkehendakkan kepada pemuda-pemudi kita bekerja. Tetapi walaupun di iklankan—kalau kita iklankan kerja, kata kerja benda itu \$100 sebulan dan kerja di kota, di kilang dengan \$2.50 sehari, maka mereka akan bekerja di kilang-kilang tidak mahu bekerja di bendang. Maka di sini saya berharaplah pihak Kementerian akan mengambil seberapa banyak pemuda-pemuda ini berkursus di dalam pertanian, samada pemuda-pemuda yang tidak lulus di dalam S.P.M. ataupun L.C.E. maka pemuda-pemuda ini di ambil untuk di beri kursus di dalam pertanian. Seumpama di Perlis ada satu tempat di Bukit Teming, tetapi tidaklah begitu banyak kursus-kursus bahagian pertanian ini di buat, maka saya berharap kepada pihak yang berkenaan semoga mengambil perhatian di dalam perkara ini dan dapat memberi latihan yang lebih kepada pemuda-pemuda di dalam latihan pertanian.

Dan begitu juga berkenaan dengan baja. Baja ini juga kita tahu harga baja ini tidak dapat di jagai atau di kelolai dan di kawal harga-harganya. Sungguhpun harga-harga ini telah melambung tinggi yang dapat di kawal harganya yang dikeluarkan seperti padi dengan dijagai harganya begitu ketat, tetapi

mengapakah di dalam soal ini Persatuan Peladang tidak memperjuangkan, maka kita berharap dalam Rang Undang-undang ini akan dapat mengawasi dalam perkara baja ini terutama dalam perkara baja ini, walaupun baja ini kilangnya tidak ada, kita berharaplah supaya Persatuan Peladang ini juga dapat membina mengadakan kilang baja yang inam baja urea dan baja campuran kebanyakannya kila inipol daripada luar negeri seperti Jerman, Australia, Jepun dan lain-lain lagi.

. Maka pada hari ini sudah sampailah masanya bagi negara kila juga, yang menggunakan baja ini mengadakan kilang untuk petani-petani, dapatlah kita mengawasi dengan harga-harga yang datang daripada luar negeri itu. Pada masa ini kita dapat tahu bahawa harga-harga baja ini telah meningkat tinggi dengan sebab harga-harga barang ini telah meningkat tinggi di luar negeri, niaka sampai ke negeri kila pun telah tinggi harganya. Dengan kerana itu, sudah sepatutnyalah bagi pihak persatuan ini, Persatuan Peladang ini, hari ini saya menncadangkan supaya mengadakan kilang baja di Malaysia kila ini.

Selain daripada itu, pada pandangan saya juga berkenaan dengan dikenakan lesen menjual keperluan pertanian patut diadakan lesen-lesen, diquotakan lesen-lesen, menjaga kawalan ini, kerana dengan keadaan begini juga salah faham yang berbangkit berkenaan dengan penjualan-penjualan barang ini. Setengahnya maklum sahajalah kurang 10 sen atau 15 sen, 20 sen pun harga-harga baja ini Yang dijual di kedai-kedai basikal, di kedai-kedai gunting rambut, jadi mereka ini bukanlah mencari untung apa, hanya sambil-sambilan sahaja, 10 sen dapat pun sudah cukup. Dengan keadaan begilu maka Persatuan Pcladang ini akan menjadi satu daripada tidak dapat menarik, daripada peladang-peladang kita yang ada itu, yang perkara-perkara yang sebegini kecil, tidak dijaga oleh pihak-pihak persatuan. Saya percayalah pada hari ini palutlah Kerajaan mengawasi berkenaan dengan lesen-lesen menjual keperluan ini. Ini samada dibahagi kepada ahli atau pun kepada persatuan.

Selain daripada itu, ia lah berkenaan dengan pinjaman-pinjaman yang telah diberikan oleh persatuan ini. Memang, banyak ahli-ahli kita telah mendapat pinjaman, tetapi mengapakah menjadi satu kesusahan kepada persatuan itu untuk mcngutip balik segala

pinjaman ini dan mengapakah dalam soal inilah, maka saya sebutkan tadi scbagaimana syarikat kerjasama pada inasa dahulu menjadikan hutang bertimbun-timbun, akan tetapi di Negeri Perlis beratus ribu; pada masa dahulu kerana memberi pinjaman dengan saluran mcndapatkan balik tidak begitu di awasi. Cara begini kita tahu kerana Syarikat Kerjasama ada yang maju. Syarikat Kerjasama yang macam mana maju, ialah sebagaimana Syarikat Kerjasama Hospital, Syarikat Kerjasama Polis, Syarikat Kerjasama Pegawai-pegawai Kerajaan. Mengapa syarikat ini boleh maju? Scbabnya syarikat ini boleh memotong terus balik sahaja. Jadi dengan mudahnya mendapatkan balik wangnya. Hutang diberi setakat mana yang ada, setakat mana kita fikirkan gajinya maka keadaan-keadaan walaupun linggal seringgit, maka dipotong, maka duit itu dapat kembali, tetapi kenapa Pcrsaluan Peladang, dan Syarikat Kerjasama dan Syarikat Kerjasama pada masa dahulu kila katakan susah mendapatkan kerana tidak dijaga dan dikawal. Jacli kita bercakap dalam Persatuan Pcladang, ini, saya haraplah Persatuan Pcladang ini macam petani-petani tadi, sudah tahulah hanya dapat daripada padi, tetapi kawalan lesen-lesen ini tidak ada kerjasama pemegang-pemegang lesen ini dengan Persatuan Peladang. Pada hari ini badan-badan L.P.N. dan semuanya akan bekerjasama dengan persatuan ini nanti, mcngeluarkan lesen-lesen ini walaupun berseorangan, walaupun ada daripada bangsa asing yang ada di kawasan persaluan itu kerana persatuan itu memberi j]injaman dahulu kepada ahli-ahlinya hendak mendapatkan balik patut diberi segala keterangan-keterangan hutang kepada tiap-tiap pemegang lesen ini. Dengan cara begilu, bolehlah mcndapat balik vvang ilu dengan mudah, dengan polongan-jolongan manakala sipolan ilu dalang menjual padi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak dengan cara begilu, kila tahulah keadaan adat pembayaran hutang ini memang susah. Kalau sudah Pcrsaluan Pcladang ada lesen padi, tetapi memberi hutang dan masa musim buah padi ahli-ahli, kita tidak kala Ahli-ahli Peladang, siapa juga, tentang hutang ini memang susah, susah dibayar, seperti yang saya katakan tadi syarikat-syarikat Pegawai Kerajaan pun kalau dibiarkan, diberikan gaji suruh niereka bayar sendiri, barangkali sudah kclam-kabut syarikat ini juga, tetapi ini pun



sebab itu mustahak adanya persatuan peladang. Apabila tertubuhnya persatuan peladang ini maka datanglah curiga daripada pertubuhan syarikat kerjasama. Jadi Kerajaan memandang pada pengalaman yang telah berlaku, saya percaya memang ada berlaku perkara yang semacam ini pertelingkahan antara persatuan peladang dengan syarikat kerjasama padahal ahlinya serupa adalah daripada kaum tani juga. Saya sendiri sudah mengamalkan secara logik bahawasannya sebagai pengerusi syarikat kerjasama dan juga pengerusi persatuan peladang yang mana aktiviti dapat kita selesaikan antara satu pihak dengan satu pihak yang lain sebagaimana syarikat kerjasama menjalankan aktiviti yang lain dan persatuan peladang pula tidak membuat aktiviti yang serupa itu. Dengan secara macam ini maka dapatlah bekerjasama dan hasil-hasilnya adalah memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang kepada perkara pertubuhan peladang yang undang-undang ini dikemukakan maka saya percaya Kerajaan memang benar-benar hendak menjayakan bagi pertanian kecil yang saya sebutkan tadi. Saya berharap kepada pihak Kerajaan apabila tertubuhnya pertubuhan peladang ini janganlah seperti kata bidalan orang tua-tua: nafsu kuat tetapi tenaga kurang. Janganlah sampai begitu. Saya harap samalah nafsu dengan tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menjalankan dasar persatuan peladang di peringkat negeri, atau di peringkat kawasan, maka timbullah kerumitan bahawasannya peringkat negeri ada mempunyai Lembaga Kemajuan Pertanian, rancangannya lebih kurang serupa juga. Jadi perkara ini sudah pun timbul apakala saya sebagai pengerusi persatuan peladang membuat rancangan seperti kelapa supaya diadakan siasatan untuk mendirikan satu factory minyak kelapa maka di peringkat Negeri dengan adanya Lembaga Kemajuan Pertanian ini maka sama pula menjalankan rancangan sedemikian. Jadi seolah-olah kita menjalankan rancangan demi rancangan, perkara ini tidak dapat kita jalankan oleh kerana peringkat negeri ada pula serupa rancangan yang sedemikian.

Begitu juga dalam setengah negeri-negeri saya dapat tahu ada juga Lembaga Kemajuan Penanam Padi. Peranannya adalah untuk membaiki keadaan kaum-kaum pesawah. Jadi apabila persatuan peladang menjalankan aktiviti di kawasan itu maka sudah tentu

tidak dapat kita hendak menjalankan dengan sepenuhnya. Saya harap supaya persatuan peladang dapat bekerjasama dengan lembaga-lembaga yang lain di peringkat negeri-negeri.

Begitu juga saya mengesyurkan dalam pertanian kecil *ini* banyak faktor-faktor yang patut kita mengkaji lebih mendalam lagi. Terutamanya berkenaan dengan tanah iaitu kebanyakan kaum tani langsung tidak mempunyai tanah dan kaum-kaum tani ini mengerjakan tanah-tanah orang dengan secara menyewa dan sebagainya. Saya harap dalam pertubuhan ini dapat mengkaji lebih dalam lagi, kerana hasil-hasil daripada sewa tanah itu adalah semata-mata untuk mengkayakan kepada orang-orang menyewakan tanah itu. Di sini sepatutnyalah dalam persatuan peladang ini supaya dapat memberi serta memperjuangkan keadaan-keadaan kaum tani yang tidak mempunyai tanah. Saya tahu dalam Fasal 6 tadi memang ada salah satu daripada kegiatan pertubuhan ini.

Yang keduanya, berkenaan dengan pajakan tanah, kerana apa yang saya katakan tadi pertanian kecil ini adalah orang-orang yang miskin. Ada satu ketika oleh sebab anaknya hendak menuntut ke universiti, tidak mempunyai wang maka terpaksa tanah mereka itu digadaikan kepada orang yang mengambil keuntungan dan untuk menebus kembali saya fikir sangatlah tipis untuk mengatasinya kerana pinjaman wang semacam ini boleh dikatakan berjumlah ribuan ringgit dan berlarutan pula.

Saya berharap dengan adanya Pertubuhan Peladang ini maka dapatlah mengatasi masalah yang serupa itu.

Yang ketiganya, oleh kerana kaum tani ini bekerja daripada pagi hinggalah petang tak kira hujan atau panas, tak kira hari cuti atau tidak, mereka ini sentiasa sebagai buruh kasar dan bergantung kepada tenaganya semata-mata. Maklum sahajalah keadaan kita ini sebagai manusia, kadang-kadang sehat, kadang-kadang sakit, jatuh dapat luka dan patah dan sebagainya. Saya berharap supaya Pertubuhan ini juga dapat mengadakan satu sosial security bagi kaum tani untuk menjamin sekiranya mereka itu jatuh, patah atau sakit dan sebagainya dapat rawatan baik di hospital dan dapat pembelaan daripada Pertubuhan ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang mana dapat saya memberikan ucapan dan pandangan kepada Yang Berhormat Menteri **tadi yang membawa usul ini dan saya menyokong** penuh Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

**Tuan Yeap Keng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa berkenaan dengan penanam sayur dan buah-buahan patut dimasukkan juga. Saya juga menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang yang ada ini.

Saya hendak mengemukakan satu perkara sahaja yang saya dapat tahu baru-baru ini di Cameron Highlands mengenai tanam sayur. Sungguhpun ada beberapa ratus ekar di sana, peladang-peladang bertanam sayur tidak dibenar menggunakan trektor, kerana L.L.N. membangkang kerana tempat itu ada suatu ampangan (dam) ditakuti berlaku erosi. Jadi mereka terpaksa pakai cangkul. Ini satu kesusahan atau kerumitan bagi semua penanam sayur. Kita semua tahu sayur-sayuran seperti tomato, temikai dan lain-lain termasuklah sekali daripada Cameron-Highlands. Jadi saya harap Menteri berkenaan akan menyiasat dalam hal ini mengapa tak dibenarkan menggunakan trektor dan adakah cara lain untuk memberi pertolongan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang kedua saya menyentuh masalah tanah. Jadi, masalah penanam sayur atau buah-buahan tak dapat tanah. Kebanyakan rakyat di seluruh negeri mendapat tanah TOL, tak ada geran, dan juga yang tak dapat TOL langsung iaitu tanah haram saja. Jadi, inilah yang susah bagi penanam sayur. Di tempat saya di Tambun, Perak, buah Limau Bali Tambun yang termasyhur di seluruh negeri. Pada masa saya menjadi Wakil Rakyat di Tambun itu, saya telah dapat tanah lebih kurang 105 ekar tanah diberikan kepada orang-orang di sana menanam buah limau bali. Geran-geran itu sampai sekarang ini sudah 3 tahun masih belum di keluar lagi. Semua bayaran tanah sudah dibayar, beberapa kali sudah saya merayu pada pihak Kerajaan tapi belum selesai lagi. Inilah kesusahan daripada peladang-peladang. Saya harap dapatlah Menteri berkenaan menyelesaikan masalah tanah tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya hendak ucapkan.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, maka sampailah masanya saya bangun selepas 3 jam Ahli-ahli Yang Berhormat di sini membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang ini.

Masalah yang dikemukakan nampaknya sangatlah banyak. Dengan teguran-teguran yang telah dikemukakan kepada Dewan ini, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya mengucapkan terima kasih. Saya akan mengambil perhatian dari segi pelaksanaan untuk memperbaiki kedudukan petani dan peladang-peladang khususnya di negara kita.

Saya suka sekali lagi menerangkan secara ringkas bahawa Rang Undang-undang ini untuk mencantumkan syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian dengan persatuan peladang, dan tugas-tugas Pertubuhan Peladang ini jika didaftarkan di bawah Undang-undang yang akan kita luluskan ini adalah satu pertubuhan peladang. Pada masa yang akan datang, nampaknya ada 3 corak, atau 3 categories persatuan-persatuan.

Yang Pertama, Persatuan Peladang yang telah ditubuhkan di bawah Undang-undang Persatuan Peladang, 1967.

Yang kedua, Syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Syarikat Kerjasama, 1948.

Yang ketiga, adalah Pertubuhan Peladang yang akan ditubuhkan di bawah Undang-undang ini.

Saya suka hendak kemukakan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap mengatakan coraknya semacam sahaja dan saya tak suka mengambil masa untuk memberi penjelasan satu persatu kerana imparting itu adalah berlainan, tetapi coraknya semacam. Dengan memberikan teguran-teguran tadi banyaklah masalah-masalah yang telah dialami oleh Ahli Yang Berhormat bersabit dengan Persatuan Peladang, dan Syarikat Kerjasama yang mana kebanyakannya seorang menjadi Pengerusi ataupun menjadi Setiausaha Persatuan Peladang. Yang Berhormat Tuan Haji Zainuddin tadi adalah Pengerusi Syarikat Kerjasama dan Persatuan Peladang. Di dalam perbincangan tadi, patutlah saya memberikan penjelasan iaitu dengan adanya Pertubuhan Peladang ini, bukan Persatuan Peladang, kita harap kesukaran-kesukaran yang timbul pada masa-masa yang

lampau, perselisihan faham yang dikatakan syarikat kerjasama ini adalah anak tiri pada Kerajaan dan Persatuan Peladang anak kandung yang sebenarnya kepada Kerajaan. Kita tak suka perkara itu ada perbezaan di antara satu sama lain. Maka dengan sebab itulah, saya rasa, Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir berkata, mengapa kita mengadakan undang-undang ini, lagi menyusahkan? Kita bukan hendak menyusahkan, kita hendak menyenangkan dan kita hendak mencantumkan perselisihan faham di antara anak tiri dan anak kandung yang selalu berbalah itu. Dengan sebab itulah, kita hendak mencantumkan mereka supaya duduk di bawah naungan yang satu, di bawah payung yang satu, maka kedua-dua anak yang telah dilahirkan itu yang telah pun berjalan begitu lama, ada yang kecoh, ada yang berjalan baik ada yang tak boleh berenang dan juga ada yang tenggelam, jadi semuanya kita hendak seiaraskan.

Persatuan Peladang pada masa yang lampau ini ada menjalankan kegiatannya, oleh sebab sesuatu perkara yang tersebut, tetapi ada juga syarikat kerjasama yang mana oleh sebab tidak ada pemimpin-pemimpin yang sebenar yang mungkin perlukan pimpinan untuk menjayakan sesuatu kegiatan mereka itu, maka adanya syarikat kerjasama itu tenggelam dan tidak dapat menjalankan kegiatannya dengan sempurna. Dengan sebab itu, dengan adanya percantuman di bawah satu payung yang sama yang dinamakan Pertubuhan Peladang dan juga dengan saluran-saluran yang dinamakan Lembaga Pertubuhan Peladang yang akan dikemukakan selepas ini pula boleh kata yang bersamaan juga dengan apa yang telah kita cadangkan yang kita telah perbincangkan dalam Undang-undang Pertubuhan Peladang ini dengan adanya Pertubuhan Peladang dengan Lembaga Pertubuhan Peladang, maka kita berharap apa yang telah menjadi kesukaran di masa yang lampau itu kita dapat mengatasi.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada juga telah dikatakan perkara-perkara yang telah membangkitkan dari segi kredit, saya suka mengatakan dengan adanya Pertubuhan Peladang ini, dengan adanya Lembaga Pertubuhan Peladang ini, Kerajaan berhajat hendak mengadakan Agricultural Development Centre (ADC) ataupun dalam Bahasa Kebangsaan "Pusat Kemajuan Pertanian" yang akan menyalurkan pinjaman-pinjaman kepada petani-petani. Perlulah saya memberi

sedikit penjelasan di sini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat faham cadangan yang mana dengan adanya Pertubuhan Peladang ini, dengan adanya Lembaga ini kita dapat menyalurkan kemudahan-kemudahan melalui Pusat-pusat yang saya katakan tadi dalam bahasa Inggerisnya ADC. Saya suka menyatakan bukan wang daripada Syarikat Kerjasama atau wang daripada Pertubuhan Peladang yang akan yang diberikan kepada petani-petani. Apa yang dilakukan sekarang ini ialah Bank pertanian dan Bank Rakyat yang memberikan pinjaman, tetapi salurannya dibuat melalui ADC ini. Saya suka menyatakan pinjaman seperti yang telah disebutkan oleh salah seorang Yang Berhormat tadi bukanlah 24% yang dikenakan kepada sesuatu pinjaman. Apa yang telah dibuatkan sekarang ini iaitu 6% satu musim. Jika satu tahun di antara 6 bulan atau 7 bulan dalam satu musim jadi bermakna lebih kurang 12%. Saya rasa dengan tidak ada cagaran, dengan tidak ada apa sekalipun, maka ini adalah sesuai untuk menolong petani-petani. Pinjaman ini bukan untuk mereka pergi bersuka, berseronok di Penang, dan lain-lain seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ali Ismail tetapi ini untuk pinjaman yang tertentu iaitu membeli baja untuk membeli benih, untuk membeli keperluan-keperluan yang lain yang bersangkutan-paut dengan pertanian. Kalau hendak beli satu motosikal, atau motokar atau refrigerator dirumahnya, mungkin saya rasa kewangan yang diberikan oleh Pusat-pusat ini tidak mencukupi untuk kepentingan tiap-tiap seorang itu. Dengan adanya sekarang cara kupon sistem di Pusat-pusat seperti yang telah ada dilakukan, dilaksanakan sekarang ini di MADA dan juga di KADA Pusat-pusat ini memberikan kupon. Kupon ini hanya berharga satu barangkali \$9.00 ada \$12.00 dan sebagainya untuk membeli baja, untuk membeli benih-benih dan racun-racun, tetapi ada juga manusia-manusia apabila diberikan harga kupon \$9.00 dia pergi dengan kawan dia, Yang Berhormat tolonglah bagi wang, saya bagikan kupon ini. Itu bukan hendak menolong petani, tetapi jika petani sendiri hendak menolong Lembaga ini, saya rasa dengan pertolongan juga Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin saya rasa kita tidak dapat kejayaannya.

Maka saya rasa dengan adanya ini setakat mana yang boleh Kerajaan berhasrat hendak menolong petani-petani kerana Kerajaan

telah memikirkan pada sekarang ini memikirkan kepentingan petani-petani mestilah kita memberikan bantuan-bantuan dan panduan-panduan untuk menaikkan taraf hidup mereka itu dalam masa singkat seperti yang telah tercatat dalam Dasar Ekonomi Baru kita ini iaitu dalam masa 20 tahun ini. Maka dengan hasrat inilah Kerajaan telah menitikberatkan dan memberikan tumpuan yang begitu 100% hendak menolong dan memberikan kerjasama kepada petani dengan Pertubuhan Peladang dan juga Lembaga Pertubuhan Peladang. Jadi terpulanglah kepada petani-petani yang mana bekerjasama sangatlah dirayukan kepada mereka bersama-sama untuk melaksanakan dasar Kerajaan ini. Dengan adanya alatan-alatan Perbadanan-perbadanan daripada Kerajaan ini kita dapat menjalankan tugas dari pihak Kerajaan dan usahanyalah bagi pihak petani juga kita dapat menjalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun memikirkan kedudukan ini bahawa petani-petani pada masa-masa yang lampau dengan Undang-undang ini seperti yang saya telah sebutkan tadi iaitu hasilnya supaya kita dapat menjalankan satu bantuan dan pertolongan dari segi nasihat-nasihat dan teknologi dan sebagainya kepada petani-petani dan janganlah berselisih faham di antara Syarikat Kerjasama dengan Persatuan Peladang pada masa yang lampau ini dapat diatasi, maka dengan adanya Pertubuhan Peladang yang akan didaftarkan itu di bawah satu payung dapat dijalankan. Dengan adanya Pertubuhan Peladang ini, Undang-undang ini hanya mencantumkan dan tugas-tugasnya seperti telah dikatakan dalam Fasal 6 tadi.

Rasa saya tak payahlah saya bacakan Fasal 6 ini, oleh kerana Rang Undang-undang ini ada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Abdullah telah membangkitkan makna perkembangan perkhidmatan. Perkembangan perkhidmatan ini adalah dalam bahasa Inggerisnya extension service. Dengan adanya perkembangan perkhidmatan ini seperti yang saya telah katakan tadi melalui A.D.C. kita telah mengadakan di sana Pegawai-pegawai yang terlatih dan telahpun terlatih dari segi pertanian dapatlah kita memberikan pertolongan dan nasihat-nasihat cara-cara menggunakan baja sepertinya dan cara-cara menanam padi atau sebagainya yang boleh

memberikan daripada subsistence farming kepada commercial farming kerana kalau kita masih lagi cara menanam padi masih cara yang boleh jadi kita tidak ada kemajuan. maka perlulah kita jikalau ada satu teknologi yang baharu, dengan ada menggunakan baja yang baharu, maka kita boleh dapat menanam "bahkan pendapatan tahunan ataupun satu musim daripada 400 gantang satu musim mungkin kepada 600 gantang satu musim. Ini perlu kepada kajian-kajian research daripada MARDI daripada pihak-pihak Kementerian Pertanian yang lain, daripada Food Technology dan sebagainya, mungkin kita dapat memberikan nasihat-nasihat ini kepada petani-petani supaya hasil penanaman ataupun hasil pertanian mereka itu dapat bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr Mahathir telah memberikan banyak pandangan-pandangan iaitu kita memerlukan kepada untuk menjayakan Undang-undang ini dengan pegawai-pegawai yang cekap yang sekarang ini ada kekurangan dan juga persaingan di antara satu Perbadanan di dalam Kerajaan. Ini mungkin juga menjadi salah satu halangan mendapatkan kejayaan. Kita, bagi pihak Kerajaan sedar dan bagi pihak Lembaga ini sedar bahawa di atas kekurangan pegawai-pegawai ini adalah keseluruhannya negara kita menghadapi kekurangan bukanlah sahaja dalam Pertubuhan Peladang atau Persatuan Peladang sama juga Syarikat Kerjasama berasaskan pertanian, tetapi kita mestilah sabar untuk kita mengadakan orang-orang yang cekap, orang-orang yang terlatih supaya urusan-urusan pekerjaan dari segi Perbadanan dan Syarikat Kerjasama ini dapat dijalankan dengan licin.

Ahli Yang Berhormat tadi ada juga saya hendak sebutkan supaya saya tak payah berulang kali mengatakan oleh sebab perkara ini berbangkit juga. Kita mengadakan pegawai, katakanlah di MARDI seperti yang telah dimisalkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengadakan 1,000 orang pegawai. Saya hendak bertanya bolehkah kita hendak: adakan 1,000 orang yang berkelulusan dari Kolej Pertanian Serdang ini—tak ada, Tuan Yang di-Pertua, susah kita hendak dapat. Kita ada duit barang tak ada, ada duit orang tak ada pula. Inilah sebabnya saya rasa buat satu masa ke satu masa, maka patutlah kita menyedari di atas kekurangan orang-orang yang berkelulusan, orang-orang yang terlatih untuk memenuhi jawatan-jawatan yang

tertentu. Itulah daripada jawapan saya akibat daripada kekurangan pegawai. Dan juga ini adalah satu . . . . .

**Tuan Haji Ali bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan berkaitan dengan itu satu penyelidikan dia berkehendak 1,000 orang pegawai dalam kawasan itu baru dapat dimajukan, tetapi masaalah yang timbul boleh dilatih pada tiap-tiap satu tahun 30 orang sahaja daripada pihak yang berkenaan untuk menjadikan pegawai dalam bidang ini—itu masaalahnya.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita ada dan boleh dilatih pun tentulah saya sedar tetapi kita tak boleh dilatih oleh sebab tidak ada orang. Jadi, inilah masaalah yang saya suka menearangkan di lembaga yang akan kita tubuhkan ini memerlukan sekurang-kurangnya 700 Junior Agricultural Assistant (J.A.A.).

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, untuk keterangan lanjut saya fikir tentulah kita berkehendakkan satu keterangan daripada Menteri yang berkenaan iaitu adakah Kerajaan pernah memberi arahan kepada Kolej Pertanian Serdang umpamanya untuk meluaskan lagi latihan-latihan dalam bahagian pertanian ini supaya sesuai dengan kemahuan masa dan perkembangan pertanian yang ada pada masa ini.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedia mengadakan latihan-latihan bukan sahaja dalam pertanian, latihan-latihan dalam serba-serbi pun. Masaalah kita hendak bangunan, hendak adakan satu bangunan mengambil masa, hendak adakan guru melatih mengambil masa, kita tak boleh besarkan seorang yang beranak berumur 20 tahun, tingginya 6 kaki, rambut dia tak beruban ataupun beruban, ini semua masaalah. Jadi, sama juga dalam perkembangan negara kita yang sedang membangun dan sedang mendapat kemajuan tak dapat kita mendapatkan, orang Kelantan kata: sab-saksi, kita tak boleh dapat "sab-saksi", Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itulah saya rasa kita menunggu kepada masa-masa yang tertentu barulah kita dapat mengadakan satu-satu untuk memenuhi jawatan-jawatan yang tertentu.

Yang Berhormat Dr Mahathir telah juga mengatakan patutlah juga Kerajaan memikirkan harga untuk membuat satu ekar padi dan juga harga padi itu cost of production di

kurangkan. Saya suka mengatakan adalah menjadikan tugas juga bagi pihak Kerajaan melalui lembaga ini supaya kajian-kajian dibuat. Cara manakah yang kita boleh mengurangkan harga cost of production tiap-tiap satu gantang padi. Sekarang ini mungkin \$27 satu tan, kalau kita boleh mengurangkan daripada \$24 baguslah pada masa akan datang. Maka kajian-kajian dan cara-cara teknologi inilah yang kita berharap melalui pertubuhan peladang dan juga pertubuhan peladang ini kita dapat sampaikan melalui penerangan-penerangan.

Jadi kita berharap dengan adanya cost of production ini mungkin di Kedah boleh mendapat satu ekar dapat 600 gantang satu musim, tetapi mungkin di tempat yang lain di Kelantan tak boleh dapat 400 gantang, boleh dapat barangkali setinggi-tinggi 500 gantang. Jadi, cost of production mungkin tinggi di Kelantan dan di Kedah dan daripada satu tempat kesatu tempat lain perbezaannya cost of production dan oleh sekarang ini pihak Kerajaan sama juga lembaga dan juga MADA dan KADA akan mengadakan kajian-kajian cara menanam dan Yang Berhormat Dr Mahathir tadi berkata iaitu mungkin murah menggunakan kerbau untuk menggala kalau satu musim, tetapi mengikut kajian ini masih belum selesai lagi. Jikalau kita menggunakan untuk 100 ekar dengan katakanlah cuma ada 50 orang menggunakan 100 ekar, menggunakan trektor, satu trektor ini boleh menggunakan multi-purpose tractors, boleh menanam, boleh menugal dan juga boleh semai. Ini akan memberikan keuntungan kepada petani-petani kerananya dengan menggunakan mesin itu betul-betul kalau hendak 12 pokok masuk dalam satu lubang, 12 pokok masuk kadang-kadang menggunakan tangan dia pergi 15 tetapi kita tak mahu 15, kadang-kadang tak sampai pula 12, masuk 9 sahaja—manusia adalah capability itu. Jadi kalau menggunakan mesin jarak dia cukup-cukup 1 kaki 1 kaki, 1 kaki kadang-kadang kita ini menggunakan langkah sahaja, kadang-kadang terlebih 2 kaki tak cukup 1 kaki pun ada. Jadi dengan segi kajian ini perlulah kita daripada satu tempat kesatu tempat membuatnya. Jadi mungkin, bukan saya kata lagi, mungkin dengan adanya kajian seperti ini dengan menggunakan trektor lebih, tetapi kita mesti perlu dengan menggunakan trektor ini kita mengurangkan ataupun menyekat employment. Ini salah satu daripada . . . . .

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBFASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang dan Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafer bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, di sejutukan.

Diputuskan.

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang dan Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sambungan apa yang telah saya sebutkan tadi mungkin menggunakan trektor ini mengurangkan tenaga physical, mengurangkan tenaga employment yang mengakibatkan unemployment kepada satu-satu golongan yang telah pun menggunakan tenaga sendirian, tetapi kita mesti mengingatkan juga adakah kita hendak mementingkan, mengutamakan dari segi unemployment ataupun memberikan kepentingan kepada peladang. Dengan mengadakan kekurangan cost kepada peladang mungkin peladang kata kita mesti menjalankan cara machinery dan menggunakan alat-alat machinery. Dengan adanya kita dapat untung, katakanlah dengan satu gantang ataupun dari keuntungan \$1 kalau 400 gantang mungkin dapat keuntungan \$400. Jadi inilah perlu patut kita mengkaji di atas segi dan kita boleh juga mengadakan beberapa kajian-kajian untuk memberikan kepentingan-kepentingan kepada petani yang saya telah

sebutkan tadi. Kepentingan itu adalah seperti dalam seksyen 6 tadi banyak seperti pemasaran dan lain-lain.

Bagi lembaga ini, saya terpaksa sebutkan pertubuhan peladang sama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang ini kita berharap dengan adanya pertubuhan peladang ini dan juga Lembaga Pertubuhan Peladang ini dapat mengadakan satu ko-ordinasi di antara Jabatan-jabatan Kerajaan yang bersangkutan dengan pertanian seperti RISDA di mana di bawah Kementerian Perusahaan Utama dan juga FIMA yang mana Yang Berhormat Dr Mahathir sendiri menjadi Pengerusinya di bawah Kementerian yang sama.

Dan juga FAMA di bawah Kementerian Pertanian, FELDA di bawah Kementerian Kemajuan Tanah, dan juga perbadanan-perbadanan seperti L.P.N, dan perbadanan-perbadanan ini yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri seperti S.E.D.C. dan sebagainya. Kita berharap satu Lembaga dan pertubuhan peladang ini satu ko-ordinasi dapat diselaraskan supaya kejayaan dapat dicapai kepada petani-petani selanjutnya.

Tentang soalan L.P.N, mengambil untung, saya rasa Yang Berhormat Tuan Haji Othman Abdullah telah pun menerangkan, dan saya rasa tidaklah payah dijawab kerana jikalau satu-satu perbadanan Kerajaan yang telah ditubuhkan untuk memberikan kemudahan kepada rakyat sambil hendak memberikan kemudahan itu menimpa kerugian, saya rasa mungkin Yang Berhormat di sini pun bangkit kalau berbincang satu perkara yang berkaitan juga. Jadi, perlulah juga sambil kita memberi kemudahan-kemudahan kepada petani kerananya pertubuhan L.P.N, ini adalah dasarnya untuk memberikan kemudahan kepada petani. Jikalau tidak ada L.P.N, ini mungkin satu eksploitasi ataupun monopoli lebih lagi dahsyat apa yang telah pun dapat disekat pada hari ini tidak ada dapat harga-harga dan juga nasib-nasib petani akan lagi terancam, lebih lagi apa diadakan sekarang ini. Maka perlulah saya rasa bukanlah kepentingan tiap-tiap satu perbadanan yang ditubuhkan oleh Kerajaan mengambil keuntungan yang besar tetapi hanya untuk mengatasi overhead dan sebagai supaya kemudahan-kemudahan dapat diberikan kepada petani-petani dan peladang-peladang yang memerlukan bantuan untuk mengatasi kesulitan mereka itu pada masa yang lampau.

Pertubuhan perbadanan L.P.N, ini adalah ditubuhkan lepas kajian-kajian dan juga siasatan yang memerlukan supaya perbadanan L.P.N, ini ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab di atas apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus pegawai-pegawai yang akan bekerja di Lembaga ataupun pertubuhan ini adalah pegawai bukanlah dipinjam oleh Kerajaan (secondment) tetapi kita berharap buat sementara ini adalah dengan cara secondment dahulu, tetapi pada akhirnya kita berhasrat untuk mereka ini berkhidmat sebagai pekerja (employees) di dalam Lembaga ini kalau pada secondment mungkin kepercayaan—allegiance dan loyalty ini adalah dibagi sedikit kepada Kementerian tertentu ataupun kepada Lembaga ini, maka perlulah kita pada hasrat tujuan kita pekerja-pekerja yang akan diambil akan menjadi terus pekerja-pekerja dengan Lembaga ataupun Pertubuhan Peladang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Othman Abdullah, saya telahpun menjawab dari segi extension service ini dalam bahasa Inggeris, saya rasa, lebih jelas lagi untuk menjawab maknanya kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

"6 (a) to provide extension services and training facilities to farmers so as to equip them with technology essential for the advancement of agriculture, horticulture, animal husbandary, home-economics, agribusiness and other commercial enterprises;"

Dalam bahasa Inggerisnya adalah terang yang boleh memberikan iaitu penerangan jelas kepada Yang Berhormat itu. Dan saya suka menambahkan iaitu Lembaga apabila ditubuhkan berharap hendak menubuhkan 150 kawasan kemajuan pertanian, dan 150 Pertubuhan Peladang akan didirikan, persatuan-persatuan peladang dan juga agro-based co-ops, yang telah sedia ada dalam satu-satu kawasan ini akan menjadi unit-unit ahli di bawah panji-panji Pertubuhan Peladang peringkat kawasan itu. Melalui development areas inilah kita akan mengadakan satu kawasan, kawasan ini kita sifatkan di sini adakan kemudahan-kemudahan ADC. Kita berharap ADC inilah menjadikan satu sumber yang boleh memberikan pertolongan dan di sana dijadikan satu headquarters

kepada petani-petani yang memerlukan apa-apa keperluan nasihat, di situ pegawai akan ada yang boleh memerikan nasihat-nasihat dari segi baja, dari segi cara-cara menjaga tanaman mereka itu dan bilakah musim mereka itu dan sebagainya. Dan melalui pusat inilah kita berharap jadi satu nerve centre untuk akan menjadikan township ataupun village di dalam satu-satu kawasan pertanian disifatkan yang saya katakan development areas. Itulah hasrat dengan ada kawasan pertanian ini jadi kita dapat menjalankan hak-hak yang kita cadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin telah membangkitkan Fasal 32. Saya minta maaf di atas kesalahan yang tercatat dalam naskah dalam Bahasa Kebangsaan. Saya suka merojok apa yang dicatitkan dalam bahasa Inggeris. Ini tertaklok apabila sampai cetakan untuk Act yang sebenar, pihak Jabatan Peguam Negara akan mengambil tindakan yang berbunyi sedemikian:

"32. Maka tidaklah hendaknya didaftar Akta ini, selepas mula berkuat-kuasa."

Dalam bahasa Inggerisnya telah pun tercatat iaitu:

"32. There shall not be registered after the commencement of this Act—

(a) any Farmers' Association under the Farmers Association Act, 1967;"

. Ini bermakna, selepas daripada kuatkuasa, selepas Yang Berhormat ini luluskan kemudian dapat assent daripada Yang di-Pertuan Agong maka pendaftaran Persatuan Peladang di bawah Undang-undang Persatuan Peladang 1967 akan tidak lagi dibuatkan—akan diberhentikan, tidak boleh dijalankan. Sama juga co-ops yang berasaskan pertanian akan tidak dapat didaftarkan di bawah Undang-undang yang lama itu Co-operative Ordinance, 1948. Itulah penjelasan sedikit sebanyak yang mana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, dan tempat-tempat yang lain seperti MADA dan KADA telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat juga, kita ini mengkalikan kedudukan samada dari MADA dan KADA dan kegiatan-kegiatan Persatuan-persatuan Peladang ataupun Pertubuhan Peladang ataupun syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian.

Dan pemasaran yang telah dikemukakan juga.. saya rasa patutlah saya sebutkan di sini berkehendakkan banyak Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soal pasaran, Pasaran ini kita berharap dengan adanya melalui FAMA kita mungkin dapat menjalankan saluran-saluran hasil pertanian petani-petani ini melalui FAMA. Jika Persatuan Peladang ataupun Pertubuhan Peladang sendiri tidak dapat menjalankan pasaran kita berharap hasrat melalui FAMA melalui ko-ordinasi saya katakan tadi kita dapat menguruskan yang lebih licin lagi untuk kepentingan petani-petani.

Saya suka mengatakan di sini mungkin Yang Berhormat di sini memikirkan dan telah pun memberi bukti iaitu tiap-tiap satu Persatuan Peladang itu patutlah menjalankan kegiatannya untuk keuntungan kepada Persatuan Peladang. Saya rasa tidaklah menjadi keutamaan dengan persatuan peladang, kerana kita hendak memberikan baja yang murah kepada petani, persatuan ini sepatutnya tidaklah membuat keuntungan yang besar atau untuk memberikan satu image persatuan peladang itu keuntungan yang besar, tetapi kita hendak memberi kemudahan kepada petani-petani yang memerlukan baja dengan murah. Janganlah kita terdengar kerana harga satu beg katalah baja bakar harganya yang sebenar mungkin \$16 satu beg tetapi apabila dijual kepada petani dan peladang dengan harga \$23, di manakah yang \$7 ini hilang, tengah jalankah atau kepada siapa—inilah yang kita hendak mengatasi. Yang harga yang sebenar yang patut dijual kepada petani yang sebenarnya patut dijual dengan mengadakan sedikit service cost dan sebagainya untuk overhead charges yang telah dibelanjakan oleh persatuan-persatuan peladang itu. Dengan adanya ini di sinilah saya rasa dan kita berharap perkara-perkara kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh petani itu dapat diatasi.

Saya rasa Yang Berhormat Senator Shaari telahpun saya menjawab sedikit sebanyak dan apa teguran-teguran yang berlaku itu pihak Jabatan saya akan mengambil perhatian untuk panduan kita menjalankan tugas baik pun Lembaga atau Persatuan Peladang pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Senator Wong Seng Choy ada menyebutkan criticism yang telahpun dikemukakan oleh orang-orang (public) dan sebagainya dan dia telah mengatakan

mungkin undang-undang ini telah dikeluarkan atau telah dikemukakan di Dewan ini dengan tidak ada laporan atau siasatan yang begitu banyak ataupun yang begitu lebih sesuai untuk memberi laporan. Saya dukacita kerananya laporan ini adalah dibuat oleh satu laporan khas untuk mengkajikan masalah-masalah petani-petani, dan daripada laporan inilah yang telah dilaporkan kepada Kerajaan yang keluarnya kedua undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Jadi tidaklah benar mengatakan kajian yang sebenarnya tidak dibuat sebelum dahulu undang-undang ini dikeluarkan dan Fasal 10 beliau ini telah mengatakan—saya suka mengatakan ini perlu kerana di dalam satu-satu kawasan farmers organisation ada hak mengambil tindakan jikalau perjanjian-perjanjian itu tidak dipenuhi oleh orang-orang yang berjanji, khususnya petani-petani yang mengambil pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan atau melalui persatuan-persatuan petani tadi. Jadi perlulah. Ini bukan kata monopoly pada tiap-tiap satu orang atau pada tiap-tiap satu badan saya rasa perlu kita menjaga kepentingan ahli dan keteguhan ahli untuk memenuhkan apa kewajipan mereka itu sebagai ahli yang telah ditandatangani untuk memenuhkan perjanjian itu dan juga siapa yang tidak menjadi ahli kepada persatuan peladang ini bolehlah menjualkan barang-barang hasil pertanian mereka itu kepada orang-orang yang lain. Ini tidak menjadi monopoly kepada tiap-tiap satu hasil pertanian itu ataupun satu-satu perkara dalam penjualan untuk marketing. Sama juga Fasal 14 beliau telah juga menambahkan soal siapa yang membayar bayaran directors dan sebagainya. Ini terpulanglah kalau Lembaga, pihak Lembaga akan membayar gaji-gaji pekerja-pekerja di dalam Lembaga dan pada masa yang lampau ini seperti General Manager kepada persatuan peladang ini dibayar oleh pihak Kerajaan dan juga yang mana, kalau kawasan MADA adalah dibayar oleh pihak MADA. Jadi saya suka mengatakan di sini, saya rasa, tidaklah dibayar oleh persatuan peladang yang tertentu itu.

Yang Berhormat Senator Haji Hassan Yaakub, beliau ada juga membangkitkan kerjasama daripada D.I.D. Seperti yang saya sebutkan tadi kita berharap dengan melalui Lembaga dan pertubuhan peladang ini satu ko-ordinasi daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain seperti D.I.D., D.I.D. akan

dapat menjalankan juga dan saya telahpun terangkan. Beliau telah bertanya di manakah hendak meletakkan cooperative ini? Seperti yang saya kata tadi cooperative ini bukanlah hendak diletakkan di rumah beliau ataupun hendak diletakkan di rumah persatuan peladang. Rumah cooperative sudah ada, rumah persatuan peladang sudah ada dan ini satu lagi rumah pula yang hendak diadakan iaitu pertubuhan peladang. Ketiga-tiga ini sudah ada hanya dia hendak pergi bersama di bawah payung yang sama iaitu Pertubuhan Peladang.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengatakan bukanlah kita menumpukan pertubuhan peladang ini kepada petani-petani sahaja, padi ini tertakluk semua. Kalau mereka ini dan Yang Berhormat mungkin yang sebelah sana banyak petani-petani mengatakan mungkin jikalau menanam pokok nangka kita boleh berikan pertolongan, nasihat, nangka apa yang baik hendak ditanam yang sesuai dan pokok limau apa yang baik, kita boleh melalui MADA memberikan nasihat-nasihat. Ini dia pokok yang sebenar jangan kita tanam pokok nangka yang tidak berbuah pula—ini rugi.

Yang Berhormat Senator Dasimah Dasir telah berkata, janganlah melantik orang yang pakai necktie sahaja, kerana yang pakai necktie sahaja pun mungkin tidak boleh berjalan pekerjaan itu dengan begitu memuaskan. Saya rasa bukanlah menjadi satu kriteria menggunakan necktie sahaja untuk melantik satu-satu pegawai dalam satu-satu pertubuhan. Jadi orang yang tidak pakai necktie pun kita akan lantik dan kita akan mengambil perhatian. Yang sebenarnya, masalah sekarang ini dari segi peladang, masyarakat kita, perhubungan di antara pegawai-pegawai dengan masyarakat peladang. Jikalau satu-satu pegawai itu sesuaikan diri mereka itu dengan peladang insya Allah kita dapat kejayaan. Yang malangnya mungkin orang-orang daripada Kuala Lumpur yang selalu bernecktie, naik motokar dihantar ke kampung—ini susahlah. Jadi tidak sesuai. Tetapi ada juga orang kampung yang pakai necktie, tetapi dia bekerja bagus, orang macam itu janganlah kata fasal dia memakai necktie tidak boleh memegang jawatan pengurus besar persatuan peladang, tidak boleh juga. Jadi saya rasa bukan tengok kepada pakaian, kita tengok dalam hati dia, di bawah pakaian dia yang patut kita lihat (*Ketawa*).

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan tujukan pada semua, saya katakan setengah-setengah, tetapi orang Kuala Lumpur, pun ada yang baik, orang kampung ada juga yang jahat, bukan semua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Terima kasih di atas penjelasan itu. Saya takut nanti kemarahan Yang Berhormat ini menjadi satu kesusahan kepada saya, jadi saya tidak mahulah bertikam lidah dengan perempuan, kerana Shakespeare berkata: "kemarahan perempuan ini lebih panas daripada api neraka" (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya banyak perkara yang telah dijawab oleh sebab mungkin banyak yang telah mengeluarkan perkara-perkara yang sama, tetapi secara ringkas untuk penjelasan akhir, kita bagi pihak pertubuhan peladang dengan melalui lembaga ini bersedia dengan apa yang tercatat di dalam undang-undang ini, khususnya untuk menaikkan taraf hidup petani-petani dengan tugas-tugas yang telah ditugaskan kepada Lembaga ataupun Pertubuhan Peladang ini bersedia memberikan pertolongan dan nasihat supaya taraf hidup rakyat dapat dibangkitkan dapat kejayaan yang penuh dengan pertolongan-pertolongan daripada orang-orang yang tertentu khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dapat memimpin dengan jujurnya di atas satu persatuan ataupun pertubuhan dan syarikat kerjasama, mungkin saya rasa insya Allah itulah tujuan dan hasrat Kerajaan yang menarikberatkan kaum petani.

Saya rasa mungkin oleh sebab penjelasan daripada ucapan saya yang pertama tidak begitu teliti, yang salah faham itu ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat saya berharap dengan penjelasan saya dan jikalau tidak ada cukup lagi penjelasan saya, pada bila-bila masa pun untuk memberi penjelasan, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana saya percaya dan saya berharap dengan adanya Pertubuhan Peladang ini, Lembaga ini kita dapat menjalankan di negara kita dengan begitu licin dan dapat kejayaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 35* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tengku Ahmad Rithaudeen AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Akta Lembaga Pertubuhan Peladang, 1973, dibaca pada kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli ..Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang yang akan diberikan tugas-tugas bagi menggalak, mempergiat, memudah dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial Pertubuhan-pertubuhan Peladang. Pertubuhan-pertubuhan Peladang ini akan didaftar di bawah satu Akta Parlimen yang baru, yang baginya satu Rang Undang-undang yang berasingan yang baru diluluskan sekejap tadi. Langkah bagi menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang ini adalah diambil bagi mengatasi conflict sertain perselisihan yang sering berlaku di kalangan ahli-ahli Persatuan-persatuan Peladang dan syarikat-syarikat kerjasama, khasnya di antara mereka yang tinggal di dalam kawasan pertanian yang sama. Ada didapati bahawa kedua-dua buah pertubuhan itu, iaitu Persatuan-persatuan Peladang dan syarikat-syarikat kerjasama, mempunyai tujuan-tujuan serta aktiviti-aktiviti yang sama. Oleh hal yang demikian, pucuk pimpinan kedua-dua pertubuhan ini sering berasingan bagi menarik ahli-ahli memasuki pertubuhan masing-masing. Hal yang memburukkan lagi keadaan ini ialah bahawa kedua-dua pertubuhan ini mendapat layanan dan perkhidmatan yang berlainan pula daripada pegawai-pegawai Kerajaan di bawah Jabatan-jabatan

yang tertentu. Persaingan di antara Jabatan-jabatan ini, biarpun didorongkan oleh tujuan dan niat-niat yang murni, telah menimbulkan kekeliruan di kalangan peladang-peladang kita sendiri terhadap tujuan-tujuan serta dasar-dasar Kerajaan. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berlanjutan, maka nescayalah ianya akan membawa akibat buruk kepada peladang-peladang kerana ini akan memecah-belahkan mereka. Persaingan di antara Jabatan-jabatan Kerajaan akan melahirkan perasaan kurang kepercayaan di kalangan rakyat terhadap pimpinan Kerajaan. Pendek kata, usaha-usaha dan tenaga Kerajaan bagi membantu peladang-peladang dalam keadaan yang demikian akan merupakan "counter-productive".

Memandangkan kepada hal-hal ini, adalah wajar supaya disusun semula pertubuhan-pertubuhan itu dengan mencantumkan kedua-duanya, demi menjaga kepentingan petani-petani kita sendiri. Kuasa-kuasa bagi menyatukan Persatuan-persatuan Peladang dengan syarikat-syarikat kerjasama yang bercorak pertanian yang telah sedia berdaftar, dan wujud dalam kawasan-kawasan pertanian yang tertentu, di bawah Rang Undang-undang Akta Pertubuhan Peladang, 1973, yang telah kita luluskan tadi.

Tujuan utama bagi menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang ini adalah supaya semua usaha dan kegiatan bagi memajukan masyarakat tani akan berjalan dengan penuh penyelarasan, serentak, lancar dan lincin. Penyelarasan dengan usaha-usaha badan-badan Kerajaan yang Iain, adalah dianggap mustahak. Dengan adanya penyelarasan yang rapi adalah diharapkan bahawa tidaklah akan timbul lagi perselisihan faham dan pertindihan tugas (duplication of efforts) di kalangan pegawai-pegawai dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Begitu juga tidaklah harus timbul lagi beza-membeza di antara ahli-ahli Persatuan Peladang dengan Syarikat-syarikat kerjasama yang bercorak pertanian kerana semuanya kelak akan bersatu di bawah panji-panji Pertubuhan Peladang sahaja. Lembaga ini akan mengambil alih tugas-tugas bagi memaju Persatuan-persatuan Peladang daripada Jabatan Pertanian dan syarikat-syarikat kerjasama yang bercorak pertanian daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Seksyen 4 (1) dalam Rang Undang-undang ini menerangkan tugas-tugas Lembaga Pertubuhan Peladang, iaitu:

- (a) untuk menggalakkan, mempergiat, memudah dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial Pertubuhan Peladang;
- (b) untuk mendaftar, mengawal dan menyeliaikan Pertubuhan Peladang;
- (c) untuk merancang dan mengusahakan apa-apa kemajuan pertanian di dalam kawasan Kemajuan Peladang itu; dan
- (d) untuk mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktibiti-aktibiti yang tersebut.

Walau bagaimanapun, Lembaga Pertubuhan Peladang boleh diberi apa-apa tugas-tugas lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan mentadbir dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud sebagaimana yang diuntukkan atau diberikan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri (Seksyen 11). Kuasa-kuasa Lembaga sebagaimana yang didapati di bawah Seksyen 4 (2) adalah bertujuan bagi memperluaskan "economic base" bagi masyarakat tani kita. Lembaga ini akan menyusun rancangan-rancangan bagi menubuhkan "agro-based industries" serta enterprais-enterprais perdagangan dan perindustrian. Adalah diharapkan bahawa dengan penyertaan ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan peladang dalam aktibiti-aktibiti ini paras pendapatan masyarakat tani akan meningkat naik.

Matlamat akhir Kerajaan bagi menubuhkan Lembaga Pertubuhan Peladang ini adalah hendak mencapai ke arah memodenkan sektor pertanian. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, untuk mencapai matlamat ini, kita terpaksa mengubah corak "subsistence farming" ke arah "commercial farming". Pada ringkasnya, matlamat ini boleh dicapai melalui unsur-unsur seperti berikut:

- (a) penggunaan ciri-ciri teknologi yang lebih baik;
- (b) penggunaan alat-alat jentera di ladang-ladang;
- (c) penggunaan jenis-jenis tanaman yang baru;
- (d) sistem pengurusan ladang yang lebih sempurna;
- (e) sistem pemasaran yang lebih baik;

- (f) land reform, serta cara-cara penggunaan tanah yang lebih productive;
- (g) perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan;
- (h) tindakan secara kumpulan oleh petani-petani, iaitu melalui Pertubuhan Peladang; dan
- (j) dengan penyediaan kemudahan-kemudahan seperti air, bekalan elektrik serta alat-alat perhubungan yang lain.

Perancangan serta penyusunan rancangan-rancangan mengenai perkara-perkara ini adalah menjadi tanggungjawab utama Lembaga Pertubuhan Peladang dalam usaha-usahanya bagi memodenkan sektor pertanian.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini petani-petani kita adalah mendapatkan kredit daripada pelbagai sumber, termasuklah daripada badan-badan Kerajaan. Pada setengah-setengah pihak, adalah didapati bahawa usaha-usaha bagi melanjutkan kredit serta "agricultural inputs" kepada petani-petani itu telah tidak dapat diselaraskan dengan sempurna. Oleh hal yang demikian, pihak Kerajaan, oleh kerana memandangkan bahawa penyediaan kredit dan "agricultural inputs" ini adalah merupakan alat-alat yang utama bagi mempercepatkan proses memodenkan sektor pertanian, telahpun mengambil keputusan bagi menugaskan Lembaga Pertubuhan Peladang ini bagi mengendalikan "Agricultural Development Centres" (Pusat-pusat Kemajuan Pertanian). Pusat-pusat Kemajuan Pertanian ini akan memainkan peranan yang penting dalam usaha-usaha Lembaga Pertubuhan Peladang ini memodenkan sektor pertanian. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa ini persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama adalah menumpukan bantuan serta perkhidmatan-perkhidmatan kepada ahli-ahli mereka sahaja. Peladang-peladang yang lain yang bukan menjadi ahli persatuan peladang ataupun syarikat kerjasama terpaksa meminjam i ataupun memperoleh kredit daripada "private local credit centres". Dalam pada itu pusat-pusat ini tiada mempunyai kemampuan bagi menimbangkan pinjaman kepada keseluruhan masyarakat tani dalam kawasan pertanian yang berkenaan. Memandangkan kepada hal ini, Lembaga Pertubuhan Peladang akan mewujudkan Kawasan Kemajuan Peladang

mengikuti seksyen 10 dalam Akta ini di mana kemajuan pertanian dan ekonomi yang diperhebatkan akan digalakkan. Di tiap-tiap satu kawasan itu Lembaga Pertubuhan Peladang akan mendirikan Pusat Kemajuan Pertanian yang akan bertanggungjawab bagi membekalkan "agricultural inputs" dan perkhidmatan-perkhidmatan yang sewajarnya kepada petani-petani yang berkelayakan menerima bantuan. Pusat Kemajuan Pertanian ini akan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada semua peladang-peladang yang berkelayakan di kawasan yang berkenaan. Oleh kerana aktibiti-aktibiti Pusat Kemajuan Pertanian itu akan meliputi semua peladang-peladang di kawasan kemajuan yang berkenaan, maka nescayalah pusat kemajuan ini akan berkembang sebagai satu pusat yang "viable", oleh kerana ianya akan mengendaiikan sekumpulan wang pinjaman yang besar serta mengendalikan aktibiti-aktibiti perniagaan yang sangat luas.

Tuan Yang di-Pertua, nyatalah bahawa dengan tertubuhnya Pusat Kemajuan Pertanian kelak, ianya akan membawa satu perubahan institusi (institutional change) dalam sistem ekonomi rakyat luarbandar. Dengan tertubuhnya Pusat Pertanian ini sendiri telah merupakan satu perubahan institusi dalam penyampaian kredit bagi masyarakat kita di luarbandar. Dengan perubahan sistem kredit ini adalah diharapkan ianya juga akan dapat menyetujui perubahan-perubahan intitusi yang lain di luar bandar. Satu daripada institusi yang dianggapkan perlu mengalami perubahan ialah berkenaan dengan (a) pajakan tanah dan (b) penyatuan bidang-bidang tanah yang kecil untuk menjadi bidang tanah yang difikirkan ekonomik dan "viable" bagi pengeluaran hasil pertanian. Adalah juga diharapkan bahawa dengan adanya sejumlah kredit yang besar di kawasan luarbandar peladang-peladang akan berkebolehan bagi menebus kembali tanah-tanah mereka yang telah tergadai. Sayugia diingatkan bahawa "commercial farming" adalah bergantung kepada keluasan serta jaminan hak ladang-ladang kepunyaan peladang-peladang itu sendiri. Bagi maksud ini Lembaga Pertubuhan Peladang melalui Pusat-pusat Kemajuan Pertanian dan juga dengan kerjasama badan-badan yang lain seperti pihak-pihak Universiti dan Unit-unit Perancangan Kerajaan akan

menjalankan kajian berkenaan dengan "land ownership", "tenancy" dan juga keluasan ladang-ladang yang didapati pada masa ini di kawasan-kawasan luar bandar.

Penubuhan Lembaga Pertubuhan Peladang ini adalah merupakan kemuncak usaha-usaha Kerajaan bagi menyelaras dan memperkemas jentera-jentera pentadbiran bagi memaju serta mengawasi perjalanan masyarakat petani kita. Satu Majlis Penasihat Peladang adalah ditubuhkan mengikut seksyen 6 Rang Undang-undang ini bagi maksud menasihatkan Menteri atas perkara-perkara yang berkenaan dengan kemajuan pertubuhan-pertubuhan peladang. Dengan tujuan mencapai penyelarasan yang sempurna, terutama sekali di antara badan-badan berkanun yang lain seperti RISDA, FAMA, FIMA, MARDI dan juga dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab bagi kemajuan pertanian, maka saya sendiri akan mengawasi Lembaga ini. Adalah diharapkan bahawa dengan penyelarasan yang sempurna di antara Lembaga ini dengan badan-badan itu, maka akan lahir perhubungan yang bersifat "symbiotic" di antara mereka itu. Dengan adanya perhubungan yang baik dan juga saling bantu-membantu di antara badan-badan ini, Kerajaan yakin dan percaya bahawa rancangan-rancangan bagi memperbaiki masyarakat tani kita akan dapat dilaksanakan di atas dasar "integrated approach".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berdiri untuk mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan berkenaan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang, 1973.

Sebentar tadi kita telah meluluskan satu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Penubuhan Peladang, 1973 yang mana ada kaitannya dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang.

Saya suka mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan, kerana mengadakan undang-undang ini yang akan

menjadi satu payung besar kepada persatuan-persatuan peladang dan pertubuhan-pertubuhan peladang dan boleh dikatakan apa juga yang meliputi peladang.

Apabila saya pandang kepada kandungan undang-undang ini, saya dapati undang-undang ini sangat teratur dari segi kandungannya dari segi kuasa-kuasa yang diberi kepada Lembaga Pertubuhan Peladang ini.

Walau bagaimanapun saya ada dua sahaja perkara yang saya hendak timbulkan di sini. Yang pertamanya ialah berkenaan dengan Fasal 31. Fasal 31 ialah berkenaan dengan kuasa-kuasa yang diberi kepada lembaga ini untuk mengambil tanah secara paksa di bawah undang-undang yang tertentu iaitu mungkin di bawah undang-undang Land Acquisition Act, 1960.

Di sini saya suka membuat satu pandangan kepada Kerajaan samada masanya sudah sampai atau tidak bagi Kerajaan memandangkan samada undang-undang ini sesuai atau patut dipinda memandangkan keperluan negara. Kerana kalau kuasa-kuasa hendak diberi di bawah Seksyen 31 ini bagi membolehkan Lembaga mengambil tanah secara paksa dan jikalau harganya terpaksa dibayarkan itu ialah dengan mengikut harga pasaran, mungkin Kerajaan atau Lembaga tidak mampu kalau sebenar-benarnya Lembaga ini hendak menjayakan tujuannya di bawah Akta ini kerana kalau tidak salah saya Menteri yang berkenaan ada menyebutkan Kerajaan bercadang hendak mengadakan sekurang-kurangnya 150 Kawasan Kemajuan Peladang. Ini mungkin memerlukan pengambilan tanah. Jikalau dia hendak membuatkan kawasan itu secara kawasan ekonomik, dan jikalau tanah yang diambil itu terpaksa diambil daripada tanah-tanah yang telah dibahagi iaitu di alienatekan, mungkin kita terpaksa merojok kepada undang-undang pengambilan tanah yang saya maksudkan. Dan jikalau mengikut cara-cara itu mungkin teruklah Kerajaan membiayainya. Saya cuma membual satu paadangan sahaja kepada Kerajaan samada masanya sudah tiba atau tidak bagi Kerajaan mengkaji samada undang-undang Land Acquisition Act tahun 1960 itu mungkin agak teruk sedikit kepada Kerajaan. Saya sedar peruntukan-peruntukan di bawah Perlembagaan Malaysia dari segi keadilan dan sebagainya tetapi kalau kita memandangkan kepentingan negara samada undang-

undang yang saya maksudkan itu patut dipinda atau tidak, itu saya mintalah Kerajaan timbangkan.

Perkara yang kedua, yang saya hendak timbulkan ialah mungkin satu perkara yang agak saya berat kepada kita semua di sini, kerana ini, rasa saya, menyentuh kedaulatan Dewan Negara. Sebenarnya kita telah berbincang berkenaan dengan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang ini hampir 4 jam, mungkin lebih daripada perbincangan yang telah berlaku di Dewan Rakyat. Tetapi di bawah peruntukan Rang Undang-undang ini nampaknya kita tidak begitu dihormati, kerana kalau kita lihat Fasal 12 (3) nampaknya Lapuran itu hanya diserahkan kepada Dewan Rakyat sahaja dan bukan kepada kedua Dewan Parlimen. Dan begitu juga kalau kita lihat Fasal 24 (4) sekali lagi Lapuran itu diserahkan sahaja kepada Dewan Rakyat dan tidak kepada kedua Dewan Parlimen, maknanya kita ini tak dipedulikan langsung, pada hal kita mengambil masa lebih daripada 4 jam membincangkan masaalah peladang ini.

Tuan Yang di-Pertua mungkin ingat pada perbahasan yang telah lalu yang mana kita telah menimbulkan perkara ini dan kita juga telah mendapat pengakuan daripada Yang Berhormat Peguam Negara yang mana perkara ini tak patutlah berlaku. Maknanya kedaulatan Dewan Negara ini mestilah dijaga. Inilah satu perkara yang saya rasa tugas saya menimbulkan kerana ini memandangkan kedaulatan Dewan ini. Sekianlah sahaja pandangan saya, terima kasih.

#### **Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:**

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya suka memberikan tahniah kepada Kerajaan kerana dengan tegasnya membawakan satu undang-undang yang baru bagi memperbetulkan kelemahan yang telah berjalan selama ini dalam masaalah kemajuan pertanian kita.

Kalau sekiranya perjalanan yang tegas ini telah kita lakukan semenjak kita tubuhkan FAMA dahulu, sampai sekarang sudah berapa tahun, saya rasa Pusat Kemajuan Pertanian yang dikatakan oleh Menteri itu sekarang sudah menjalankan aktibitinya dan dengan itu dapat memberikan perkhidmatan dan bantuan kewangan dan sebagainya kepada petani-petani di kampung-kampung. Kalaulah

undang-undang FAMA yang dengan hebohnya kita tubuhkan beberapa tahun dahulu dapat berjalan dilaksanakan dengan tegasnya tetapi nasib kita kurang baik Undang-undang itu berjalan dengan begitu lemah, kemudian pula kuku-kukunya dicabut dan akhirnya FAMA menjadi fana. Kemudian kita tubuhkan Persatuan Peladang dan kita tubuhkan Lembaga Persatuan Peladang dan sekarang kita adakan Lembaganya hari ini.

Pada fikiran saya, sepatutnya apabila kita hendak mengadakan satu-satu undang-undang iaitu kita teliti bagaimana perkembangan di kampung. Bagaimana mentaliti orang kampung, bagaimana mentaliti peladang yang ada di kampung itu supaya kita tidak membuat satu undang-undang terpaksa dibuat satu undang-undang yang baru hendak menyelaraskan dan sebagainya. Jadi maknanya kerja kita ini ialah kerja hendak menyusun sahaja mengambil masa bertahun-tahun, bukan kerja hendak menjaikan kerja hendak mengeluarkan perkhidmatan dan sebagainya, tetapi penyusunan sahaja kita sudah bertahun-tahun mengambil masa. Sungguhpun kita berjalan, tetapi tidaklah begitu aktif yang boleh memberi faedah yang memuaskan, kerana susunan asal kita itu kita buat yang boleh menimbulkan halangan, pertentangan, perpecahan dan sebagainya. Jadi inilah saya kata kalau kita hendak susun satu-satu badan atau undang-undang sepatutnya kita kaji dengan mendalam dari segi cara berfikir rakyat di kampung, dari segi kekurangan kakitangan, dari segi ketegasan kita yang hendak menjaikan undang-undang ini dan sebagainya. Ini perlu dikaji supaya tidak kita berpusing-pusing dengan satu kerja yang tidak selesai. Saya suka menarik perhatian Kerajaan supaya jangan Lembaga yang ditubuhkan dengan kuasa-kuasa yang diberi di masa yang akan datang nanti kita menempuh pula beberapa halangan pula yang menyebabkan kita membiarkan undang-undang itu menjadi lemah. Sebab daripada apa yang ada dalam Undang-undang ini, saya rasa, tidak ada benda yang boleh dikatakan boleh terhalang, sehingga rakan kita Senator Kamarul Ariffin ada mengeluarkan satu hujah sehingga dalam undang-undang ini memperuntukkan satu fasal yang memberi kuasa penuh untuk mengambil tanah dengan cara bayaran Kerajaan untuk kemajuan pertanian. Kuasa yang diberi itu cukup dan lengkap. Apa yang mustahak sekarang perjalanannya. Apabila undang-undang ini lulus, kita hendak berjalan, kalau

kita lemah dalam perjalanan, maka lemahlah undang-undang ini. Dalam perjalanan, kita berkehendakkan kepada kakitangan, wang dan kalau tidak ada wang yang cukup, kita tak boleh mengadakan Pusat-pusat Kemajuan Pertanian dan sebagainya. Jadi wang perlu. Kakitangan yang cekap perlu. Kalau Menteri kata, "apa boleh buat, kita tak ada orang," kita tak mahu jawapan "apa boleh buat, kita tak ada orang dan terpaksa mengambil masa." Kita tak mahu main mengambil masa. Kita mahu Kerajaan memberi satu directive yang tegas kepada institusi yang ada hari ini supaya membuka Pusat-pusat Latihan, adakan guru-guru yang cekap, kalau tidak ada yang cekap, panggil guru daripada luar negeri untuk memberi latihan kepada anak-anak muda kita supaya kita mempunyai ahli-ahli yang cukup untuk memimpin dan menjaikan undang-undang ini. Ini perlu. Jadi kalau sekiranya kita hendak tunggu sebagaimana kata Yang Berhormat, sampai bertahun sampai berbulan-bulan untuk mengadakan guru, kita tak mahu lagi alasan-alasan yang boleh mengambil masa seperti itu. Kita mahu satu cara yang tegas atau lebih dinamis bertindak dalam saat, musim dan zaman baru ini. Inilah puncanya, sebab kekurangan kakitangan dan sebab kekurangan latihan, kekurangan latihan disebabkan kekurangan guru atau juru-latih. Kekurangan juru-latih tidak menjadi sebab. Kalau kita tidak cukup jurulatih atau guru-guru di dalam negeri kita boleh ambil guru daripada luar negeri. Kita pernah mengambil doktor daripada luar negeri, kita pernah ambil pakar daripada luar, kenapa kita tak boleh ambil guru-guru dalam pertanian ini daripada luar, kalau difikirkan perlu. Begitu juga wang, kalau kita boleh pinjam dari Bank Dunia beribu-ribu juta untuk perusahaan, kenapa tidak boleh kita pinjam wang daripada Bank Dunia untuk kemajuan pertanian dalam mana menjadi asas dan tulang belakang perjalanan dan kekuatan Kerajaan kita hari ini.

Selain daripada itu, saya menyokong ucapan Senator Kamarul Ariffin tentang perkataan "Dewan Negara" yang ditinggalkan daripada Undang-undang ini dan ini bukan kali yang pertama. Pernah undang-undang yang telah lama beberapa kali, bila hendak dibentangkan Laporan kepada Parlimen tidak disebut "Parlimen", disebut Dewan Rakyat. Padahal kita ini Ahli Parlimen, dan di sini ada dua Dewan. Dengan sebut Parlimen pun cukup, jadi ini bukanlah kali yang pertama. dan sudah beberapa kali

berlaku. Saya rasa ini kesilapan pegawai yang deraf undang-undang ini. bukan kesilapan Peguam Negara. Barangkali pegawainya yang tersalah, tertinggal, jadi Peguam Negara tidaklah hendak baca tiap-tiap ayat dalam undang-undang ini. Barangkali, saya fikir. Jadi barangkali, dia bersetuju dengan saya waktu hendak baca itu dia sekali lagi tengok, dan cukup puas hati, sebab pegawai kanannya derafkan undang-undang itu tentulah orang yang dipercayai, orang yang sudah cukup berpengalaman. Orang yang berada di dalam Dewan ini memerhati, mendengar ucapan-ucapan kita. Jadi tahu apa maksud Dewan Negara ini. Jadi diterima begitu sahajalah apa yang diatitkan itu. Itulah sebabnya, saya rasa, kita tidaklah boleh menyalahkan Peguam Negara, sebab dia ahli Dewan ini juga. Jadi kalau kita tertinggal, dia pun tertinggal juga, maknanya dia tinggal diri dia sendiri. Kita tak boleh menyalahkan dia kerana dia Ahli kita, cuma maklum sahajalah manusia ini ada kekurangannya.

Selain daripada itu, saya suka hendak menarik pandangan, bahawa ada kesilapan-kesilapan terjemahan umpamanya, sebab di sini dalam bahasa Melayunya lain dalam bahasa Inggerisnya lain. Dalam bahasa Melayu dikata Lembaga dalam Fasal 12 (1) umpamanya "Lembaga hendaklah memberi kepada Lembaga" tak pernah lagi berlakunya.

12 (1) Lembaga hendaklah memberi kepada Lembaga dan mana-mana orang. Mana Lembaga hendak beri kepada Lembaga sepatutnya Lembaga memberi kepada Menteri, maknanya dalam bahasa orang Putih dikata ada bahasa orang putih di sini dalam Fasal 12 (1) The Authority shall furnish the Minister bukanlah "The Authority shall furnish the Authority" di dalam bahasa Inggerisnya, saya tidak lawyer, tetapi Encik Kamarul Ariffin yang baca barangkali tentulah ini kesalahan dalam terjemahan Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan. Jadi saya tidak faham adakah kita asaskan Undang-undang ini di atas Bahasa Kebangsaan sebagai rojokan ataupun kepada bahasa Inggeris. Kalau rojokan kepada Bahasa Kebangsaan teruk sedikit kita ini, kena tolak balik Undang-undang ini kepada Dewan Rakyat. Kalau kita buat pindaan, pindaan ini terpaksa rojok balik kepada Dewan Rakyat, tiga bulan lagi baharu bawa kesini jadi teruklah. Saya fikir, ini barangkali salah cetak, barangkali Peguam Negara tidak payahlah bawa

pindaan barangkali. sebab kalau bawa pindaan teruklah kita terpaksa mesyuarat balik atas Undang-undang ini. Saya harap ini menjadi salah cetak supaya dicetak diperbetulkan masalah cetak yang baharu. Itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya pun tidaklah berniat pada awal di dalam perkara ini, tetapi nampaknya Lembaga Pertubuhan Peladang ini cukup sempurna dengan Lembaga-nya, Ahli Lembaga, Penasihat, Menteri. Tuan Yang di-Pertua, muka 7 Fasal 5. Lembaga hendaklah terdiri dari Ahli-ahli yang berikut:

Yang dilantik oleh Menteri seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah, dan enam orang ahli lain, tidak lebih daripada empat daripadanya hendaklah dari perkhidmatan awam.

Ini sudah cukuplah, saya rasa, elok juga perkhidmatan awam ini banyak-banyak tambahan enam orang semua sekali di situ oleh kerana mereka ini experti belaka mereka yang boleh memikirkan masalah peladang-peladang dan petani-petani. Orang-orang ini ataupun orang-orang yang macam tidak sekolah ini, temu dia tidak tahu apa-apa masalah-masalah yang sebenarnya kepada pertanian itu pun kepada Pertubuhan ini.

Saya rasa terkurang ini daripada 4 orang itu. Patut semua sekali mestilah daripada perkhidmatan awam yang mereka lebih experti dan pengetahuan tinggi.

Yang kedua, mereka ini pun ditambah dengan Penasihat pula. Penasihat pun berderet nampaknya sampai ke bawah Pengerusi Lembaga, Timbalan Pengerusi ini pun satu daripada kerja-kerja kosong yang kalau diiklankan dalam surat-khabar nanti akan banyaklah orang minta kerja ini yang tentulah sekarang ini akan banyak orang-orang yang kurang bernasib baik di dalam rangka sekarang ini akan tempat-tenipat seperti sekarang ini.

Kalau kurang agaknya Timbalan Pengerusi saya rasa elok ditambah lagi Timbalan kepada Timbalan Pengerusi pun patut ditambah seorang lagi, kerana memberikan beberapa peluang kepada orang-orang yang patut diberi peluang dalam zaman kepentingan nasional sedang memuncak sekarang.

Saya tadi tidak hendak bercakap, oleh kerana walau bagaimana kita berbuih bercakap sekali pun report tidak hantar kepada kita di sini. Jadi buat apa kita cakap panjang-panjang. Kita ini Orang Dewan Rakyat kata Rubber Stamp, jadi Rubber Stamp tak Rubber Stamp itulah keadaannya, sehingga reportnya pun tidak dihantar kepada kita pun tidak ada ertinya walau pun berbuih bercakap tidak akan dipandang apa-apa dan Yang Berhormat Menteri yang hadir di sini semata-mata hendak meminta kita Rubber Stamp, capkan Billnya (*Ketawa*) sahaja. Kita tidak tentulah Yang Berhormat Peguam Negara yang sorang-sorang sini. Tetapi saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, walau banyak pun kalau tak masuk pun, kata Yang Berhormat Datuk Nik Hassan termasuk juga Yang Berhormat Peguam Negara, tetapi Yang Berhormat Peguam Negara ini kuasanya besar sedikit daripada kita ini. Dia boleh masuk ke dalam Dewan Rakyat dan dia boleh menjawab dalam Dewan Rakyat dan dia ada kuasa di situ tidak masuk Dewan Negara ini dia masuk juga di sana, cuma tidak boleh masuk kita sahaja (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kalau salah cetak tak salah cetak mintalah supaya Dewan Negara ini pun patut diambil juga perhatian. Nampaknya sudah biasa sangat sehingga T.V. kata yang bersidang Ahli-ahli Dewan Rakyat sahaja, Dewan Negara tidak ada. Jadi kesilapan ini saya tidak tahu tetapi saya mintalah kepada Yang Berhormat Tan Sri Peguam Negara tolong ambil perhatian samada ini silap atau sengaja ditinggalkan.

Saya menyokong Bill ini.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perkara ini sebelum Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab perkara ini.

Yang pertamanya, saya mengucapkan tertinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nik Hassan yang telah menunjukkan kesilapan huruf patut Menteri bubuh Lembaga iaitu boleh jadi silap taip atau silap cap dan perkara ini boleh diperbetulkan dengan tidak payah bawa pindaan, dan saya ucapkan terima kasih.

Sebetulnya, saya sendiri pun tidak mengulas dan membaca undang-undang ini Dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang menyemak satu persatu daripadanya.

Yang keduanya, berkenaan dengan teguran daripada tiga Ahli termasuk Yang Berhormat Kamarul Ariffin, Datuk Nik Hassan, Tuan Haji Othman berkenaan dengan Fasal 12 tadi yang mana report ini mesti dibentangkan kepada Dewan Rakyat sahaja. Saya suka menerangkan di sini iaitu pada masa-masa yang lampau yang dahulu semuanya Undang-undang seperti ini dan report-report itu dibentangkan kepada Dewan Rakyat sahaja. Kerana mana yang berkenaan dengan kewangan ialah Dewan Rakyat yang lebih bertanggungjawab. Pada mesyuarat, kalau tak salah tahun yang lepas, mulalah perkara ini dibangkitkan dalam Dewan ini, iaitulah kali pertamanya. Lepas dibangkitkan itu, saya bawa kepada Kerajaan dan Kerajaan bersetuju pada hasrat dan kehendak Dewan Negara ini yang saya bawa kepada "Kerajaan iaitu sepatutnya dan menasabahlah segala report itu dibawa kepada Dewan Negara. Kerana Dewan Negara pun berhak boleh, misalnya tidak melulus Undang-undang ini kalau dikehendaki, atau lewatkan, ada kuasa, bukan tidak ada. Tetapi saya tidak percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sampai hati buat begitu kalau ada kesilapan seperti ini. Sebenarnya, selepas Undang-undang yang lepas itu kelmarin, dan kita telah pindaan dengan menambah perkataan Dewan Negara, saya telah memberi arahan kepada Bahagian Penggubal Undang-undang, jabatan saya, walaupun mereka itu ada kesilapan perkara ini sebagai Menteri, saya pikul apa-apa kesalahan daripada anak buah saya (*Tepuk*). Dan saya bagi diri saya sendiri dan bagi pihak jabatan saya, saya minta maaf, saya mesti pikul kesalahan itu. Sebetulnya saya tak baca, sepatutnya saya sendiri mesti baca dan semak. Saya tidak menyalahkan anak buah saya walaupun dia yang buat kesilapan.

Saya fikir bukan undang-undang ini sahaja yang ada kesilapan, boleh jadi juga Undang-undang yang lepas-lepas dahulu ada juga di Dewan Rakyat. Saya cadangkan dua perkara:

Yang pertama, kalau kita bawa pindaan ini ditambahkan Dewan Rakyat pada mesyuarat yang akan datang dalam Undang-undang ini sahaja yang dapat

diperbetulkan, tetapi banyak undang-undang lain yang telah lepas tidak mendapat reportnya.

Saya akan mencadangkan kalau disetujui oleh Kerajaan satu Undang-undang baru khas iaitu mana-mana report., mana-mana statement dan lain-lain yang dikehendakkan dibentangkan di Dewan Rakyat hendaklah juga dibentangkan di Dewan Negara manakala itu meliputi segala-galanya (*Tepuk*). Saya berjanji dalam Dewan ini membawa salah satu daripadanya.

Yang kedua, mengenai teguran yang lebih besar dan lagi mustahak dan patut saya terangkan di sini ialah Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin atas seksyen 31, berkenaan dengan mengambil tanah. Saya hendak menerangkan di sini dengan jelas dalam perkara ini mengambil tanah secara paksa dalam bahasa Melayu. Yang Berhormat telah menyebutkan kerana ada dalam Perlembagaan kita, iaitu Artikul 13 yang berbunyi:

"13. (1) Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.

(2) Tiada suatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi".

Ini bermakna ialah mengikut Land Acquisition Act kita, segala harta yang dimiliki oleh rakyat yang hendak diambil oleh Kerajaan hendaklah dibayar secukupnya mengikut harga pasaran, harga yang patut dia dapat yang sepatut sekiranya dia menjual kepada seorang lain, kalau kurang daripada itu maka berhaklah rakyat mendakwa Kerajaan membawa ke mahkamah dibicarakan kadang-kadang sampai tiba ke Privy Council—ini hak rakyat. Kalau kita hendak ubah Seksyen 31 itu berkehendakkan perubahan yang besar, polisi yang besar di dalam Perlembagaan. Tidaklah boleh kita buat apa-apa melainkan Perlembagaan itu diubah terlebih dahulu dan kalau ubah Perlembagaan itu bukan senang. Ini sahaja meliputi banyak undang-undang lain yang akan bersangkutan dengannya.

Dari itu, saya sedar apakala perkara ini bincangkan oleh Kerajaan Seksyen 31 ini tidaklah bermakna yang Kerajaan itu pada masa akan datang, yakni Pertubuhan Peladang ini akan mengambil atau membeli segala tanah-tanah rakyat ini dengan cara paksa dan dibayar harga pasaran selepas itu dijadikan harta Pertubuhan Peladang. Kebanyakan tanah-tanah yang akan kita dapati pada masa akan datang ialah dengan kerjasama oleh Kerajaan Negeri di mana banyak tanah-tanah yang kosong yang difikirkan boleh di ambil, itu boleh diambil, boleh jadi kalau kurang besar tanah itu ada dekat-dekat tanah "itu. tanah rakyat yang kurang maju dan terpaksa kita hendak belikan, itu boleh jadi digunakan undang-undang ini kita ambil, atau ada kawasan yang mana kita berkehendakkan tubuh pejabat-pejabat kerana pertubuhan ini yang berkehendak menggunakan tanah terpaksa kita membeli tanah, kemudian diberi kuasa acquisition atau membelinya dengan cara paksa dan bayar harga pasaran, sebab saya tak percaya kalau kita hendak mengambil tanah dengan cara paksa semuanya daripada rakyat untuk tujuan Pertubuhan Peladang ini sememang makan belanja. Saya bersetuju dengan teguran Ahli Yang Berhormat tadi boleh jadi bermillion-million kerana kita mesti membayar harga pasaran—cost of market value. Itulah yang dapat saya terangkan kepada Dewan ini.

**Tengku Ahmad Rithaudeen AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kurangnya sedikit untuk saya menjawab oleh sebab Yang Berhormat Peguam Negara pun menyebutkan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah dikemukakan dan hanya tinggal satu sahaja yang mana telah dibangkitkan oleh Datuk Nik Hassan yang mana saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberi iaitu buat masa sekarang ini kita telah menubuhkan pusat-pusat ini. Kita berhasrat dengan adanya lembaga ini kita dapat menubuhkan sekurang-kurangnya 150 kawasan pertanian yang mana akan juga didirikan pusat-pusat Kemajuan Pertanian, hanya kalau tak salah saya 23 pusat sahaja yang telah ditubuhkan dalam kawasan MARDA dan 4 di kawasan KADA. Kita berharap dengan adanya lagi ini kita dapat di bawah undang-undang lembaga ini kita mengadakan Pusat-pusat Kemajuan Pertanian ini untuk memberikan kemudahan-kemudahan, untuk memberikan nasihat,

untuk memberi cara-cara teknologi dan sebagainya kepada petani-petani yang memerlukan nasihat-nasihat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah jawapan saya rasa seperti yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Peguam Negara, jikalau Seksyen 32 yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin iaitu undang-undang jikalau hendak ambil balik tanah mestilah mengikut undang-undang yang ada sekarang ini iaitu mengikut Land Acquisition Act, 1961, kalau tak salah saya. Saya rasa kalau hendak mencepatkan kemungkinan untuk kegiatan lagi pertubuhan ini perlulah saya rasa kita menggubal dan meminda undang-undang lembaga ini dan juga dari segi nama Dewan Negara ini, saya rasa dukacita sangat. Bukan kata hasrat, berniat hendak memperkecil-kecilkan Dewan Negara ini, saya rasa, mungkin telahpun saya diberi faham tadi iaitu Peguam Negara pun pada masa yang lampau telahpun berjanji untuk mengadakan di mana lapuran-lapuran yang dibuat oleh Dewan Rakyat yang berkaitan dengan ini maka dibuat juga di sini, tetapi muskhillnya ada pegawai yang berkenaan, mungkin Parliamentary Draftsman terlupa di atas hendak masukkan Dewan Negara. Oleh sebab kebiasaan seperti yang telah diterangkan oleh • Yang Berhormat Peguam Negara dari segi kewangan adalah keutamaan dari segi menjaga kewangan adalah Dewan Rakyat, bukan Dewan Negara. Inilah asas yang dikeluarkan mengikut demokrasi cara berparlimen iaitu no taxation without representation or no representation without taxation, inilah keadaannya. Jadi yang betul-betul ialah Dewan Rakyat jadi kebiasaan di mana-mana dari segi kewangan hanya dibuat kepada Dewan Rakyat, tetapi saya rasa perlulah juga sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini patut tahu juga. Maka

dengan jaminan daripada Yang Berhormat Peguam Negara, *saya* rasa, kita berharap pada masa akan datang Dewan Negara ini tidak ditinggalkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 38* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Pertama* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Kedua* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Ketiga* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual Keempat* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Dewan Negara ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.40 malam.*